



**DEWAN NEGARA
PARLIMEN KELIMA BELAS
PENGKAL KEDUA
MESYUARAT KEDUA**

Bil.17

Rabu

21 Jun 2023

K A N D U N G A N

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN	(Halaman	1)
RANG UNDANG-UNDANG:		
Rang Undang-undang Kesihatan mental (Pindaan) 2023	(Halaman	34)
Rang Undang-undang Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Pindaan) 2023	(Halaman	56)
Rang Undang-undang Tenaga Boleh Baharu (Pindaan) 2023	(Halaman	97)

AHLI HADIR

1. Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Negara, Tan Sri Dr. Haji Wan Junaidi Bin Tuanku Jaafar (Dilantik)
2. “ Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara, Datuk Nur Jazlan Bin Tan Sri Mohamed (Dilantik)
3. Puan Saraswathy A/P Kandasami [Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi] (Dilantik)
4. “ Tuan Ak Nan A/L Ehtook (Dilantik)
5. “ Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee (Dilantik)
6. “ Datuk Paul Igai (Dilantik)
7. “ Datuk John Ambrose (Dilantik)
8. “ Datuk Razali Bin Idris (Dilantik)
9. “ Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai (Dilantik)
10. “ Tuan Manolan Bin Mohamad (Dilantik)
11. “ Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol (Dilantik)
12. “ Tuan Ir. Md Nasir Bin Hashim (Dilantik)
13. “ Tuan Robert Lau Hui Yew (Dilantik)
14. “ Puan Susan Chemeraai Anding (Dilantik)
15. “ Dato’ Dr. Nelson A/L Renganathan (Dilantik)
16. “ Tan Sri Haji Mohamad Fatmi Bin Haji Che Salleh (Dilantik)
17. “ Datuk Dr. Azhar Bin Ahmad (Dilantik)
18. “ Dato’ Arman Azha Bin Abu Hanifah (Dilantik)
19. “ Dato’ Sri Vell Paari A/L Tun Samy Vellu (Dilantik)
20. “ Tuan Jaziri Alkaf Abdillah Suffian (Dilantik)
21. “ Prof. Tan Sri Datuk Dr. Hj. Mohamed Haniffa Bin Hj. Abdullah (Dilantik)
22. “ Datin Ros Suryati Binti Alang (Dilantik)
23. Datuk Seri Hajah Zurainah Binti Musa (Dilantik)
24. “ Datuk Wira Dr. Mohd Hatta Bin Md Ramli (Dilantik)
25. “ Prof. Datuk Seri Dr. Awang Bin Sariyan (Dilantik)
26. Tuan Abun Sui Anyit (Dilantik)
27. “ Tuan Mohd Hasbie Bin Muda (Dilantik)
28. “ Dato’ Sivaraj A/L Chandran (Dilantik)
29. “ Tan Sri Dato’ Low Kian Chuan (Dilantik)
30. “ Puan Noorita Binti Sual (Dilantik)
31. “ Tuan Roderick Wong Siew Lead (Dilantik)
32. “ Dato’ Haji Husain bin Awang (Terengganu)

AHLI HADIR (samb/-)

- | | | |
|-----|----------------|--|
| 33. | Yang Berhormat | Tuan Haji Husain Bin Ismail (Terengganu) |
| 34. | “ | Tuan Haji Aziz bin Ariffin (Perlis) |
| 35. | “ | Tuan Seruandi Bin Saad (Perlis) |
| 36. | “ | Dato' Kesavadas A/L A. Achyuthan Nair (Negeri Sembilan) |
| 37. | “ | Dato' Dr. Ahmad Azam Bin Hamzah (Negeri Sembilan) |
| 38. | “ | Datuk Lim Pay Hen (Johor) |
| 39. | “ | Dato' Haji Jefridin Bin Haji Atan (Johor) |
| 40. | “ | Tuan Sr. Haji Mohd Apandi Bin Mohamad (Kelantan) |
| 41. | “ | Dr. Hajah Wan Martina Binti Wan Yusoff (Kelantan) |
| 42. | “ | Dato' Shamsuddin Bin Haji Abd Ghaffar (Perak) |
| 43. | “ | Datuk Seri Dr. Mujahid Bin Yusof (Perak) |
| 44. | “ | Tuan Haji Abdul Nasir Bin Haji Idris (Kedah) |
| 45. | “ | Dato' Ajis Bin Sitin (Pahang) |
| 46. | “ | Dato' Juhanis Binti Abd Aziz (Pahang) |
| 47. | “ | Datuk Bobbey Ah Fang Bin Suan (Sabah) |
| 48. | “ | Puan Noraini Binti Idris (Sabah) |
| 49. | “ | Dato Dr. Nuing Jeluing (Sarawak) |
| 50. | “ | Dato' Ahmad Bin Dato' Sri Haji Ibrahim (Sarawak) |
| 51. | “ | Datuk Wira Koh Nai Kwong (Melaka) |
| 52. | “ | Dr. Lingeshwaran A/L Dato' Seri R. Arunasalam (Pulau Pinang) |
| 53. | “ | Tuan Amir Bin Md Ghazali (Pulau Pinang) |
| 54. | “ | Tuan Isaiah A/L D. Jacob (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) |
| 55. | “ | Datuk Mohd Hisamudin Bin Yahaya (Wilayah Persekutuan Putrajaya) |
| 56. | “ | Tan Sri Datuk Seri Anifah Bin Aman (Wilayah Persekutuan, Labuan) |

AHLI TIDAK HADIR

- | | | |
|----|----------------|--|
| 1. | Yang Berhormat | Datuk Seri Saifuddin Nasution Bin Ismail [Menteri Dalam Negeri] |
| 2. | “ | Tengku Datuk Seri Utama Zafrul Bin Tengku Abdul Aziz [Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri] |
| 3. | “ | Dato' Seri Diraja Dr. Zambry Bin Abd Kadir [Menteri Luar Negeri] |

TIDAK HADIR
(DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 83)

- | | | |
|----|----------------|--|
| 1. | Yang Berhormat | Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im Bin Haji Mokhtar [Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)] |
| 2. | “ | Puan Hajah Fuziah Binti Salleh [Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup] (Dilantik) |
| 3. | “ | Dato' Sri Ti Lian Ker (Dilantik) |
| 4. | “ | Tuan Musoddak bin Ahmad (Kedah) |

HADIR BERSAMA

- | | | |
|-----|----------------|---|
| 1. | Yang Berhormat | Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi)] (Bukit Gelugor) |
| 2. | “ | Datuk Ugak Anak Kumbong [Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Sabah, Sarawak dan Tugas-tugas Khas)] (Hulu Rajang) |
| 3. | “ | Datuk Seri Haji Ahmad Bin Haji Maslan [Timbalan Menteri Kewangan I] (Pontian) |
| 4. | “ | Dato Hajah Rubiah Binti Wang [Timbalan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah] (Kota Samarahan) |
| 5. | “ | Datuk Haji Hasbi Bin Haji Habibollah [Timbalan Menteri Pengangkutan] (Limbang) |
| 6. | “ | Dato Hajah Hanifah Hajar Taib [Timbalan Menteri Ekonomi] (Mukah) |
| 7. | “ | Tuan Haji Akmal Nasrullah Bin Mohd Nasir [Timbalan Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan] (Johor Bahru) |
| 8. | “ | Tuan Haji Adly Bin Zahari [Timbalan Menteri Pertahanan] (Alor Gajah) |
| 9. | “ | Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar Bin Haji Nasarah [Timbalan Menteri Dalam Negeri] (Lenggong) |
| 10. | “ | Dato' Sri Huang Tiong Sii [Timbalan Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim] (Sarikei) |
| 11. | “ | Puan Teo Nie Ching [Timbalan Menteri Komunikasi dan Digital] (Kulai) |
| 12. | “ | Puan Lim Hui Ying [Timbalan Menteri Pendidikan] (Tanjong) |
| 13. | “ | Tuan Lukanisman Bin Awang Sauni [Timbalan Menteri Kesihatan] (Sibuti) |

**MALAYSIA
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KELIMA BELAS
PENGKAL KEDUA
MESYUARAT KEDUA
Rabu, 21 Jun 2023**

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi.

DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Timbalan Yang di-Pertua: Dipersilakan Yang Berhormat Senator Puan Rita Sarimah Anak Patrick Insol.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol minta Menteri Pengangkutan menyatakan, adakah kerajaan akan menyemak semula syarat-syarat kelulusan pemeriksaan kenderaan khususnya kekerapan pemeriksaan ke atas kenderaan perniagaan selain daripada menambah pelantikan syarikat pemeriksaan kenderaan.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Haji Hasbi bin Habibollah]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Saya mengambil kesempatan ucapan tahniah kepada Timbalan Yang di-Pertua yang dilantik menjadi Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara.

Tuan Yang di-Pertua, seperti ditetapkan di dalam Kaedah 4, Kaedah-kaedah Kenderaan Motor (Pemeriksaan Berkala, Kelengkapan dan Standard Pemeriksaan) 1995, setiap kenderaan perdagangan diwajibkan untuk menjalani pemeriksaan berkala di PUSPAKOM mengikut kekerapan yang ditetapkan. Ketetapan ini mengambil kira bahawa kenderaan perdagangan akan kerap digunakan di atas jalan dan membawa muatan perniagaan yang bagi aktiviti komersial.

Dalam hubungan ini, Kementerian Pengangkutan melalui agensinya Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), dan Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya (MIROS) sentiasa menyemak secara berterusan syarat-syarat kelulusan pemeriksaan kenderaan perdagangan bagi menjamin aspek keselamatan, dan *road worthiness*, dengan izin, kenderaan tersebut untuk digunakan di atas jalan raya. Berdasarkan semakan terkini, kadar kekerapan pemeriksaan melibatkan kenderaan perdagangan adalah memadai seperti yang ditetapkan pada masa ini.

Berkenaan pertambahan pelantikan syarikat pemeriksaan kenderaan, Kementerian Pengangkutan bersama Jabatan Pengangkutan Jalan pada masa ini sedang memuktamadkan semua peraturan, syarat-syarat, garis panduan dan lain-lain dokumen berkaitan yang akan ditetapkan kepada mana-mana pihak lain yang akan dipelawa untuk menawarkan perkhidmatan pemeriksaan kenderaan motor di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987. Semua perkara tersebut dijangka akan dimuktamadkan selewat-lewatnya sebelum akhir tahun 2023.

Proses pelawaan kepada pihak yang berminat akan boleh dimulakan dalam penggal pertama tahun 2024. Proses penilaian pula dijangka mengambil masa sehingga tiga bulan. Proses pelantikan pihak lain yang berjaya memenuhi semua syarat yang ditetapkan pula dijangka dapat dilaksanakan dalam penggal kedua tahun 2024 kelak.

Mana-mana pihak yang berjaya memenuhi semua syarat ditetapkan akan dipelawa dan dibenarkan beroperasi sebagai pusat pemeriksaan berkala kenderaan motor bagi pihak JPJ pada masa hadapan. Syarat-syarat yang bakal ditetapkan adalah setara seperti mana yang ditetapkan kepada pihak PUSPAKOM bagi memastikan wujudnya persekitaran perkhidmatan yang berdaya saing, adil dan mematuhi semua peraturan yang telah diwajibkan di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan.

Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol: Soalan tambahan. Bagi kenderaan komersial yang digunakan oleh pekebun kecil persendirian untuk kegunaan sendiri- soalan, sama ada kementerian boleh mengurangkan kekerapan pemeriksaan kenderaan daripada enam bulan sekali kepada setahun sekali, tertakluk kepada, dengan izin, *road worthiness* kenderaan demi mengurangkan beban kewangan kepada pekebun-pekebun kecil. Terima kasih.

Datuk Haji Hasbi bin Habibollah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator kerana bertanya soalan tambahan. Berkaitan dengan memendekkan masa ini, untuk makluman Yang Berhormat, prosedur standard dan kekerapan pemeriksaan yang telah ditetapkan di bawah Kaedah-kaedah Kenderaan Motor (Pemeriksaan Berkala, Kelengkapan dan Standard Pemeriksaan) ini adalah bagi mengguna pakai dan berpandukan kepada prosedur dan standard yang telah diguna pakai di peringkat antarabangsa.

Kekerapan pemeriksaan ini telah ditetapkan mengambil kira aspek keselamatan komponen kenderaan terbabit terutamanya melibatkan komponen-komponen kritikal keselamatan seperti sistem brek, tayar dan sistem kawalan kenderaan. Adalah dikhuatiri sekiranya tempoh ini dijarakkan ia akan meningkatkan risiko kegagalan komponen keselamatan berkenaan dan menyebabkan nahas jalan raya yang teruk terutamanya

melibatkan kenderaan barangan yang membawa muatan berat seperti lori pasir, lori batu, barangan besi, simen dan bahan-bahan binaan yang lain, sebagai contoh.

Perkara ini amat merunsingkan mengambil kira pada masa ini tiada terdapat had maksimum umur penggantian kenderaan barangan. Kenderaan barangan yang telah berusia turut menyumbang kepada risiko kegagalan komponen-komponen terbabit dan amat perlu dipantau oleh kerajaan. Ini demi menjaga keselamatan pengguna jalan raya yang lain juga. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Soalan tambahan. Sekali sahaja lah.

Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol: Soalan tambahan. Boleh?

Timbalan Yang di-Pertua: Sekali cukuplah. Bagi orang lain pula.

Tuan Abun Sui Anyit: Soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada? Baik Yang Berhormat.

Tuan Abun Sui Anyit: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya adalah apakah syarat-syarat untuk dilantik sebagai pusat pemeriksaan berkala ini?

Datuk Haji Hasbi bin Habibollah: Tuan Yang di-Pertua, rasanya saya dah sebut tadi ia masih dalam proses dimuktamadkan. Belum lagi selesai draf semua kerangka yang akan untuk melantik syarikat.

■1010

Akan tetapi yang pastinya ia pasti sama apa yang ada pada PUSPAKOM yang lain ini juga sama, tiada beza. Okey terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan seterusnya saya jemput Yang Berhormat Senator Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya untuk mengemukakan soalan.

2. Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya minta Menteri Kewangan menyatakan, adakah Malaysia akan menjadi tuan rumah bagi pengurusan tata kelola Tabung Kewangan Asia- *Asian Monetary Fund* seperti yang dicadangkan oleh Perdana Menteri semasa lawatan ke China baru-baru ini. Sejauh mana peranan Malaysia dalam perancangan Tabung Kewangan Asia.

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya. Tabung Kewangan Asia- *Asian Monetary Fund* (AMF) boleh dilihat sebagai langkah seterusnya dengan izin *the next step* dalam kerjasama di kalangan negara-negara serantau Asia.

Pertimbangan mengenai negara mana yang akan menjadi tuan rumah bergantung kepada kesepakatan negara-negara rantau Asia yang ada 68 buah negara. Pada masa ini fokus negara adalah untuk melibatkan kerjasama antara negara Malaysia dan negara-

negara lain untuk menambah baik mekanisme sedia ada dan juga melakukan kajian lebih mendalam.

Antara inisiatif yang telah diadakan bagi mengukuhkan keupayaan negara dan meningkatkan keyakinan negara-negara Asia terhadap potensi ekonomi dalam rantau Asia adalah seperti berikut.

Pertama, pada peringkat ASEAN+3, Asian, China, Jepun, Korea Selatan. Inisiatif yang telah usahakan termasuklah, dengan izin, *Chiang Mai Initiative Multilateralization* (CMIM) yang merupakan pengaturan pertukaran mata wang antara negara-negara ASEAN+3. Inisiatif ini membolehkan negara serantau berkongsi dana sekiranya salah sebuah negara mengalami krisis mudah tunai. Kerjasama ini turut diperkukuhkan melalui penubuhan sebuah institusi pengawasan ekonomi serantau iaitu Pejabat Penyelidikan Makroekonomi ASEAN+3 (AMRO), dengan izin, *ASEAN+3 Macroeconomic Research Office*.

Kedua, pada peringkat ASEAN, Malaysia telah melaksanakan pengaturan rangka kerja penyelesaian mata wang tempatan, dengan izin, *Local Currency Settlement Framework* (LCSF) bersama dengan Indonesia dan Thailand. Rangka kerja ini memudahkan negara-negara yang terlibat menggunakan mata wang tempatan untuk transaksi dua hala yang melibatkan perdagangan dan pelaburan.

Ketiga, pada November 2022 Gabenor Bank Pusat ASEAN, melalui deklarasi peningkatan kesalinghubungan pembayaran serantau dan penggalakan transaksi mata wang tempatan, dengan izin, *declaration and advancing regional payment connectivity and promoting local currency transaction* telah bersetuju untuk menggalakkan lagi penggunaan mata wang tempatan untuk transaksi ekonomi dan kewangan di kalangan negara anggota ASEAN.

Ini merupakan langkah awal untuk mengurangkan kebergantungan kepada USD dan mana-mana mata wang, demi meningkatkan lagi kestabilan kewangan serantau. Negara-negara serantau akan terus meningkatkan lagi kecekapan dan keberkesanan mekanisme dari semasa ke semasa supaya kestabilan ekonomi dan kewangan serantau terus terjamin. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Habis Menteri?

Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya: Soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila.

Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya: Dengan terbentuknya tabung AMF nanti, apa hala tuju penggunaan mata wang dua hala menggantikan mata wang *American Dollar* sebagai mata wang dagangan utama untuk membiayai perdagangan serta pelaburan antarabangsa di antara negara-negara ASEAN. Jika ingin dilaksanakan, bila tarikhnya dan

setakat ini, berapakah negara yang sudah memberikan komitmen terhadap cadangan tabung ini?

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan: Terima kasih. Di dunia ini kita tahu ada *World Bank* dan ada IMF. Di Asia, ada *Asian Development Bank* (ADB) dan cadangan baru ini ialah cadangan AMF.

Saya hadir di *Asian Development Bank Meeting* di Incheon pada awal bulan Mei dan memahami bahawa apakah tugas *Asian Development Bank* itu yang melibatkan 68 buah negara, dan bagaimana kesukaran dan cabaran untuk menubuhkan *Asian Monetary Fund* (AMF).

Saya ingin memaklumkan bahawa pada tahun 1997, Jepun mencadangkan AMF ini selepas krisis ekonomi Asian pada ketika itu, *Asian economic crisis*.

Kemudian, cadangan itu terhenti dan baru-baru ini Perdana Menteri Dato' Seri Anwar Ibrahim mencadangkan semula AMF iaitu ketika lawatan beliau Sidang Kemuncak ASEAN di Bangkok, lawatan beliau di China dan kemudian baru-baru ini adalah di ASEAN Summit 10 Mei 2023, di Labuan Bajo Nusa Tenggara Indonesia. PM sekali lagi menyatakan cadangan penubuhan AMF ini.

Jadi saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat, ini baru peringkat cadangan. Walaupun demikian, daripada segi penggunaan mata wang ketika perdagangan antara negara-negara ini. Negara yang sedang menggunakan mata wang masing-masing berniaga dengan negara kita ada tiga setakat ini, China 16 peratus menggunakan Renminbi, Thailand Baht 16.1 peratus daripada total penyelesaian perdagangan dan Indonesia Rupiah 16.6 peratus daripada keseluruhan penyelesaian perdagangan. Ketiga-tiga angka itu untuk tahun 2022. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan, Yang Berhormat Senator Datuk Razali.

Datuk Razali bin Idris: Terima kasih, Timbalan Yang di-Pertua, AMF sepertimana disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu semacam anak kepada IMF. Jadi negara kita telah berada di kancah IMF pada ketika 1997 krisis mata wang sehingga pada ketika itu kerajaan menolak penggunaan IMF.

Jadi apabila disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di China, maka...

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan Yang Berhormat?

Datuk Razali bin Idris: ...Kebarangkalian akan berlaku di Malaysia. Jadi soalan saya Tuan Yang di-Pertua, setakat mana ketersediaan negara Asia khususnya Malaysia dalam merealisasikan gagasan penubuhan AMF? Juga, apa yang akan dilakukan terlebih dahulu, kajian secara terperinci kebolehlaksanaan AMF khususnya di negara kita? Terima kasih Timbalan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan: Terima kasih, tujuan dan faedah awal yang dinyatakan mengenai *Asian Monetary Fund* (AMF) ini;

- (i) untuk memastikan kewujudan kestabilan dan daya tahan kewangan serantau;
- (ii) sebagai platform kerjasama kewangan 68 anggota Asia;
- (iii) membantu negara Asia yang menghadapi krisis mudah tunai.

Itu antara tiga tujuan dicadangkan AMF. Sama ada ia akan berlaku bila, belum ada tarikhnya. Ia baru peringkat kedua cadangan. Pertama, oleh Jepun. Kedua, oleh Malaysia. Dalam lingkungan jarak masa yang berbeza.

Jika kita menerima bantuan daripada IMF, maka daripada segi sudut pandang adalah lebih kepada sudut pandangan negara-negara Barat yang sedikit sebanyak ingin menguasai negara-negara sebelah kita. Sebagai contoh, Indonesia menerima bantuan IMF dengan segala syarat yang ketat. Kita tidak menerima bantuan IMF pada ketika 1997-1998 itu.

Akan tetapi, jika ada AMF, mungkin kaedahnya berbeza dari sudut pandang Barat, kepada sudut pandang Timur. Di kawasan kita, dengan mungkin syarat-syaratnya, lebih mudah untuk membantu negara-negara di Asia. Terima kasih.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua: Kita hendak cepat. Jadi, ramai Ahli-ahli Yang Berhormat dapat mengemukakan soalan. Jadi saya jemput Tuan Ir. Md Nasir bin Hashim.

3. Tuan Ir. Md. Nasir bin Hashim minta Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan menyatakan, status terkini projek Pembangunan Perumahan Rakyat (PPR) di negeri Johor.

Timbalan Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan [Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator yang telah bertanyakan status terkini projek Pembangunan Perumahan Rakyat (PPR) secara spesifik di negeri Johor.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, secara keseluruhannya terdapat 21 buah projek PPR di negeri Johor. Daripada jumlah tersebut sebanyak 12 buah projek PPR yang telah siap dibina di negeri merangkumi 11,190 unit rumah. Projek-projek ini telah pun diserahkan kepada kerajaan negeri untuk pengisian dan juga pengurusan.

■1020

Sementara itu, sebanyak tujuh buah PPR masih dalam peringkat pembinaan dengan jumlah sebanyak 3,230 unit. Projek-projek ini terletak di Parlimen Pasir Gudang, Pengerang, Sembrong, Tebrau dan juga Tenggara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak kementerian sentiasa memantau status pelaksanaan projek-projek PPR ini, khususnya yang berada dalam kategori lewat jadual. Pemantauan ini dibuat secara berkala melalui mesyuarat dan juga lawatan tapak. Saya sendiri pun telah turun meninjau tapak pada bulan Februari dan juga hujung minggu lepas dengan pegawai KPKT di wilayah selatan.

Jadi, di bawah Belanjawan 2023, kerajaan telah mengumumkan cadangan pembangunan PPR baharu di setiap negeri yang bakal memanfaatkan sebanyak 12,400 orang penghuni. Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan juga akan memberi keutamaan projek PPR kepada kerajaan negeri yang menyediakan tapak tanah secara percuma atau dengan kadar premium nominal. Bagi negeri Johor, kerajaan negeri telah pun mengemukakan tiga cadangan tapak dan lawatan tapak telah pun diadakan ketiga-tiga tapak ini untuk menilai kesesuaian.

KPKT telah pun mengenal pasti lokasi tersebut di bawah *Rolling Plan* Ketiga (RP3) dan tindakan sedang diambil melaksanakan pembangunan projek PPR tersebut. Dengan pertambahan lokasi ini, terdapat dua projek PPR di peringkat perancangan yang akan menyediakan sebanyak 1,000 lagi unit yang akan memberikan manfaat *insya-Allah*, kepada 4,000 orang penghuni. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan. Tiada? Ini negeri Johor ini.

Datuk Lim Pay Hen: Johor, Johor.

Dato' Haji Husain bin Awang: Soalan tambahan.

Tuan Abun Sui Anyit: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua: Bagi Yang Berhormatlah.

Dato' Haji Husain bin Awang: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya ialah sejauh mana pertimbangan pihak kementerian terhadap negeri yang tiada tapak atau tanah yang luas dan sesuai di kawasan bandar untuk pembinaan projek kediaman PPR dan PPRT yang baharu? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri tidak perlu menjawab soalan ini kerana soalan ini spesifik pada Johor.

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir: Boleh secara asasnya Tuan Yang di-Pertua, kalau diizinkan. Setakat ini, maklum balas yang diterima oleh pihak kementerian, bermaksud bila kita nyatakan di awal tahun lalu- di awal tahun ini bahawa kita akan

mengutamakan kerajaan negeri yang memberikan tapak secara percuma dan nominal, responsnya sangat baik.

Jadi sebenarnya, bagi saya, isunya sebelum ini bukan soal ketiadaan tapak yang sesuai ataupun yang dikemukakan oleh kerajaan negeri, tetapi perundingan itu kadangkala tidak mendapat kesepakatan. Jadi sebagai contoh, kalau tanah itu terlalu jauh atau pun terlalu memerlukan kos sediaan tapak itu terlalu tinggi, mungkin daripada segi akses masuknya yang terlalu jauh atau pun daripada segi kesesuaian tanah untuk dibina bangunan atas tanah tersebut, maka perkara itu yang melewati usaha kita untuk membangunkan mana-mana cadangan yang dikemukakan oleh kerajaan negeri. Jadi, bagi mengatasi masalah yang mungkin berulang sebelum ini, maka sebab itu kementerian mohon supaya yang dikemukakan itu tiga buah lokasi.

Jadi sekurang-kurangnya, dari kerajaan negeri hanya ditawarkan satu, apabila pertimbangan itu mengatakan tidak sesuai, kita tidak mahu kerajaan negeri terlepas peluang inilah. Jadi sebab itu, memang setakat ini, proses itu berjalan dengan lancar. Cuma, kita masih jugalah ada beberapa buah negeri yang kita masih dalam perbincangan untuk pengenalpastian tapak yang paling sesuai. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya jemput Yang Berhormat Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan untuk bertanya soalan.

Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Seterusnya, soalan daripada orang Johor juga.

Soalan saya, soalan nombor 4. Terima kasih... *[Ketawa]*

4. Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan minta Menteri Pendidikan menyatakan, mengenai usaha kementerian untuk memperkenalkan kursus-kursus berasaskan TVET kepada murid-murid di sekolah menengah terutamanya kepada mereka yang kurang berminat dalam bidang akademik.

Timbalan Menteri Pendidikan [Puan Lim Hui Ying]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator. Kementerian Pendidikan Malaysia komited memastikan semua murid mendapat ruang dan peluang pendidikan yang berkualiti termasuk Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET).

Sehubungan dengan itu, KPM telah menyediakan pelbagai program berasaskan TVET kepada murid lepasan Tingkatan 3 yang berkecenderungan dalam bidang kemahiran dan teknikal. Antara langkah yang diambil oleh KPM iaitu melalui pelaksanaan program TVET di sekolah menengah kebangsaan (SMK) iaitu Program Vokasional Menengah Atas (PVMA), Perantisan Industri Menengah Atas (PIMA) dan Mata Pelajaran Vokasional (MPV).

Penawaran program TVET di SMK bagi murid yang mengambil Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) bertujuan membantu melahirkan tenaga kerja negara yang berkemahiran dan berpengetahuan. Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) turut berpeluang mengikuti program TVET sama ada menerusi Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) di SMK atau program vokasional di Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional (SMPKV). Hal ini membolehkan MBPK mendapatkan pendidikan kemahiran bagi memenuhi keperluan pasaran kerja.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, program TVET terbesar dilaksanakan di kolej vokasional (KV). Pengajian di kolej vokasional adalah berteraskan kompetensi dengan wajaran 70 peratus amali dan 30 peratus teori. Program yang ditawarkan memberi tumpuan kepada tiga kumpulan utama mengikut potensi dan keupayaan murid iaitu Program Sijil Vokasional Malaysia (SVM) dan Program Diploma Kolej Vokasional. Kedua, Program Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) dan Sistem Latihan Dual-Nasional (SLDN) dan sijil profesional di kolej vokasional KPM.

KPM yakin usaha yang telah dilaksanakan ini dapat memastikan murid yang berkecenderungan dalam bidang kemahiran mendapat peluang pendidikan TVET yang berkualiti. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan dari Dato' Dr. Nelson.

Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan: Soalan tambahan.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua: Dato' Dr. Nelson.

Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan: Apakah usaha KPM bagi menggalakkan penglibatan murid yang tidak menduduki peperiksaan SPM baru-baru ini untuk menceburi bidang TVET KPM? Apakah jenis pembiayaan yang disediakan oleh KPM bagi tujuan tersebut? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri.

Puan Lim Hui Ying: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, program TVET KPM disediakan untuk murid-murid peringkat menengah atas, menerusi program yang ditawarkan di kolej vokasional KPM serta SM teknik. Selain itu, mata pelajaran vokasional turut ditawarkan di sekolah menengah harian.

Walau bagaimanapun, KPM juga komited bagi memastikan kesinambungan pendidikan untuk murid yang tidak menduduki peperiksaan SPM. KPM akan meneliti bentuk kerjasama dengan kementerian lain yang berkaitan agar laluan pendidikan TVET dapat disediakan kepada murid yang tidak menduduki peperiksaan SPM termasuk: Kementerian Belia dan Sukan- IKBN; Kementerian Sumber Manusia- ILP; Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah- GIATMARA; dan Kementerian Pendidikan Tinggi- Kolej Komuniti.

Berhubung pembiayaan, KPM yakin Program TVET yang ditawarkan oleh kementerian lain menyediakan bentuk pembiayaan bagi memudahkan pelajar mengikuti program tersebut. KPM sentiasa menyokong usaha-usaha yang bekerjasama dengan pelbagai agensi awam dan swasta dalam memacu Program TVET bagi memberi peluang dan ruang kepada murid yang berminat. Sekian, terima kasih.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Soalan tambahan.

Tuan Jaziri Alkaf Abdillah Suffian: Soalan tambahan.

Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam: *[Bangun]*

Dato' Sivaraj a/l Chandran: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua: Susah ini. Yang Berhormat di belakang itu belum lagi. Bagi peluang ya... *[Ketawa]*

Tuan Jaziri Alkaf Abdillah Suffian: Timbalan Menteri, terima kasih atas jawapannya. Sebahagian daripada kekangan saya rasa Timbalan Menteri, iaitu daripada kalangan penjaga dan ibu bapa itu sendiri. Mereka melihat anak-anak mereka dalam melakukan amali adalah sebagai buruh kasar atau *free labor, you know*. Walaupun hasratnya amat berguna untuk pembangunan skil murid-murid tersebut, adakah kementerian atau sekolah-sekolah itu sendiri mempunyai intervensi untuk menangani situasi ini? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri.

Puan Lim Hui Ying: Terima kasih Yang Berhormat. Betul. Memang- buat masa ini, memang banyak penjaga atau ibu bapa yang merasa kalau boleh, tidak- TVET merupakan satu teknikal. Okey? Jadi, kita memang akan melalui beberapa program iaitu kita akan mengadakan program memperkenalkan apa-apa program, apa-apa bidang yang kita akan tawarkan di kolej vokasional kepada murid-murid. Juga, kita akan buat libat urus dengan ibu bapa. Bagaimana, apakah- bukan semua murid.

■1030

Kita mesti terima hakikat, bukan semua murid akan *excel*, akan cemerlang dalam bidang akademik. Jadi, kita memberikan satu peluang yang untuk murid-murid yang mereka lebih minat daripada segi TVET untuk menceburi dalam bidang ini. Kita akan buat seberapa banyak libat urus untuk menerangkan kepada murid dan ibu bapa. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan seterusnya, saya...

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Satu lagi. Ini TVET YB, kita hendak popularkan...

Timbalan Yang di-Pertua: Baik Yang Berhormat Senator. Baik Yang Berhormat Senator. Pendek sangat Yang Berhormat Senator.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Ya. Soalan ini pendek. Pendek sangat ini.

Timbalan Yang di-Pertua: *[Ketawa]*

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Bagaimanakah KPM memastikan murid TVET KPM diterima bekerja oleh industri selepas tamat pengajian?

Timbalan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Puan Lim Hui Ying: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Ini pun minat ramai orang. KPM, kita komited untuk memperkasakan pendidikan latihan teknikal dan vokasional bagi memenuhi keperluan industri serta pekerjaan. Kurikulum Standard Kolej Vokasional (KSKV) yang dibangunkan adalah berasaskan industri, dengan izin, *industry-based curriculum* serta memenuhi Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan- *National Occupational Skills Standard* (NOSS), dengan izin. Dalam penggubalan KSKV di KV, KPM melantik pakar penasihat industri bagi memastikan kurikulum yang digubal sentiasa selari dengan keperluan industri dan pasaran kerja semasa.

Kurikulum TVET KPM adalah bersifat dinamik dan fleksibel. Selari dengan perubahan dan keperluan teknikal di industri khususnya bagi menepati Revolusi Perindustrian. KPM juga komited bagi memastikan program TVET KPM dilaksanakan dengan memenuhi pembangunan latihan yang komprehensif, pensijilan yang diiktiraf oleh pelbagai pihak terutama pihak industri serta melengkapkan murid dengan kemahiran insaniah- *soft skills*, dengan izin, dan *transferable skills* seperti kemahiran komunikasi, kepimpinan dan membuat keputusan serta pengetahuan yang tinggi dalam bidang dan pekerjaan yang berkaitan.

Langkah tersebut adalah sebagai nilai tambah meningkatkan kebolehpasaran serta mobiliti sebagai pekerja yang memenuhi kehendak industri. KPM yakin usaha yang dilaksanakan akan dapat menyediakan tenaga kerja tempatan kemahiran dan seterusnya menjamin peluang pekerjaan kepada anak muda yang menceburi bidang TVET. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Saya mempersilakan Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah.

5. Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah minta Menteri Pertahanan menyatakan, sejauh mana solidariti negara ASEAN mampu memastikan rantau ini aman daripada campur tangan kuasa besar dunia. Adakah usaha penambahbaikan sesama negara jiran dalam isu pencerobohan nelayan di Laut China Selatan agar keselamatan dan kepentingan sempadan terjamin.

Timbalan Menteri Pertahanan [Tuan Haji Adly bin Zahari]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator yang bertanya soalan berhubung tentang ASEAN dan juga terkait dengan nelayan, ya.

Solidariti negara ASEAN memainkan peranan penting dalam menjaga keamanan dan kestabilan serantau daripada campur tangan kuasa besar dunia. ASEAN menerapkan prinsip utama dalam hubungan antarabangsa yang dikenali sebagai *ASEAN Centrality* yang menekankan kesepakatan negara ahli dalam mengendalikan isu-isu semasa geopolitik termasuk isu Laut China Selatan. ASEAN melaksanakan libat urus melalui platform pelbagai hala seperti *ASEAN Defence Ministers' Meeting* (ADMM) dan *ADMM-Plus* dengan rakan dialog ASEAN iaitu Amerika Syarikat, Australia, China, India, Jepun, New Zealand, Republik Korea dan Rusia, dan *ASEAN Regional Forum* (ARF) bagi meningkatkan kerjasama dan membina keyakinan dalam usaha mengurangkan ketegangan dan mengelakkan konflik di rantau Asia Tenggara.

Isu pencerobohan nelayan di Laut China Selatan merupakan salah satu isu utama yang dibincangkan oleh ASEAN terutama berkaitan dengan *illegal, unreported and unregulated fishing* (IUU) yang menjadi kebimbangan dalam kalangan negara ahli. Pelbagai aktiviti telah dilaksanakan seperti pembangunan kapasiti dan *exercise* ketenteraan terutamanya melalui *ADMM-Plus*, *Expert Working Groups* (EWGs) serta *exercise maritime ASEAN-Plus 1* dengan negara-negara seperti Amerika Syarikat, China dan India.

Kesimpulannya, kerjasama pelbagai hala melalui ASEAN, kerjasama sub-rantau dan kerjasama dua hala merupakan pendekatan terbaik dalam menguruskan isu-isu keselamatan tradisional dan bukan tradisional yang memerlukan penglibatan pelbagai pihak di peringkat kerajaan, ketenteraan dan agensi penguatkuasaan. Kesemua ini merupakan komponen penting strategi perkongsian berwibawa seperti yang terkandung dalam Kertas Putih Pertahanan Negara dalam mempertahankan kedaulatan negara dan keutuhan wilayah. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan Yang Berhormat Senator.

Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah: Soalan tambahan saya, adakah kita mempunyai perbincangan ataupun *engagement* yang khusus dengan Vietnam kerana di sebelah Pantai Timur, sering kali dicerobohi, perairan kita dicerobohi oleh nelayan-nelayan dari Vietnam. Saya rasa sudah sangat kerap kali yang bukan sahaja mengancam pendapatan nelayan kita bahkan- sebab mereka adalah sangat-sangat agresif dan mereka juga boleh mengancam nyawa nelayan-nelayan kita. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Haji Adly bin Zahari: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Kita tahu bahawa kita di Kementerian Pertahanan, ya. Teras utama kita, kita tahu bahawa Malaysia sebagai sebuah negara maritim. Dalam Kertas Putih Pertahanan Negara pun kita telah nyatakan peranan kita di Kementerian Pertahanan adalah untuk memastikan kedaulatan dan sempadan negara kita.

Oleh sebab itu, dalam aspek pertahanan negara, memang kita memanfaatkan ASEAN itu sendiri. Macam saya sebut tadi, ada beberapa aspek ataupun perbincangan yang kita buat kerana kita tahu bahawa diplomasi pertahanan itu antara teras utama kita untuk menyelesaikan isu-isu yang berbangkit. Adapun isu-isu yang berbangkit tentang nelayan dan seumpamanya akan terkait dengan kementerian-kementerian lain termasuk dalam soal wilayah itu juga yang melibatkan Kementerian Luar Negeri juga.

Jadi, ini antara aspek-aspek yang diberikan keutamaan. Akan tetapi, kita di Kementerian Pertahanan, macam tadi saya tegaskan bahawa teras kita adalah untuk memastikan bahawa sempadan negara kita itu tidak dicerobohi. Itu sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua: Seterusnya, saya...

Datuk Judiet binti Fidilis @ Noraini binti Idris: *[Bangun]*

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Soalan tambahan...

Timbalan Yang di-Pertua: Tidak, Yang Berhormat Senator. Saya hendak cepatkan. Jadi, biar ramai orang dapat kemukakan soalan. Jadi, saya hendak...

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Boleh?

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Datuk Judiet binti Fidilis @ Noraini binti Idris.

Datuk Judiet binti Fidilis @ Noraini binti Idris: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya tadi, Yang Berhormat Timbalan Menteri ada bercakap mengenai isu pencerobohan nelayan asing di perairan negara kita. Jadi, bagaimanakah pula isu pencerobohan ruang udara negara kita? Ini sebab kalau kita ingat ada beberapa insiden di mana ruang udara negara kita dicerobohi oleh pesawat tentera udara milik Tentera Udara Republik Rakyat China yang memasuki ruang udara di Sabah dan Sarawak.

Insiden itu berlaku pada tahun 2021 dan juga tahun lepas ya. Jadi, apa langkah-langkah kerajaan untuk memastikan bahawa isu pencerobohan ruang udara negara kita ini tidak berlaku lagi pada masa akan datang, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Haji Adly bin Zahari: Terima kasih Yang Berhormat Senator atas persoalan tentang ruang udara itu, ya. Kita tidak nafikan bahawa kita Kementerian Pertahanan, ada beberapa tindakan yang kita lakukan secara berkala sama ada dalam sempadan laut kita ataupun sempadan udara kita. Jadi, apabila kita sebut tentang ruang udara kita, memang kita di Kementerian Pertahanan mempunyai beberapa proses ataupun prosedur bila kita berdepan dengan beberapa pencerobohan ruang udara kita.

Antara yang kita lakukan iaitu kita lakukan penerbangan pintasan ya. Kalau ruang udara kita dicerobohi, maka salah satunya di samping kita melakukan komunikasi dengan pihak yang menceroboh tetapi dalam masa yang sama juga kita mempunyai beberapa

prosedur untuk lakukan penerbangan pintasan bagi memastikan kedaulatan bukan sahaja laut, bukan sahaja darat kita, laut tetapi udara juga menjadi keutamaan kepada kita.

Oleh sebab itu, macam saya sebut tadi, di Kementerian Pertahanan secara jelasnya kita boleh melihat bahawa sama ada darat kita ataupun laut kita, sempadan kita memang menjadi keutamaan kepada kita. Jadi, semua prosedur ini kita ambil kira dan dalam masa yang sama, kita tidak nafikan bahawa melalui sama ada ASEAN ataupun mana-mana diplomasi pertahanan itu, kita manfaatkan untuk kita bangkitkan persoalan-persoalan tentang pencerobohan ini. Itu sahaja jawapan saya. .

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Saya jemput Yang Berhormat Senator Dato' Sivaraj a/l Chandran.

6. Dato' Sivaraj a/l Chandran minta Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim menyatakan, apa langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak Kementerian untuk memperkasa kerja-kerja tebatan banjir di Parlimen Padang Serai yang berulang setiap tahun sehingga menjejaskan proses pembangunan sosioekonomi rakyat setempat.

Timbalan Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim [Dato' Sri Huang Tiong Sii]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Senator.

■1040

Untuk mengurangkan risiko banjir di kawasan Parlimen Padang Serai, sebanyak 13 sebut harga telah dikeluarkan berjumlah RM1.48 juta pada tahun 2022. Selain itu, bagi pelaksanaan jangka masa panjang di Parlimen Padang Serai pula, beberapa projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) akan dimohon dalam *Rolling Plan* yang seterusnya iaitu RTB Sungai Perai Fasa 2, dengan anggaran RM510 juta. Bagi Lembangan Sungai Cerak, dan RTB Sungai Karangan, dan anggaran RM165 juta.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, pelaksanaan dan kelulusan projek-projek RTB adalah berdasarkan kepada kekerapan tahap keseriusan dan kerugian ditanggung daripada kejadian banjir serta mengikut keutamaan seluruh negara. Kementerian juga komited untuk memantau kawasan-kawasan kritikal bagi mengurangkan risiko banjir. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan.

Dato' Sivaraj a/l Chandran: Yang Berhormat, antara lain kawasan di Parlimen Padang Serai yang memerlukan tumpuan segera pihak kementerian iaitu Sungai Sedim. Kekerapan banjir yang berlaku setiap tahun di kawasan ini memberi kesan buruk kepada penduduk setempat terutamanya Sekolah Kebangsaan Merbau Pulas dan penduduk setempat di Taman Seri Merbau. Malah latar Sungai Sedim juga dikenal pasti sebagai

lokasi berisiko untuk berlaku banjir aliran puing. Apakah usaha pihak kementerian untuk mengatasi isu ini dalam jangka masa pendek dan panjang? Terima kasih.

Dato' Sri Huang Tiong Sii: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Senator. Usaha-usaha jangka masa pendek yang telah diambil ada melibatkan kerja-kerja pemuliharaan Sungai Sedim bagi mengurangkan risiko banjir di Kampung Permatang Durian, Merbau Pulas dan Kampung Sedim, Kulim, Kedah, dengan kos RM588,000, dan telah siap dilaksanakan pada tahun 2022.

Selain itu bagi langkah penyelesaian jangka panjang pula, kementerian mengambil pendekatan secara struktur, dan bukan struktur bagi mengelakkan kejadian banjir daripada berulang. Pendekatan secara struktur melibatkan kerja-kerja menaik taraf sungai-sungai utama bagi meningkatkan kapasiti sungai berdasarkan pendekatan *make room for water*. JPS juga dalam membina benteng bagi mengawal aliran banjir dan melaksanakan kerja-kerja pembinaan infrastruktur kawalan di punca seperti kolam tadahan bagi mengurangkan impak jumlah air larian selepas pembangunan.

Antara lain pendekatan bukan struktur pula adalah penggunaan Manual Saliran Mesra Alam (MSMA) dan Pelan Induk Saliran Mesra Alam (PISMA) oleh PBT dalam kelulusan perakuan siap dan pematuhan *Certificate of Completion and Compliance* (CCC) terutama di kawasan bandar dan taman seperti di Taman Seri Merbau bagi mengurangkan risiko banjir akibat sistem perparitan dalaman.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga antara usaha yang dilaksanakan oleh kementerian melalui JPS iaitu membina stesen hujan di kawasan hulu Sungai Sedim melalui Program Ramalan dan Amaran Banjir Negara yang dijangka siap pada Mei 2024. Kementerian melalui JPS akan sentiasa memantau kawasan-kawasan sekitar Sungai Sedim berdasarkan keperluan semasa seperti yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Jawapan panjang lebar. Saya rasa ini isu ini berkenaan dengan Padang Serai sahaja.

Datuk Lim Pay Hen: Soalan tambahan. Saya hendak tanya tentang...

Timbalan Yang di-Pertua: Sudah diuraikan secara panjang lebar.

Datuk Lim Pay Hen: Okey.

Timbalan Yang di-Pertua: Jadi, saya terus kepada untuk menjemput Yang Berhormat Senator Datuk Wira Koh Nai Kwong untuk mengemukakan soalan.

Datuk Wira Koh Nai Kwong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

7. **Datuk Wira Koh Nai Kwong** minta Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi menyatakan, apa perancangan kementerian untuk memperbanyakkan koperasi khusus untuk wanita yang ketika ini hanyalah 1.7 peratus daripada jumlah pendaftaran koperasi keseluruhan.

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Puan Saraswathy a/p Kandasami]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah atas pelantikan sebagai Senator dan juga sebagai Timbalan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, sehingga 31 Disember 2022, sebanyak 256 buah koperasi wanita telah didaftarkan dengan keanggotaan seramai 29,455 orang. Jumlah aset koperasi pula adalah bernilai RM76 juta, manakala jumlah modal syer atau pun yuran koperasi adalah sebanyak RM19 juta serta perolehan koperasi berjumlah RM13.5 juta. Bagi tahun 2022, sebanyak 16 buah koperasi wanita baharu telah didaftarkan, manakala bagi tempoh Januari hingga Mei tahun 2023 pula, sebanyak tujuh buah koperasi wanita baharu telah didaftarkan.

Dalam hubungan ini, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) melalui Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) telah mengambil tindakan bagi mempertingkatkan bilangan koperasi khusus untuk wanita seperti berikut:

- (i) membangun Pelan Strategik Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2021–2025 yang antara lain memberi fokus kepada pendaftaran koperasi dalam kalangan wanita merangkumi ibu tunggal, suri rumah dan usahawan;
- (ii) memudahkan penubuhan koperasi termasuk koperasi wanita di mana syarat penubuhan koperasi telah dilonggarkan melalui pindaan ke atas seksyen 5, Akta Koperasi 1993. Dalam hal ini, bilangan individu bagi mendaftarkan sesuatu koperasi asas dikurangkan kepada lima orang daripada 20 orang;
- (iii) melaksanakan program promosi dan penggalakan koperasi serta pendaftaran koperasi baharu di bawah Pelan Strategik KUSKOP 2023 dalam usaha meningkatkan lagi penglibatan masyarakat termasuk golongan wanita di dalam gerakan koperasi;
- (iv) mengadakan program pemerksaan wanita di bawah Pelan Tindakan Promosi Koperasi 2022–2024 yang bertujuan untuk meningkatkan lagi kefahaman konsep dan falsafah koperasi melalui penganjuran kursus, taklimat, ekspo, pameran, karnival, seminar dan program turun padang; dan
- (v) menyediakan bantuan bagi memperkasa gerakan koperasi termasuk koperasi wanita melalui bantuan pembangunan perniagaan dan pembiayaan melalui Tabung Modal Pusingan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (TMP–SKM).

Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan.

Datuk Wira Koh Nai Kwong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih juga diucapkan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan tadi. Soalan tambahan saya iaitu kementerian berhasrat untuk menubuhkan sebuah bank khusus untuk wanita yang pertama di Malaysia. Apakah sasaran tahun akan dilaksanakan? Terima kasih.

Puan Saraswathy a/p Kandasami: Di peringkat kami sangat mengalu-alukan penubuhan satu- bank koperasi khusus untuk wanita. Akan tetapi seperti yang sedia maklum, penubuhan sebuah bank atau pun bank koperasi mempunyai banyak syarat yang perlu dipatuhi dan juga mempunyai banyak kriteria sekiranya pematuhan tersebut dapat dicapai oleh mana-mana koperasi, kami sangat mengalu-alukan sebuah koperasi untuk wanita. Sebagai seorang wanita sendiri, saya amat mengalu-alukan percubaan itu.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan.

Tuan Amir bin Ghazali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Apakah tindakan kementerian kepada koperasi yang dikenal pasti tidak aktif dan berstatus dormant? Bagi memastikan koperasi ini terus aktif, apakah langkah-langkah kementerian? Terima kasih.

Puan Saraswathy a/p Kandasami: Soalan ini di luar daripada soalan asal. Akan tetapi, saya akan cuba untuk menjawab persoalan tersebut. Kita anggarkan lebih kurang 30 peratus koperasi adalah di bawah kategori dormant atau pun tidak aktif. Kita sedang mengenal pasti koperasi-koperasi yang tidak aktif atau pun dormant itu untuk memastikan sama ada terdapat ahli lembaga yang masih wujud dan apakah sebabnya mereka tidak menjalankan sebarang aktiviti koperasi.

■1050

Setelah mengenal pasti, SKM sedang mengambil tindakan untuk menutup koperasi-koperasi yang langsung tidak boleh beroperasi dan tidak mempunyai sebarang modal. Sekiranya ada mana-mana koperasi yang boleh dipulihkan, SKM sedang mengambil tindakan untuk memulihkan seperti mengaktifkan semula atau membantu mengenal pasti aktiviti yang sesuai untuk koperasi atau koperasi tersebut berpotensi untuk menceburi berdasarkan kepada keperluan bersama. Maksudnya di antara anggota.

Nombor dua, memberi khidmat nasihat dan bimbingan kepada anggota Lembaga Koperasi untuk membaiki tadbir urus dan ketiga melaksanakan program bantuan perakaunan dan pengauditan kepada koperasi-koperasi yang terbabit supaya mereka boleh pulih aktif semula. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri walaupun luar daripada sub topik soalan tetapi Yang Berhormat Menteri menjawab dengan baik hati.

8. Tuan Manolan bin Mohamad minta Menteri Ekonomi menyatakan, apa rancangan kerjasama antara masyarakat Orang Asli yang akan dijalankan menerusi program Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR).

Timbalan Menteri Ekonomi [Dato Hajjah Hanifah Hajar Taib]: *Assalamualaikum* dan salam sejahtera Tuan Yang di-Pertua.

Sebelum saya menjawab soalan daripada Yang Berhormat, izinkanlah saya merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Senator Tan Sri Datuk Seri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar atas pelantikan sebagai Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara yang ke-19, dan juga kepada Yang Berhormat Senator Datuk Nur Jazlan bin Tan Sri Mohamed sebagai Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara.

Tuan Yang di-Pertua, susulan pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 24 Februari 2023 mengenai pelaksanaan Program Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) bagi menangani kemiskinan melalui peningkatan pendapatan golongan sasaran, maka program pembasmian kemiskinan tegar atau BMT sedia ada telah dijenamakan semula di bawah Program IPR.

Pelaksanaan Program IPR ini yang dilaksanakan secara individu, komuniti atau hibrid diteruskan berdasarkan profil ketua dan ahli isi rumah miskin tegar serta potensi lokasi yang dipilih. Berdasarkan senarai Sistem Data Pengurusan Maklumat Orang Asli (iDAMAK), golongan miskin tegar masyarakat Orang Asli dicadangkan menyertai Program IPR mengikut minat dan kesesuaian setempat.

Sehingga kini, pelaksanaan IPR telah berjaya membantu meningkatkan pendapatan bulanan bagi kumpulan sasaran ini. Melalui program ini, seramai 1,699 orang ketua isi rumah atau KIR miskin tegar dari seluruh negara yang tinggal di kawasan bandar, luar bandar dan perkampungan Orang Asli telah diluluskan pelaksanaan program.

Sebahagiannya telah menerima bantuan berbentuk peralatan, kursus, latihan dan bantuan yang berkaitan. Komponen program yang diluluskan merangkumi aktiviti penjanaan pendapatan, kemahiran teknikal serta peluang pekerjaan bagi membolehkan KIR miskin tegar menjana pendapatan secara mapan.

Program ini juga akan diperluaskan ke seluruh negara dengan melibatkan 13,410 KIR miskin tegar termasuk KIR Orang Asli. Antara program peningkatan pendapatan masyarakat Orang Asli yang dapat dilaksanakan adalah dengan memanfaatkan aset eko pelancongan di kawasan berkenaan. Salah satu contoh iaitu aktiviti eko pelancongan di Taman Eko Rimba Lata Kinjang, Chenderiang, Perak. Program ini dilaksanakan melalui kerjasama antara Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA), Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) dan Koperasi Orang Asli Lata Kijang Berhad.

Koperasi Orang Asli tersebut berperanan menguruskan semua aspek eko pelancongan di taman eko rimba ini seperti penginapan pelancong, katering, pertunjukan kebudayaan, penghasilan seni kraf dan barangan, pusat interaktif serta aktiviti luar seperti *jungle tracking*. Modul peningkatan pendapatan melalui koperasi yang bergiat aktif seperti di Taman Eko Rimba Lata Kinjang yang telah memberikan manfaat kepada komuniti tersebut dan wajar diperluaskan di lokasi lain untuk meningkatkan sosioekonomi masyarakat Orang Asli. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan Yang Berhormat Tuan Manolan bin Mohamad.

Tuan Manolan bin Mohamad: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya- kita sedia maklum bahawa ramai Orang Asli ini tinggal di luar bandar. Jadi, adakah pihak Kementerian Ekonomi ini bercadang untuk membawa SMI iaitu industri kecil dan sederhana ini untuk dibawa ke kawasan luar bandar untuk memberi peluang kepada masyarakat Orang Asli. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato Hajjah Hanifah Hajar Taib: Antara cadangan dan strategi inisiatif untuk meningkatkan sosioekonomi masyarakat Orang Asli dalam RMKe-12 adalah menggariskan dua strategi utama bagi membangunkan masyarakat Orang Asli iaitu memantapkan pendidikan sebagai pemangkin utama di mana memperkukuhkan program pendidikan contohnya akses kepada pendidikan awal kanak-kanak untuk komuniti Orang Asli yang akan ditambah baik bagi persediaan yang lebih baik untuk mereka memperoleh kemahiran asas membaca, menulis dan mengira.

Kedua, memperkemaskan pendekatan pendidikan Orang Asli. Contohnya Sekolah Model Khas Komprehensif-11 (K-11) yang menyediakan 11 tahun persekolahan akan dilaksanakan bagi memastikan murid Orang Asli tetap bersekolah sehingga menduduki peperiksaan SPM.

Lagi satu adalah mempercepatkan pembangunan sosioekonomi Orang Asli dengan merangka pelan pembangunan sosioekonomi komprehensif dan meningkatkan pendapatan Orang Asli dengan memfokuskan kepada aktiviti menjana pendapatan tanaman berpotensi yang mempunyai nilai komersial dan kraf tangan tradisional akan terus dibangunkan untuk memanfaatkan sepenuhnya potensi mereka.

Jadi, *insya-Allah* dengan rancangan ini boleh kita sertakan mereka ke dalam syarikat-syarikat SME ini untuk bekerjasama dengan mereka. Terima kasih.

9. Dato' Juhanis binti Abd Aziz minta Menteri Komunikasi dan Digital menyatakan, apa fungsi dan kos yang terlibat dalam penubuhan Majlis Media Malaysia oleh Kementerian.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri...
[Ketawa]

Timbalan Menteri Komunikasi dan Digital [Puan Teo Nie Ching]: Minta maaf Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Senator. Tuan Yang di-Pertua, Majlis Media Malaysia bertindak sebagai platform untuk memastikan kebebasan media di Malaysia tetapi pada masa yang sama memastikan pelaporan berita yang dilakukan oleh media dilakukan secara bertanggungjawab. Selain itu, Majlis Media Malaysia juga bertanggungjawab untuk membangunkan dan melaksanakan kod etika pelaporan yang dapat memperkasakan profesion kewartawanan negara.

Kementerian ini sedang giat mengadakan beberapa siri perbincangan bersama Jawatankuasa Kerja Sementara, Jawatankuasa Pro-Tem yang terdiri daripada wartawan, penerbit, penyiar dan organisasi berita mengenai perincian penubuhan Majlis Media Malaysia. Perbincangan ini merangkumi pelbagai aspek termasuk berkenaan fungsi dan dana Majlis Media Malaysia yang turut terkandung di dalam Draf RUU Majlis Media Malaysia yang sedang dikemaskinikan untuk persetujuan bersama.

Majlis Media Malaysia dilihat dapat memperkasakan profesion kewartawanan negara melalui kod etika pelaporan yang akan diwujudkan kelak. Majlis ini juga dijangka akan mewujudkan komuniti media yang profesional dengan pelaporan yang beretika, adil dan tepat melalui sumber yang sahih. Selain itu, majlis ini juga dapat menyediakan platform untuk menyelesaikan aduan orang ramai berhubung tindakan media. Penubuhan Majlis Media Malaysia kelak hendaklah mengambil kira peruntukan undang-undang Persekutuan serta undang-undang negeri sedia ada berkaitan dengan media.

Peranan dan fungsi juga perlu jelas bagi memastikan tiada pertindihan skop undang-undang penubuhan Majlis Media Malaysia dengan peruntukan undang-undang serta kawal selia sedia ada oleh pihak kerajaan. Sekian jawapan saya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan Yang Berhormat.

Dato' Juhanis binti Abd Aziz: soalan tambahan saya, adakah kerajaan bercadang untuk mengadakan sesi libat urus pemegang taruh Majlis Media Malaysia bagi memperkasakan lagi pengamal media terutama di kalangan wanita kepada syarikat-syarikat yang berkenaan di Malaysia.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri.

■1100

Puan Teo Nie Ching: Terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan tambahan tersebut. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, saya sebenarnya sudah mengadakan beberapa siri mesyuarat dengan *pro-tem committee* yang telah diwujudkan sejak Januari 2020.

Setakat ini beberapa mesyuarat telah diadakan termasuklah 1 Mac, 8 Mei, 15 Mei dan sekarang satu mesyuarat akan ditetapkan lagi apabila *pro-tem committee* sudah siap sedia maklum balas mereka tentang draf RUU yang telah disediakan oleh PUU dan KKD.

Selain daripada *pro-tem committee*, KKD memang terbuka untuk mengadakan lebih banyak dialog ataupun *engagement*, mesyuarat dengan sesiapa yang berminat untuk duduk dalam *pro-tem committee* ini.

Jadi saya selalu mengingatkan *pro-tem committee*, kalau ada orang lain yang belum duduk dalam *pro-tem committee* ini tetapi berminat untuk menjadi sebahagian, mereka perlulah terima mereka secara hati terbuka kerana saya hendak pastikan bahawa RUU ini cukup komprehensif dan juga dapat *feedback* daripada semua pihak *as stakeholder*.

Selain daripada itu, memang juga ada cadangan bahawa kami hendak wujudkan satu *provision* dalam rang undang-undang ini untuk memastikan bahawa *the Committee of this Majlis Media Malaysia* (MMM) perlu ada 30 persen perwakilan wanita. Akan tetapi ini saya juga perlu dapat persetujuan bersama dengan semua *pro-tem committee* dan juga semua *stakeholders*.

Memang saya sebagai seorang ahli politik wanita saya memang sokong bahawa *provision* yang menyatakan bahawa kita perlu ada sekurang-kurangnya 30 peratus perwakilan wanita tetapi *as I said* kita perlu mendapat persetujuan bersama antara KKD dengan *stakeholder*. Jadi kalau ada sesiapa yang berminat untuk terlibat dalam perbincangan untuk draf RUU ini, sila bolehlah hubungi pejabat saya ataupun hubungi *pro-tem committee*. Sekian, jawapan saya. Terima kasih.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: [*Bangun*] Soalan tambahan.

Tuan Abun Sui Anyit: [*Bangun*] Yang Berhormat Timbalan Menteri, *open policy*.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Dominic.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya percaya Majlis Media Malaysia merupakan komitmen, usaha dan sokongan kerajaan memperkasakan kebebasan media.

Soalan saya ialah minta Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan adakah mekanisme kawal selia media tersebut bertentangan dengan prinsip kebebasan media yang sedang diusahakan oleh kerajaan. Terima kasih.

Puan Teo Nie Ching: Terima kasih atas soalan ini. Saya percaya bahawa ia tidak bertentangan tentang prinsip kebebasan media. Ini kerana apabila kita sebut kebebasan media, ia bukan kebebasan yang tanpa had. Kami juga hendak pelaporan yang beretika, yang adil daripada sumber yang sahih. Kita nampak negara jiran kita Indonesia, mereka juga ada Dewan Press iaitu salah satu bentuk majlis media.

Akan tetapi apa yang kita hendak ialah *regulation* itu adalah daripada industri sendiri. Jadi supaya tiada orang yang boleh salah guna kuasa dalam konteks kita. Selalu

ada orang risau bahawa sebagai kerajaan kami akan guna undang-undang yang sedia ada untuk mengekang kebebasan media tetapi kalau *regulation* itu adalah daripada industri sendiri. Saya rasa itu adalah lebih adil dan juga boleh memastikan kepentingan semua pihak.

Ini kerana kepentingan ini bukan sahaja kepentingan kerajaan tetapi kepentingan untuk pembangkang dan juga kepentingan orang awam. Kalau orang awam juga kadangkala juga rasa tidak puas hati, tidak rasa selesa dengan cara pelaporan sesetengah, sebahagian media jadi mereka perlu ada sebuah platform untuk kemukakan aduan mereka. Itu merupakan fungsi yang kami harap boleh dimainkan oleh pihak media.

Jadi *regulation* mesti ada lagi kerana kebebasan yang *absolute*, tidak ada *boundary*, bukan, tetapi perlu diguna pakai secara beretika. Pastikan bahawa pelaporan mereka adalah adil dan oleh sebab itu *regulation* itu kalau datang daripada industri sendiri saya rasa itu merupakan cara yang lebih profesional. Sekian jawapan saya, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Saya jemput Yang Berhormat Tan Sri Dato' Low Kian Chuan.

10. Tan Sri Dato' Low Kian Chuan minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) adakah kesemua peruntukan bagi operasi bantuan bencana termasuk perbelanjaan kenderaan, peralatan, makanan dan bantuan telah diaudit; dan
- (b) bolehkah kerajaan senaraikan pecahan bagi semua perbelanjaan bantuan bencana dari tahun 2020 sehingga kini.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Sabah, Sarawak dan Tugas-tugas Khas) [Datuk Ugak anak Kumbong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tan Sri.

Hampir kesemua peruntukan operasi bantuan bencana disalurkan terus kepada kerajaan negeri yang berkaitan. Peruntukan yang disalurkan diaudit oleh kerajaan negeri tersebut. Manakala bagi perbelanjaan operasi bantuan bencana yang telah dilaksanakan oleh Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), ia telah diaudit melalui beberapa siri pengauditan naziran seperti berikut:

- (i) kajian audit terhadap pengurusan perolehan di NADMA pada 10 September hingga 25 Oktober 2019;
- (ii) pengauditan khas berkaitan Pengurusan Perolehan Darurat di bawah AP173.2 semasa tempoh peringkat kawalan pergerakan (PKP) oleh jabatan dan agensi di bawah JPM pada 23 Julai hingga 28 Ogos 2020;

- (iii) kajian audit terhadap pengurusan perolehan di NADMA pada 4 hingga 31 Julai 2022;
- (iv) pengauditan Kumpulan Wang Amanah Bantuan Bencana Negara (KWABBN), oleh Jabatan Audit Negara;
- (v) pengauditan terhadap pengurusan wabak COVID-19 oleh Jabatan Audit Negara pada 5 Oktober 2022; dan
- (vi) pengauditan interim terhadap Arahan Pembayaran bagi bulan Januari hingga Oktober 2022 di NADMA, pada 5 hingga 9 Disember 2022 oleh Jabatan Audit Negara.

Yang Berhormat Tan Sri Senator, bagi tempoh tahun 2020 hingga tahun 2022, jumlah keseluruhan pengagihan bantuan bencana kepada KR mangsa bencana yang layak ialah sebanyak RM963.65 juta, perinciannya adalah seperti berikut:

Tahun	Bantuan (RM juta)
2020	5.4
2021	113.6
2022	844.62
Jumlah	963.65

Bagi Monsun Timur Laut, MTL 2022-2023, Kerajaan Persekutuan telah menyalurkan peruntukan lebih awal sebanyak RM330 juta kepada semua negeri bagi memastikan bantuan bencana dapat disampaikan dengan segera dalam tempoh yang tersebut.

Penyaluran peruntukan bantuan bencana yang meliputi Bantuan Wang Ihsan (BWI), Bantuan Barangan Keperluan Asas (BBKA) dan juga Bantuan Pembaikan Rumah (BPR) maksimum RM5,000 daripada NADMA kepada kerajaan negeri adalah berdasarkan permohonan dari Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri selaku Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negara (JPBN) melalui maklumat ketua isi rumah (KR) mangsa bencana yang telah disemak oleh pegawai daerah selaku pengerusi bencana daerah. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan Yang Berhormat Tan Sri.

Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol: Soalan tambahan...

Tan Sri Dato' Low Kian Chuan: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya, apakah pelan kerajaan untuk menyelaraskan bantuan daripada

pelbagai kementerian kepada satu saluran yang disatukan supaya rakyat tidak keliru dan terlepas bantuan yang mereka layak terima? Terima kasih.

Datuk Ugak anak Kumbong: Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri. Seperti mana yang telah diarah dalam MKN 20, semua bantuan adalah di bawah Pengurusan Bencana Negeri atau Pengurusan Bencana Daerah. Kita tidak akan memberikan berlainan kerana kalau bantuan itu diberi kepada NGO yang lain maka keserapan kepada setiap KR yang menghadapi bencana itu akan tidak selaras dan tidak cepat dilaksanakan.

Maka dengan itu Tuan Yang di-Pertua, dalam SOP kita- semua bantuan itu melalui Jabatan Pengurusan Bencana Daerah ataupun Jabatan Pengurusan Negeri sahaja.

■1110

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan, YB Rita.

Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol: Soalan tambahan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, ramai rakyat di luar sana tidak mengetahui jenis-jenis bantuan yang disalurkan oleh pihak kerajaan ketika berlakunya sesuatu bencana. Jadi ini menyebabkan ramai yang tidak puas hati dan marah, mempunyai persepsi negatif terhadap kerajaan. Jadi soalan saya, apakah jenis dan nilai bantuan yang disalurkan kepada mangsa-mangsa bencana alam seperti banjir dan kebakaran tempat kediaman pada masa sekarang ini? Terima kasih.

Datuk Ugak anak Kumbong: Soalan yang amat baik. Terima kasih Yang Berhormat Senator. Tadi Tuan Yang di-Pertua, dalam perincian negeri ini, banyak di sini Tuan Yang di-Pertua. Kalau hendak, saya boleh bagi nanti... *[Menunjukkan kertas jawapan]*

Kedua, untuk menjawab soalan Yang Berhormat Senator Rita tadi, kerajaan akan meneruskan bantuan bagi mangsa-mangsa bencana yang layak seperti:

- (i) Bantuan Wang Ihsan (BWI) bernilai RM1,000 kepada setiap Ketua Isi Rumah (KIR) dan juga RM10,000 kepada waris setiap mangsa yang meninggal akibat bencana;
- (ii) bagi Bantuan Barang Keperluan Asas (BBKA) ialah sebanyak RM2,500 kepada setiap KIR; dan
- (iii) Bantuan Pembaikan Rumah (BPR) dengan hak nilai maksimum sebanyak RM5,000 kepada setiap KIR.

Selain itu, jika penilaian kerosakan rumah didapati melebihi RM5,000 Yang Berhormat Senator, kerja-kerja baik pulih akan dilaksanakan oleh Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah dan juga Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan menggunakan peruntukan sedia ada kementerian masing-masing. Bagi kejadian-kejadian bencana yang berlaku di luar tempoh musim MTL, kerajaan akan meneruskan pemberian

BWI kepada setiap KIR yang layak dan juga disahkan oleh pegawai negeri dan juga bencana daerah. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, tepat pada masanya.

Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail.

11. Tuan Haji Hussin bin Ismail minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, adakah usaha-usaha kerajaan dalam mengatasi isu pelancong yang tidak keluar dari Malaysia setelah tamat Visa Pelancong tersebut, dan bilangan kes yang telah disiasat berhubung dengan kewujudan unsur jenayah rasuah serta salah laku sepanjang proses kemasukan ke Malaysia.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah]:
Bismillahi Rahmani Rahim. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih untuk soalan Yang Berhormat Tuan Haji Hussin bin Ismail.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Dalam Negeri melalui Jabatan Imigresen Malaysia tidak pernah berkompromi dalam aspek keselamatan negara melibatkan kemasukan dan keberadaan warga asing dalam negara ini. Antara strategi yang dilaksanakan adalah mengenakan syarat keperluan visa ke atas warganegara asing tertentu. Ini bagi memastikan kemasukan pelancong asing adalah benar-benar bertujuan lawatan sosial, tulen, berkemampuan daripada segi kewangan dan tidak tergolong sebagai imigran larangan serta tidak termasuk dalam senarai syak Jabatan Imigresen Malaysia.

Sebagai langkah kawalan, Pejabat Perwakilan Malaysia dan Pejabat Atase Imigresen di luar negara akan menyaring terlebih dahulu permohonan visa secara dalam talian daripada pelancong dari negara yang memerlukan visa. Ini diikuti pemeriksaan di pintu-pintu masuk semasa ketibaan, sebelum kemudahan pas lawatan sosial (PLS) diberikan yang menekankan pematuhan terhadap syarat-syarat sebagaimana berikut:

- (i) memiliki dokumen perjalanan yang sah dan diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia;
- (ii) mempunyai visa yang sah bagi negara-negara yang memerlukan visa;
- (iii) mempunyai wang yang mencukupi bagi menyara hidup selama tempoh keberadaan di Malaysia;
- (iv) bebas dari tersenarai dalam Senarai Syak jabatan dalam sistem SLDTD;
- (v) mempunyai tiket penerbangan keluar, sama ada ke negara asal atau ke negara seterusnya yang disahkan; dan

- (vi) tidak tergolong di bawah golongan orang-orang yang dilarang masuk mengikut seksyen 8(3) [Akta 155].

Jabatan Imigresen Malaysia telah mengambil tindakan penguatkuasaan terhadap warga asing yang tidak keluar dari Malaysia dan melakukan kesalahan tinggal lebih masa di negara ini. JIM juga turut melaksanakan aktiviti penguatkuasaan berterusan terutama di kawasan tumpuan- *hotspot* bagi menangkap dan mengambil tindakan undang-undang terhadap warga asing yang telah melakukan kesalahan di bawah Akta Imigresen 1959/63 dan Peraturan Imigresen 1966.

Mengikut rekod sepanjang tahun 2020, pihak Jabatan Imigresen Malaysia telah menangkap seramai 4,293 orang warga asing yang melakukan kesalahan tinggal lebih masa. Pada tahun 2021, seramai 2,704 orang warga asing telah ditangkap melakukan kesalahan yang sama. Manakala pada tahun 2022 pula, seramai 4,267 orang. Setakat 6 Jun 2023, seramai 1,979 orang warga asing telah ditangkap melakukan kesalahan tinggal lebih masa. Manakala kes yang melibatkan pegawai imigresen yang disiasat dan didapati bersalah, berhubung dengan kewujudan unsur jenayah serta salah laku sepanjang proses kemasukan ke Malaysia iaitu sebanyak 136 kes.

Berdasarkan jumlah itu, 112 kes kakitangan yang melanggar pelanggaran tata kelakuan di bawah Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993. Manakala sebanyak 24 kes adalah kesalahan jenayah yang diputuskan oleh mahkamah. Ditegaskan, Kementerian Dalam Negeri sangat serius serta bertegas dalam soal integriti. Kementerian Dalam Negeri tidak kompromi dalam soal salah laku di kalangan kakitangan Jabatan Imigresen Malaysia. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Panjang jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri... [Ketawa] Bawa balik memori-memori lama. Seterusnya soalan tambahan.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya baca laporan KDN. Di dalam itu menyebutkan bahawa rekod keluar masuk, yang masuk ke negara ini khususnya warga dari Tanah Besar China pada tahun 2018 hingga 2021, seramai 7,177,043 dan yang keluar seramai 5,954,076 orang dan yang tidak keluar seramai 1,222,278.

Akan tetapi Yang Berhormat Timbalan Menteri sebut tadi 4,000 orang yang sudah ditangkap. Sebahagiannya pula ada sekitar 17,000 laporan *Astro Awani* pada 21 Mac 2016. Seramai 17,000 orang wanita dari Tanah Besar China yang berkahwin dengan warga tempatan. Antara 2018 hingga 2021, seramai 2,960 orang yang juga telah direkodkan berkahwin. Apakah tindakan seterusnya terhadap perkara yang saya sebutkan ini? Terima kasih.

Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah: Terima kasih Yang Berhormat. Sempat saya semak laporan Astro Awani. Itu laporan yang diterbitkan pada tahun 2016. Mengenai dakwaan kemasukan 17,000 orang warga China ke dalam negara ini yang berkahwin sebagaimana yang dimaksudkan. Namun demikian, kita ambil maklumat ini dengan serius. Saya tidak ada angka yang tepat dan saya akan bagi secara bertulis.

Namun, saya hendak maklumkan juga bahawa KDN sentiasa memastikan kemasukan dan keberadaan mana-mana warga asing dalam negara ini mesti mematuhi peraturan-peraturan sebagaimana yang saya sebutkan tadi. Mana-mana pihak yang melanggar peraturan-peraturan tersebut, kita tidak teragak-agak untuk mengambil tindakan. Tindakan penguatkuasaan telah banyak kita lakukan dan pengusiran pun kita laksanakan.

Sebagai maklumat tambahan, mungkin boleh saya kongsi. Saya ingin nyatakan bahawa operasi yang dilaksanakan oleh Jabatan Imigresen Malaysia, kalau data pada Januari sehingga 15 Jun, tangkapan warga China yang kita lakukan adalah seramai 96 orang yang melibatkan daripada segi peratusan ialah 0.91 peratus dan telah mengusir balik warga China ke negara asal seramai 146 orang. Ini data sehingga Jun tahun ini. Namun demikian, maklumat Yang Berhormat bagi, kita akan teliti dan kita serius untuk mengatasi masalah ini. Terima kasih.

Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan.

Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan: Soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua, benda ini penting.

Tuan Aknan a/l Ehtook: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua: Sekejap, sekejap. YB Apandi, banyak kali dah awak... *[Ketawa]* Bagi pada Yang Berhormat Senator Tuan Aknan a/l Ehtook.

Tuan Aknan a/l Ehtook: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan: Satu-satu negeri sahaja Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]*

Tuan Aknan a/l Ehtook: Satu negara- satu negara...

Timbalan Yang di-Pertua: Akan datang, akan datang.

■1120

Tuan Aknan a/l Ehtook: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita lihat sekarang ini kedai-kedai tomyam kita banyaklah, bila raya nanti mereka tutup. Jadi, kita nak makan tomyam pun tak boleh. Nak tanya Yang Berhormat Menteri, apakah bentuk kebenaran pekerja kedai-kedai tomyam ini bekerja di sini? Adakah mereka ada visa bentuk khas untuk mereka bekerja di sini? Terima kasih.

Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah: Yang Berhormat, mana-mana warga asing yang mahu melakukan aktiviti ekonomi dan bekerja di dalam negara ini, kita memang ada peraturan-peraturan yang standard. Ia diguna pakai dalam semua sektor. Tidak ada berbeza sama ada dia berniaga di kedai tomyam atau di kedai-kedai lain. Saya sebut tadi bahawa kemasukan warga asing ke pintu masuk kita, memang kita kawal begitu ketat sekali dan langkah-langkah penguatkuasaan kita laksanakan dan sebab itu saya juga nyatakan pada awal tadi bahawa di kedai-kedai tomyam ini, kita gunakan peraturan PLKS itu dan pas imigresen.

Namun demikian, saya ingin sebut bahawa daripada semasa ke semasa kita sentiasa membuat pemantauan dan operasi dan membuat tangkapan-tangkapan dan juga pengusiran kepada mana-mana pekerja yang tidak mempunyai dokumen sah dalam negara ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya bagi peluanglah kepada Yang Berhormat Senator Jefridin.

Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan: Terima kasih, terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih juga kepada Yang Berhormat Menteri atas jawapan. Kalau kita lihat peningkatan penangkapan PATI ini amat membimbangkan. Jadi, apa sebenarnya inisiatif yang dirangka oleh kementerian untuk meningkatkan kesedaran komuniti terhadap isu PATI.

Yang kedua ialah berhubung dengan penjualan IC dan passport ini juga membimbangkan. Adakah ini melibatkan PATI juga? Terima kasih.

Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah: Yang Berhormat, Jabatan Imigresen Malaysia dan Kementerian Dalam Negeri sedar betapa pentingnya untuk meningkatkan kesedaran awam dan komuniti dalam isu-isu berkaitan dengan PATI ini sebagaimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Jadi, Jabatan Imigresen telah mengambil pendekatan dengan melaksanakan pelbagai hebahan, tindakan penguatkuasaan ke atas PATI melalui pelbagai saluran media dan tentunya antara media yang diberikan keutamaan ialah media sosial, *Facebook, Instagram, Twitter, YouTube* dan juga melalui Imigresen TV yang kita ada.

Sudah tentu kita faham bahawa usaha-usaha untuk meningkatkan kesedaran ini mesti lebih giat kita lakukan. Selain daripada itu, saya mungkin boleh sebut bahawa usaha membanteras masalah pendatang asing merupakan usaha-usaha yang berterusan yang kita lakukan daripada semasa ke semasa sama ada dijalankan oleh jabatan sendiri ataupun *collaboration* dengan pelbagai agensi dan jabatan lain.

Dalam hal ini, kita telah mengambil banyak langkah dan inisiatif bagi membendung kebanjiran PATI dalam negara ini. Untuk rekod mungkin saya boleh sebut dan kebetulan ada data di tangan saya. Pada tahun 2022, sebanyak 6,877 operasi dijalankan dan dalam

operasi tersebut, saya sambung sikit Tuan Yang di-Pertua ya? Kalau Tuan Yang di-Pertua, bermakna bagi saya masa lagi..

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, jawapan itu dah berulang. Jawapan itu dah berulang itu.

Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah: Tak, ini data baru.

Timbalan Yang di-Pertua: Data baru?... [Ketawa]

Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah: Seramai 100,847 orang warga asing diperiksa dengan tangkapan seramai 22,671 orang PATI berserta 387 orang majikan telah ditangkap. Sepanjang tahun 2021 pula, 5,206 operasi telah dijalankan dan seramai 129,259 orang warga asing diperiksa dengan seramai 12,462 PATI berserta 206 orang majikan ditangkap. Pada tahun 2022, sebanyak 8,033 operasi telah dijalankan dan seramai 115,134 orang warga asing diperiksa dengan tangkapan seramai 22,804 orang PATI berserta 371 orang majikan telah ditangkap. Barangkali ada peniaga tomyam sekali di sini mungkin.

Manakala tahun 2023 pula iaitu sehingga 15 Jun Yang Berhormat, sebanyak 3,906 operasi telah dijalankan dan seramai 43,602 orang warga asing diperiksa dengan tangkapan seramai 10,368 orang PATI berserta 153 orang majikan ditangkap atas pelbagai kesalahan di bawah operasi penguatkuasaan Imigresen. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Panjang jawapan.

Sekarang ini saya jemput Datuk Lim Pay Hen.

12. Datuk Lim Pay Hen minta Menteri Kesihatan menyatakan pendirian kementerian terhadap dakwaan Majlis Kawalan Tembakau Malaysia (MCTC) bahawa kerajaan telah menyebabkan kanak-kanak dan belia lebih terdedah kepada kandungan nikotin dalam rokok elektronik dan peranti rokok elektronik susulan keputusan mengeluarkan cecair dan gel nikotin daripada senarai Akta Racun 1952.

Timbalan Menteri Kesihatan [Tuan Lukanisman bin Awang Sauni]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Datuk Lim Pay Hen atas soalan yang baik tentang pendirian kementerian berkenaan isu rang undang-undang berkaitan tentang GEG dan juga pengecualian nikotin.

Sediaan cecair ataupun gel yang mengandungi nikotin untuk tujuan merokok menggunakan rokok elektronik dan peranti pengewapan elektronik dikecualikan daripada senarai racun di dalam Jadual Pertama Akta Racun 1952 [Akta 366] adalah selaras dengan keputusan kolektif kerajaan bagi mengenakan duti eksais ke atas produk tersebut yang

telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ketika pembentangan belanjawan.

Dalam pembentangan tersebut juga, Yang Amat Berhormat turut menegaskan bahawa komitmen beliau terhadap inisiatif *Generational End Game* (GEG) atau Generasi Penamat akan diteruskan melalui penggubalan Rang Undang-undang Kawalan Merokok. Bagi mengatasi isu pengawalan terhadap penjualan produk rokok elektronik dan *vape*, KKM telah menyediakan Rang Undang-undang Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023 dan Bacaan Kali Pertama telah dibuat pada 12 Jun 2023 di Dewan Rakyat.

Pada pembentangan Bacaan Kali Pertama tersebut, Yang Berhormat Menteri Kesihatan telah menggunakan Peraturan Mesyuarat 54(1) untuk membawa Rang Undang-undang Kawalan Produk Merokok ini ke Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Dr. Dzul dan juga melalui jawatankuasa khas ini nanti, rang undang-undang ini akan dinilai memandangkan rang undang-undang ini telah dibawa ke pelbagai pihak dan sesi libat urus kepada kerajaan. Ahli Parlimen kerajaan dan juga Ahli Parlimen bukan kerajaan serta badan-badan NGO serta pemikir-pemikir berkenaan tentang rang undang-undang yang telah digubal oleh Jawatankuasa Pilihan Khas pada tahun yang lepas.

Walaupun demikian, kami mendapati terdapat beberapa atau sedikit perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Parlimen supaya perkara-perkara tersebut diperhalusi. Dalam pada masa yang sama juga, untuk menjawab pertanyaan Yang Berhormat Senator Lim, kerajaan melalui Kementerian Kesihatan kini sangat giat mempergiatkan kempen advokasi kesedaran bahaya merokok termasuk penggunaan rokok elektronik dan *vape* melalui *Plan Generational End Game*, Anti Merokok 18 (GEGAR-18) dengan meneruskan pelaksanaan program pencegahan merokok dan intervensi berhenti merokok di sekolah melalui Program Kesihatan Oral Tanpa Amalan Merokok dan institusi pengajian tinggi melalui kerjasama Kementerian Pendidikan, Kementerian Pengajian Tinggi, Yayasan Sukarelawan Siswa, Majlis Belia Malaysia dan badan-badan bukan kerajaan yang berkaitan.

Dalam pada masa yang sama, KKM juga turut menjalankan sesi libat urus dengan industri *vape* dan juga peranti elektronik ini supaya mereka menjalankan amalan kawalan sendiri buat masa ini apabila berlakunya lakuna. Kita berharap agar selesainya Rang Undang-undang Kawalan Merokok di peringkat Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen nanti, rang undang-undang ini akan dibentangkan semula pada persidangan Parlimen yang akan datang.

Timbalan Yang di-Pertua: Datuk Lim, soalan tambahan.

Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff: Soalan tambahan.

Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam: Soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua: Datuk Lim, ada soalan tambahan?

Datuk Lim Pay Hen: Soalan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua, apakah kekusaran utama yang menyebabkan Rang Undang-undang Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023 tidak dapat diluluskan di Dewan Rakyat baru-baru ini dan terpaksa dirujuk kepada Jawatankuasa Pilihan Khas sedangkan RUU tersebut adalah salah satu inisiatif yang dapat melindungi kesihatan awam dan masa depan masyarakat khususnya kanak-kanak susulan keputusan kerajaan mengecualikan cecair *vape* bernikotin daripada senarai bahan terkawal Akta Racun 1952. Sekian, terima kasih.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni: Pihak KKM menghormati apa sahaja pandangan-pandangan daripada pihak majlis terutama- Majlis Kawalan Tembakau dan juga NGO-NGO yang melihat keadaan semasa adalah sangat membimbangkan dan juga komitmen KKM berkenaan tentang Rang Undang-undang Kawalan Produk Merokok ini dan juga Generasi Penamat adalah sangat tinggi.

■1130

Komitmen kami, kami ingin melihat rang undang-undang ini dapat dibentangkan dan diluluskan untuk mewujudkan kawalan. Selain daripada itu, pihak kementerian akan sedaya upaya untuk memastikan segala pandangan Ahli Parlimen akan diambil berat dan antara perkara-perkara yang ditekankan adalah berkenaan tentang kompaun yang terlalu rendah hanya sekitar RM500 yang telah diputuskan oleh jawatankuasa yang lepas berbanding dengan cadangan asal RM5,000. Juga, kompaun yang sedia ada pada peringkat RM1,000.

Selain daripada itu, ada beberapa perkara berkenaan tentang pelaksanaan khidmat masyarakat dan *review* berkenaan generasi penamat terhadap produk *vape*. Kawalan RUU itu pada dasarnya akan mewujudkan generasi penamat bagi rokok terlebih dahulu dan kemudian diteruskan kepada *vape*. Ada pandangan Ahli-ahli Parlimen merasakan bahawa perlunya generasi penamat itu diadakan secara serentak tetapi KKM mencadangkan supaya diwujudkan kajian terlebih dahulu sebelum pelaksanaan dimulakan pada 27 yang akan datang.

Itu merupakan beberapa pandangan yang kita ambil berat dan saya merasakan adalah wajar dalam satu reformasi Parlimen kita mengangkat RUU itu kepada jawatankuasa khas. Terima kasih.

Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff: Soalan tambahan saya.

Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam: Soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua: Alamak, dua orang doktor minta hendak bercakap tetapi saya bagi Doktor Wan Martinalah.

Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff: Terima kasih, Timbalan Yang di-Pertua. Ringkas sahaja soalan saya, apa pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah

dengan melengahkan kelulusan Akta Kawalan Produk Tembakau dan Rokok 2023 akan mendedahkan rakyat terutamanya golongan kanak-kanak dan remaja kepada mudarat yang lebih teruk ataupun penyakit-penyakit bahaya. Terima kasih.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni: Kemudaratan akibat rokok dan juga *vape* ini sememangnya telah wujud sebelum RUU ini dibentangkan pada bacaan kali pertama. Beberapa kes yang kita akui dan kita telah bahaskan di dalam Parlimen. Kita juga membawa ke Kamar Khas dan membenarkan Ahli-ahli Parlimen membincangkan tentang keracunan nikotin itu, merupakan komitmen KKM.

Kita tidak ingin melihat- itu adalah merupakan modal utama yang dibawa oleh KKM selama ini bahawa isu tabiat merokok terhadap produk-produk *vape* ini adalah sangat kritikal memandangkan kadar dan juga data peratusan pengambilan *vape* dalam kalangan wanita pun semakin meningkat.

Maka, kita memerlukan satu rang undang-undang dan ini merupakan peluang yang terbaik supaya kita dapat membuat satu kawalan. Walaupun demikian, kita kena menghormati sesi libat urus yang kita laksanakan. Kita hanya memerlukan sedikit lagi masa untuk membentangkan semula dan bawa balik ke Parlimen dan berharap agar mendapatkan sokongan secara *bipartisan* dalam Dewan berkenaan tentang kawalan tembakau dan juga produk-produk *vape* ini.

Saya harap agar Ahli-ahli Dewan Negara ini juga turut memberikan sokongan padu terhadap rang undang-undang yang dibentangkan oleh pihak KKM. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kita menunggulah pembentangan RUU tentang tembakau nanti.

Soalan terakhir kita pagi ini saya jemput Puan Noorita binti Sual.

13. Puan Noorita binti Sual minta Menteri Pendidikan menyatakan, apa langkah-langkah yang telah diambil dan diperkenalkan oleh kementerian bagi meningkatkan lagi fasiliti keselamatan di sekolah-sekolah luar bandar seperti peti pertolongan cemas, alat pemadam api, jaket keselamatan dan sebagainya.

Timbalan Menteri Pendidikan [Puan Lim Hui Ying]: Terima kasih. Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa mengambil berat tentang kebersihan, kesihatan dan keselamatan di sekolah bagi menyediakan persekitaran yang kondusif kepada murid, guru dan seluruh warga sekolah. Oleh sebab itu, KPM telah melaksanakan beberapa inisiatif dalam meningkatkan fasiliti keselamatan di semua sekolah KPM termasuk pemeriksaan dan penyelenggaraan alat pemadam api secara berkala.

Pada tahun 2023 sebanyak RM700,000 telah disalurkan pada Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) bagi penggantian alat pemadam api yang telah tamat tempoh. Penyediaan Bantuan Jaket Keselamatan (BJK) sebagai langkah menjamin keselamatan murid dan guru

yang menggunakan pengangkutan air ke sekolah terutamanya yang tinggal di kawasan pendalaman dan luar bandar.

Sebanyak RM1.38 juta telah diperuntukkan dalam tahun 2023 bagi perolehan jaket keselamatan yang melibatkan sembilan JPN iaitu Johor, Kelantan, Pahang, Pulau Pinang, Perak, Sabah, Sarawak, Terengganu dan Kedah. Penyediaan buku konsep dan manual sekolah selamat yang mengandungi panduan dan tindakan yang memastikan keselamatan murid apabila berlaku sesuatu kecemasan atau kebakaran.

KPM tidak berkompromi berkaitan isu keselamatan warga institusi pendidikan. Oleh sebab itu, sebarang ketidakcukupan daripada segi keperluan keselamatan akan ditampung melalui peruntukan semasa. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan, Yang Berhormat Senator Puan Noorita.

Puan Noorita binti Sual: Terima kasih atas jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sebagai seorang ibu, kadang-kadang saya khuatir terutama apabila terpaksa menandatangani klausa penafian atas surat kebenaran mengikuti aktiviti sekolah. Saya faham tidak ada pihak yang ingin perkara tidak diingini berlaku namun kementerian perlu ada *duty of care* untuk pastikan adanya fasiliti keselamatan di setiap sekolah agar anak-anak yang kita hantar ke sekolah itu berada dalam persekitaran seselamat yang mungkin.

Jadi soalan tambahan saya, adakah kementerian mempunyai peruntukan khusus bagi menangani isu ini khususnya bagi sekolah-sekolah di luar bandar dalam Belanjawan tahun ini sebab saya dengar tadi belanjawan yang ada itu pada tahun 2023 kalau saya tidak silap- apakah perkembangan kes jeti runtuh yang melibatkan pelajar sekolah di Daerah Semporna, adakah kementerian telah membekalkan jaket keselamatan kepada sekolah tersebut? Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Puan Lim Hui Ying: Terima kasih, Yang Berhormat Senator. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seperti yang saya maklumkan tadi sebanyak RM1.38 juta telah diperuntukkan dalam tahun 2023 bagi perolehan bantuan jaket keselamatan di sembilan buah negeri iaitu seperti yang telah saya sebutkan Johor, Kelantan, Pahang, Pulau Pinang, Perak, Sabah, Sarawak, Terengganu dan Kedah.

Selain itu- ini lebih. Selain itu sebanyak RM700,000 telah disalurkan kepada sekolah menerusi JPN untuk tujuan perolehan alat pemadam api iaitu ada berasingan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2023 sebanyak RM3,750 diperuntukkan pada Sekolah Kebangsaan Pulau Pababag bagi pembelian 24 helai jaket keselamatan yang melibatkan 23 orang murid dan seorang guru iaitu kes yang berlaku awal tahun iaitu jeti runtuh. JPN Sabah sedang dalam proses melaksanakan perolehan jaket

keselamatan dan dijangka akan diagihkan ke sekolah tersebut selewat-lewatnya Ogos 2023.

Walau bagaimanapun, sekolah tersebut juga telah mempunyai jaket keselamatan sedia ada untuk penggunaan murid dan guru yang ini merupakan tambahan untuk tukar ganti. Dalam hubungan ini KPM sentiasa memantau status terkini perolehan jaket keselamatan yang dilaksanakan oleh JPN terlibat. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Dengan ini berakhirilah sesi pertanyaan lisan. Setiausaha.

[Masa Pertanyaan-pertanyaan Jawab Lisan tamat]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG KESIHATAN MENTAL (PINDAAN) 2023

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.” ***[20 Jun 2023]***

Timbalan Yang di-Pertua: Saya menjemput Yang Berhormat Senator Dato’ Kesavadas a/l A Achyuthan Nair

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

11.39 pg.

Dato’ Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua untuk bagi peluang kepada saya untuk membahaskan rang undang-undang ini. Perbuatan bunuh diri bukanlah solusi yang sepatutnya menjadi pilihan manusia untuk lari daripada realiti kehidupan yang penuh dengan liku dan cabaran yang menekan. Cuba kita bayangkan bagaimanakah reaksi pasangan hidup, ahli keluarga mahupun sahabat handai apabila mendapat perkhabaran tentang kehilangan individu yang mereka sayang akibat bunuh diri.

Lebih tragis lagi kehilangan orang yang tersayang akibat bunuh diri menjadi hasutan kepada seseorang untuk melakukan apa jua perkara di luar kawalan yang kita sendiri tidak pernah alami atau menangani.

■1140

Berdasarkan laporan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) yang diterbitkan pada Jun tahun lalu, hampir satu bilion orang penduduk dunia mengalami gangguan mental pada tahun 2019. Satu daripada 100 kematian yang berlaku adalah disebabkan oleh bunuh diri.

Di Malaysia, sebanyak 465 kes cubaan bunuh diri telah dilaporkan berlaku dari Januari hingga Jun 2020 iaitu tahun berlakunya pandemik yang telah mendesak negara-negara global yang melaksanakan *total lock down* atau Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Biar pun kesemua 465 kes tersebut telah dirujuk kepada pakar-pakar psikiatri, namun angka tersebut harus kita jadikan sebagai petunjuk bahawa setiap kematian akibat bunuh diri bermula dengan niat atau perancangan untuk melakukan perbuatan yang berdosa besar tersebut.

Antara faktor utama yang menghasut seorang manusia untuk menamatkan riwayat hidup sendiri iaitu masalah kewangan yang sedang menghimpit hidup mereka. Selain itu, beban kerja di pejabat juga turut menghantui minda biarpun sedang berehat di rumah.

Sejajar dengan pindaan Akta Kesihatan Mental 2001 yang kita bahaskan ini, saya meletakkan harapan agar kerajaan dapat mewujudkan pelbagai mekanisme yang komprehensif yang boleh menggalakkan rakyat, khususnya golongan pekerja untuk melakukan pemeriksaan kesihatan mental secara berkala. Dukungan serta komitmen Kementerian Kesihatan dalam mewujudkan rangkaian sokongan psikiatri kepada mana-mana individu yang disyaki mengalami tekanan mental seharusnya diberi penekanan.

Penekanan tersebut penting untuk memastikan penguatkuasaan pindaan Akta 615 ini mampu dilaksanakan secara berkesan terutamanya dalam perihal rujukan psikiatri kepada pesakit mental yang ditahan. Masalah-masalah kesihatan yang berpunca daripada tekanan mental boleh memberi impak kepada *survival* kewangan seseorang, lebih-lebih lagi dia perlu menjalani rawatan khusus yang memerlukan perbelanjaan yang tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, sejajar dengan penambahan peruntukan kira-kira RM16.4 juta bagi perkhidmatan psikiatri dan kesihatan mental untuk tahun 2023, saya ingin mencadangkan agar kerajaan menerusi sokongan Kementerian Kesihatan dapat menyediakan lebih banyak pusat rujukan psikiatri terutamanya di kawasan bandar. Dengan adanya pusat rujukan psikiatri yang mudah didekati, rakyat khususnya golongan pekerja dapat melakukan pemeriksaan kesihatan mental secara berkala di samping mendapatkan khidmat nasihat daripada pakar-pakar psikiatri mengenai terapi serta penjagaan mental yang berkesan.

Penambahan pusat psikiatri yang saya cadangkan tadi juga sejajar dengan pindaan seksyen 11, subseksyen 4 rang undang-undang ini yang menyentuh tentang rujukan psikiatri kepada pesakit mental yang ditahan. Selain memastikan setiap aspek perlindungan tahanan diberi perhatian oleh setiap pegawai intervensi krisis,

penguatkuasaan Akta 615 ini juga seharusnya disusuli dengan pelaksanaan program latihan kepada pegawai intervensi krisis khususnya pegawai polis. Latihan tersebut bertujuan untuk meningkatkan kepekaan serta kemahiran mereka dalam mengendalikan setiap pesakit mental yang mereka tahan.

Merujuk kepada pindaan subseksyen 5, kuasa untuk menangkap individu yang cuba untuk membunuh diri diberikan kepada pegawai polis yang merupakan antara pegawai intervensi krisis disebut dalam rang undang-undang ini. Berhubung dengan perihal tersebut, saya ingin mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai empat perkara.

Pertama, apa jaminan bahawa pemberian kuasa menangkap kepada pegawai polis yang dinyatakan dalam rang undang-undang ini tidak akan mengakibatkan kecederaan-*casualty*, atau ketakutan-*anxiety*, dengan izin, kepada individu yang cuba membunuh diri. Apakah aspek-aspek pematuhan disiplin tugas yang akan dikuatkuasakan bagi memastikan pengendalian tangkapan yang dibuat menurut akta ini tidak mencetuskan kemudaratan fizikal dan mental kepada individu yang ingin ditangkap?

Kedua, apakah bentuk latihan yang akan dilaksanakan bagi meningkatkan keupayaan pihak polis dalam mengendalikan tangkapan yang melibatkan pesakit mental khususnya yang cuba membunuh diri? Adakah kerajaan menerusi PDRM akan melaksanakan program latihan khusus yang memberi pendedahan tentang ilmu berkaitan psikiatri kepada pegawai-pegawai polis yang diberi kuasa?

Ketiga, apakah bentuk perlindungan sementara yang boleh disediakan oleh pihak polis kepada pesakit mental yang ditahan yang boleh menenangkan tahanan sebelum dia dapat dirujuk kepada pakar psikiatri yang di maksud dalam subseksyen 4?

Keempat, apakah aspek pembangunan semula yang akan difokuskan oleh kerajaan sebagai usaha untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan psikiatri dan disediakan di hospital-hospital awam sejajar dengan pindaan Akta 615 ini?

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja perbahasan saya dan saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya ingin menjemput Yang Berhormat Senator Tuan Ir. Md Nasir bin Hashim.

11.47 pagi.

Tuan Ir. Md Nasir bin Hashim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua dan semua Ahli yang terlibat dalam sesi perbahasan Rang Undang-undang Kesihatan Mental (Pindaan) 2023 bagi bacaan keli kedua.

Pertama sekali saya ingin mengambil peluang ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas pembentangan perbahasan Rang Undang-undang Kesihatan Mental (Pindaan) 2023 Bacaan Kali Kedua. Ia satu yang sanat bermakna bagi keseluruhan rakyat Malaysia.

Saya ingin menarik perhatian kesemua Ahli Dewan dengan kes kesihatan mental berprofil tinggi berpunca dari tempat kerja. Beliau merupakan seorang penjawat awam yang disahkan oleh doktor pakar psikiatri mengalami vertigo kronik berpunca daripada kes buli mental berpanjangan oleh majikannya. Kefungsian beliau sebagai pekerja yang berdedikasi terjejas apabila berdepan dengan majikan yang bersifat *narcissistic personality disorder and persecutory delusion*. Majikannya sering mengkritik, mempertikai dan memperlekeh pandangan serta hasil kerja beliau dan menganggap beliau sebagai ancaman kepada dirinya sebagai majikan.

Tekanan demi tekanan kerja yang di luar bidang tugasannya telah diberikan oleh majikan tersebut sehingga tidak kira masa dan tiada belas kasihan terhadap masa berkeluarga. Menurut doktor psikiatri yang mendiagnosis beliau sehingga disahkan beliau menghidap penyakit *vertigo* kronik mendapati bahawa majikannya itu mengalami gangguan personaliti narsistik di tempat kerja. Gangguan personaliti di mana majikan beliau mempunyai satu kepentingan terhadap dirinya sendiri termasuk pencapaian-pencapaian dalam kehidupan dan kerjaya. Personaliti majikannya ini telah mewujudkan masalah dalam perhubungan seharian di tempat kerja.

Kos kesihatan mental yang terpaksa ditanggung oleh diri beliau untuk memulihkan kembali kesihatan mentalnya menelan belanja sebanyak RM22,178.70. Kos pemulihan kesihatan mental dirinya sebagai pekerja tidak ditanggung oleh organisasi beliau. Doktor psikiatri yang merawat beliau mencadangkan agar mengambil cuti rehat bagi memulihkan kembali kesihatan mentalnya yang terjejas berpunca dari tempat kerja.

■1150

Kes ini telah dimajukan oleh beliau kepada pihak tertinggi untuk tindakan lanjut demi kesejahteraan mental pekerja di tempat kerja. Rujukan fail kes Kesihatan Mental Pekerja 2023, *Mental Wellness Eco Tourism Center Malaysia*.

Berdasarkan kepada kes yang dinyatakan ini, bagi perbahasan Rang Undang-undang Kesihatan Mental (Pindaan) 2023 kali ini adalah dicadangkan untuk diadakan satu sesi khas dalam undang-undang kesihatan mental iaitu seksyen berkaitan dengan hukuman terhadap majikan, mahupun pekerja yang melakukan perbuatan narsistik di tempat kerja. Narsistik di tempat kerja akhir-akhir ini sangat melebar di dalam organisasi. Ia menjejaskan perkembangan potensi kakitangan di tempat kerja dan kadar narsistik ini sangat merugikan organisasi secara jangka panjang.

Narsisistik di tempat kerja ditandai dengan apabila seseorang itu, sama ada majikan mahupun pekerja tidak boleh menerima penolakan idea atau pandangan yang diberikan oleh dan mempertahankan ideanya yang dianggap benar serta menekan ideanya untuk diterima oleh seseorang yang bertugas di bawah seliaannya.

Selain itu, tanda seorang narsisistik ini di tempat kerja adalah suka bercakap tentang diri sendiri tanpa memikirkan hal ehwal pemikiran dan perasaan orang lain. Tanda seterusnya narsisistik di tempat kerja sama ada majikan mahupun pekerja iaitu sering memanipulasi perasaan orang lain demi mendapat keuntungan peribadinya, agar namanya dipandang tinggi oleh orang atasannya. Majikan atau pekerja yang narsisistik akan melakukan apa sahaja termasuk melakukan *silent treatment*, dengan izin, kepada lawan bicaranya sehingga lawan bicaranya mengalami tekanan jiwa, sehingga tidak mampu berfungsi sebagai petugas organisasi yang cemerlang.

Atas kes yang dinyatakan ini maka rasional diadakan seksyen khas ini adalah bagi majikan menjalankan tanggungjawab mereka yang tertakluk di bawah Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 [Akta 514] Bahagian IV: Kewajipan Am Majikan dan Orang-orang yang Bekerja Sendiri. Adalah menjadi kewajipan tiap-tiap majikan dan tiap-tiap orang yang bekerja sendiri untuk memastikan setakat yang praktik keselamatan, kesihatan dan kebajikan semasa bekerja semua pekerjaanya.

Kewajipan tiap-tiap majikan di sektor kerajaan mahupun swasta adalah menjaga, memelihara keselamatan, kesihatan, kebajikan para pekerja. Kesihatan mengikut takrifan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) merupakan satu keadaan merangkumi kesihatan secara fizikal, mental dan sosial dan tidak hanya ketiadaan penyakit. Maka dalam konteks penjagaan dan pemeliharaan kesihatan mental pekerja di tempat kerja, ia memerlukan satu seksyen hukuman melakukan narsisistik di tempat kerja.

Seksyen khas ini tiada lagi diwujudkan dan dibahaskan dalam kesihatan mental pekerja. Sedangkan ia memberi impak dan kesan besar kepada pembangunan dan perjalanan organisasi. Sesebuah organisasi tidak akan mencapai matlamatnya sekiranya sumber manusia yang menggalakkan organisasi tersebut mengalami ketidaksehatan mental mahupun fizikal.

Kesihatan mental di tempat kerja perlu dibahaskan dan memerlukan kepada ke seksyen yang khusus bagi melindungi keselamatan, kesihatan pekerja dan majikan. Untuk pekerja ini, ia memerlukan kepada gembengan tenaga pakar daripada NIOSH, Kementerian Kesihatan Malaysia, para penyelidik di bidang psikologi dan kaunseling organisasi serta pakar industri di dalam bidang teknikal kesihatan mental klinikal bagi membangunkan seksyen khas ini secara praktikal.

Saya sekali lagi menarik perhatian kesemua Ahli Dewan bahawa terdapat kes wanita menghidap *major depression disorder* berpunca dari *mental abuse*, dengan izin,

yang berlaku di dalam keluarga. Wanita ini telah mengambil dan memakan ubat tidur berlebihan dengan niat untuk membunuh diri kerana sudah tidak tahan lagi dicerderakan mental dan emosinya di dalam rumah tangga. Wanita ini mencekik dirinya sendiri ketika menjalani sesi klinikal terapi kesihatan mental kerana sudah tidak tahan dengan tekanan mental yang dihadapinya setiap hari di dalam rumah tangga.

Tuan Yang di-Pertua: Lagi panjang ya Yang Berhormat?

Tuan Ir. Md Nasir bin Hashim: Ada satu muka lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Panjang lagi itu.

Tuan Ir. Md Nasir bin Hashim: Ya. Boleh?

Tuan Yang di-Pertua: Cubalah, Yang Berhormat.

Tuan Ir. Md Nasir bin Hashim: Okey. Berdasarkan kes mental kekeluargaan yang disebabkan sebentar tadi, maka kesihatan mental kekeluargaan juga memerlukan satu seksyen khas yang memperuntukkan hukum tertentu kepada mana-mana ahli keluarga yang dengan sengaja atau dengan niat atau dengan apa-apa dengan apa cara sekalipun menekan mental dan emosi keluarga, sehingga sistem kekeluargaan menjadi porak-peranda. Dengan adanya seksyen hukuman khas kesihatan mental kekeluargaan ini, ia dapat menjaga nasab keturunan kekeluargaan daripada kesihatan mental berpanjangan. Penjagaan nasab dan keturunan meliputi penjagaan akal dan nyawa ahli keluarga termaktub di dalam *maqasid syariah*.

Untuk memudahkan perkhidmatan profesional kesihatan mental dapat dinikmati oleh rakyat Malaysia, maka perlulah seksyen khas penjagaan kesihatan mental komuniti yang membolehkan rakyat Malaysia dapat membuat rujukan penjagaan kesihatan mentalnya dan apa-apa juga faedah yang diperoleh oleh dirinya sebagai warga Malaysia dalam penjagaan kesihatan mental.

Bagi maksud mudah cara perkhidmatan kesihatan mental awam, maka ia bukan hanya bergantung kepada perkhidmatan yang disediakan oleh pihak kerajaan semata, malah ia turut disediakan oleh pihak swasta dan NGO. Maka seksyen khas penjagaan kesihatan mental komuniti boleh berfungsi sebagai penggalak kepada warga Malaysia untuk mendapatkan hak perkhidmatan kesihatan mentalnya dari mana-mana badan swasta dan NGO yang menjalankan perkhidmatan kesihatan mental yang bertauliah. Ini dapat membantu pihak kerajaan dalam menangani isu-isu kesihatan mental secara menyeluruh dengan bantuan kerjasama dari badan NGO dan swasta yang mempunyai kepakaran khusus di dalam bidang kesihatan mental klinikal.

Kes kesihatan mental di kalangan pelajar juga perlu diambil perhatian oleh pihak kerajaan dan tiada lagi seksyen khas kesihatan mental pelajar diwujudkan. Seksyen ini amat penting kerana telah wujud kalangan pelajar yang mengambil tindakan untuk mengelar tangan, cubaan membunuh diri dan tindakan yang boleh mengundang kepada

kematian. Kewujudan seksyen ini amat diperlukan bagi mengekang tindakan luar kawal pelajar agar tidak melakukan suatu perkara yang memudaratkan dirinya secara jangka panjang.

Dengan wujudnya seksyen khas kesihatan mental di tempat kerja, seksyen khas kesihatan mental kekeluargaan, seksyen khas penjagaan kesihatan mental komuniti dan seksyen khas kesihatan mental pelajar, ia dapat membantu warga Malaysia kembali sejahtera mental dan emosi serta tahu ke mana ingin mendapatkan haknya yang sebenar dalam penjagaan akal dan nyawa diri secara jangka panjang bersama profesional kesihatan mental klinikal di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya memohon cadangan ini dibahaskan di Parlimen, dimasukkan di dalam Rang Undang-undang Kesihatan Mental (Pindaan) 2023. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu.

11.59 pg.

Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang dan peluang kepada saya untuk terlibat dalam perbahasan Rang Undang-undang Kesihatan Mental (Pindaan) 2023 pada hari ini.

Semalam ramai sahabat Senator telah berbahas tentang RUU ini dan pada hari ini saya akan teruskan dengan menyentuh beberapa perkara, termasuk menekan semula perkara yang dibangkitkan oleh kami untuk perhatian pihak kerajaan.

■1200

Pertama kali, saya ingin mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan dalam membentangkan RUU Kesihatan Mental (Pindaan) 2023 ini. Sudah semestinya pindaan akta ini akan membawa banyak faedah kepada golongan yang terlibat. Jika dilihat daripada laporan-laporan media dan kenyataan yang dikeluarkan oleh Timbalan Menteri Undang-undang dan Reformasi Institusi, beliau berkata pindaan ini bertujuan meminda Akta Kesihatan Mental 2001 [Akta 615] susulan pemansuhan kesalahan percubaan bunuh diri di bawah seksyen 309 Kanun Keseksaan [Akta 574].

Tuan Yang di-Pertua, secara peribadi, saya menyambut baik usaha pihak kerajaan meminda undang-undang kesihatan mental kerana sudah tiba masanya kerajaan memainkan peranan yang lebih penting dalam memastikan masalah kesihatan mental di kalangan rakyat Malaysia diberi perhatian yang serius melalui program pemulihan jangka pendek dan panjang. Mengikut kenyataan yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara pada April 2023, isu dan masalah kesihatan mental serta tekanan emosi

merupakan antara isu kesihatan awam yang menjadi semakin penting terutamanya selepas pandemik COVID-19.

Hal ini dibuktikan apabila masalah kesihatan mental menunjukkan trend meningkat dengan statistik individu yang mendapat sokongan menerusi Talian Bantuan Perkhidmatan Sokongan Psikologi iaitu insentif di bawah Pusat Kecemerlangan Kesihatan Mental Kebangsaan meningkat lima kali- ganda bagi tahun 2022, berbanding tahun 2020 serta dibangkitkan oleh Senator YB Datuk Noraini binti Idris. Sudah semestinya dengan data-data ini pihak kerajaan telah mengambil insentif untuk meminda RUU Kesihatan Mental dengan memberi kuasa pegawai intervensi memecah masuk premis bagi menghentikan percubaan membunuh diri.

Walaupun begitu, saya menyeru pihak kerajaan untuk melihat apakah punca sebenarnya atau dengan izin, *root course* masalah kesihatan mental melibatkan rakyat Malaysia. Walau bagaimanapun, kita boleh mencegah perkara ini sebelum ia terlambat. Di dalam Dewan Negara semalam, sahabat Senator saya Yang Berhormat Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan yang menggesa kerajaan mengambil pendekatan bersepadu bagi meningkatkan jumlah kaunselor kesihatan mental, memandangkan bilangan sedia ada terlampau sedikit untuk menampung keperluan semasa.

Saya setuju dengan apa yang disebut oleh rakan Senator kerana buat masa sekarang, jumlah kaunselor kesihatan sebanyak 10,136 orang tidak mencapai nisab diperlukan iaitu seorang pakar bagi setiap 500 orang rakyat Malaysia. Perkara ini serius kerana tanpa pakar yang mencukupi, usaha kerajaan untuk mengurangkan pesakit mental di kalangan rakyat tidak berjaya. Oleh itu, persoalan saya, adakah usaha yang sedang dan akan diambil kerajaan untuk memastikan jumlah kaunselor kesihatan mental di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, memberi kuasa pegawai intervensi memecah masuk premis bagi menghentikan percubaan bunuh diri sahaja tidak mencukupi. Adalah penting bahawa pegawai-pegawai intervensi ini diberi latihan dan menangani kecelaruan mental atau mereka yang cuba membunuh diri.

Menurut kenyataan yang dikeluarkan oleh Timbalan Menteri Undang-undang dan Reformasi Institusi pada Mei 2023, pada tahun 2022, Kementerian Kesihatan hanya melantik lebih 50 orang Pegawai Polis dan bomba dalam perkara ini. Ini bagi saya sangat tidak mencukupi dan apakah rancangan serta persediaan pihak kerajaan bagi memastikan pegawai intervensi cukup terlatih dengan menangani kes membunuh diri. Ini juga konsisten dengan soalan yang dibangkitkan oleh rakan-rakan Senator yang membahaskan RUU semalam.

Konklusinya, saya berharap pihak kerajaan dapat memberi fokus kepada dua perkara asas yang penting dalam memastikan pindaan RUU ini berjalan lancar dan memberi manfaat kepada rakyat iaitu mencari, dengan izin, *root course* peningkatan kes

kesihatan mental rakyat Malaysia dan mempertingkatkan jumlah kaunselor kesihatan mental, memberi latihan yang terbaik bagi mencukupi kepada pegawai intervensi dalam menjalankan tugas mereka.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon menyokong pindaan rang undang-undang oleh pihak kerajaan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Dato' Sivaraj.

12.06 tgh.

Dato' Sivaraj a/l Chandran: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang kepada saya untuk turut mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Kesihatan Mental (Pindaan) 2023. Tuan Yang di-Pertua, isu kesihatan mental ini saya lihat cukup besar dan wajar diberi perhatian yang munasabah. Kalau kita lihat di luar sana, semakin hari semakin bertambah buruk sebenarnya realiti kesihatan mental segenap rakyat. Kita boleh ketengahkan beberapa contoh untuk membuktikan perkara ini.

Pertama Tuan Yang di-Pertua, jumlah kes yang mendapat sokongan melalui Talian Bantuan Perkhidmatan Sokongan Psikososial (MHPSS) di bawah Pusat Kecemerlangan Kesihatan Mental Kebangsaan KKM telah meningkat sebanyak lima kali ganda pada tahun lepas berbanding tahun 2020.

Kedua Tuan Yang di-Pertua, masalah kesihatan mental yang mendorong kepada tingkah laku bunuh diri telah turut meningkat secara ketara iaitu sebanyak 81 peratus dari hanya 631 kes yang dilaporkan pada tahun 2021, ke-1,142 kes pada tahun 2021. Kedua-dua statistik ini cukup membimbangkan, Tuan Yang di-Pertua. Lebih merisaukan adalah unjuran bahawa terdapat lebih 8 juta orang rakyat Malaysia berusia 18 hingga 60 tahun yang dikesan berhadapan dengan keresahan ataupun, dengan izin, *anxiety disorder*.

Tuan Yang di-Pertua, menyedari trend yang membimbangkan ini, saya menyambut baik usaha kerajaan melalui rang undang-undang ini, untuk antara lainnya membolehkan pegawai intervensi krisis untuk menangkap mana-mana yang cuba membunuh diri. Saya percaya penugasan pegawai intervensi untuk menangkap atau pun secara lebih tepat menahan mana-mana individu yang cuba membunuh diri langkah tepat dan juga seiring dengan keputusan kerajaan untuk memansuhkan cubaan membunuh diri sebagai jenayah.

Dalam masa itu Tuan Yang di-Pertua, saya fikir kita perlu beri tumpuan kepada beberapa aspek utama dalam RUU ini supaya kita dapat melaksanakan usaha murni kita ini secara lebih efektif. Antara lainnya merupakan soal siapa sahaja yang boleh berperanan sebagai pegawai intervensi krisis. Mengikut RUU ini, peranan ini hanya diberikan kepada beberapa kumpulan iaitu pegawai polis, pegawai Agensi Penguatkuasaan Maritim,

pegawai bomba dan pegawai bomba bantuan, anggota Angkatan Pertahanan Awam dan pegawai-pegawai kebajikan masyarakat.

Saya faham perkara ini merupakan akibat keperluan latihan dan kepakaran secara spesifik serta punca kuasa untuk masuk secara paksa dalam premis dan mana-mana bahagian premis, di mana cubaan membunuh diri berlaku. Namun Tuan Yang di-Pertua, saya percaya skop ini perlu diperluaskan selaras dengan tuntutan semasa.

Saya beri satu contoh untuk pertimbangan kerajaan. Katakan seorang pelajar cuba membunuh diri di sekolah. Adakah seorang guru yang cuba hendak membantu pelajar terbabit atau cuba menghubungi pihak berkuasa yang diberikan peranan sebagai pegawai intervensi krisis. Bukankah lebih baik kita juga memberi para guru kita latihan kemahiran yang sewajarnya supaya mereka boleh berperanan sebagai pegawai intervensi krisis.

Contoh kedua, katakan seorang individu cuba membunuh diri di tempat kerjaya. Adakah rakan-rakan sekerja hendak cuba menyelamatkan dia atau pun tunggu untuk pihak berkuasa? Bukankah lebih baik kita cuba mewajibkan mungkin satu atau dua orang individu di setiap syarikat dan institusi untuk turut dilatih dengan kemahiran sewajarnya supaya mereka boleh berperanan sebagai pegawai intervensi krisis.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir usaha untuk memastikan supaya ramai lagi individu dapat berperanan sebagai pegawai intervensi krisis ini penting untuk membolehkan tindakan segera dan pantas yang boleh menyelamatkan nyawa seseorang.

■1210

Atas kesedaran ini saya memohon pertimbangan kerajaan terhadap cadangan yang saya kemukakan ini agar usaha untuk membantu golongan yang berdepan dengan isu kesihatan mental dapat dilaksanakan secara meluas.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya memohon menyokong Rang Undang-undang Kesihatan Mental 2023. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Dato'. Sekarang menjemput Yang Berhormat Senator Dato' Arman Azha.

12.10 tgh.

Dato' Arman Azha Abu Hanifah: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana sekali lagi membenarkan saya mengambil bahagian dalam sesi perbahasan Rang Undang-undang Kesihatan Mental (Pindaan) 2023.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang kita maklum, rang undang-undang ini telah kita bahaskan semalam, susulan Rang Undang-undang Tatacara Jenayah (Pindaan) (No. 2) 2023 yang kita bahas malam tadi ataupun petang semalam.

Rang Undang-undang Kesihatan Mental ini dibentangkan untuk bersifat memberi kuasa kepada pegawai intervensi yang dilantik untuk menyelamatkan mangsa yang cuba bunuh diri atau dikenal pasti mempunyai kecelaruan mental. Menerusi pembentangan Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam sidang Dewan Rakyat tempoh hari, dengan adanya pindaan ini pegawai intervensi yakin mampu menyelamatkan mangsa yang celaru mental daripada cubaan membunuh diri atau memudaratkan orang sekeliling. Dinyatakan juga seramai 50 orang pegawai polis dan bomba telah mengikuti latihan khas yang dijalankan di peringkat nasional sebagai persediaan rang undang-undang ini.

Soalan saya pada kerajaan, adakah ini akan diwujudkan satu jawatan khas pegawai intervensi pada masa akan datang dan bukan dipilih daripada agensi-agensi didaftarkan di bawah MERS 999 ataupun agensi yang dikenal pasti untuk mengendalikan insiden kecemasan dan darurat seperti ini.

Dalam rang undang-undang yang dibentangkan, dinyatakan juga bahawa pegawai intervensi yang dipilih diberikan kebenaran untuk memecah masuk premis atau apa-apa laluan, yang menghalang dalam usaha menyelamatkan mangsa dalam cubaan membunuh diri. Pemberian kuasa sedemikian amat wajar kerana pegawai intervensi harus bertindak cekap, pantas untuk menyelamatkan nyawa mangsa.

Walau bagaimanapun, adakah garis panduan yang dibekalkan kepada pegawai-pegawai yang dilantik dalam mengendalikan kes-kes kecemasan seperti ini. Andai kata semasa melakukan penangkapan dan mangsa tercedera secara tidak sengaja akibat tindakan pegawai intervensi dalam usaha mencegah situasi tersebut yang menjadi mudarat dan mengakibatkan kecacatan kekal kepada mangsa, adakah pegawai intervensi tersebut akan dikenakan tindakan ataupun sebarang saman oleh mangsa ataupun keluarga mangsa yang terlibat.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya kita sedia maklum bahawa perkembangan teknologi maklumat dan digital amat luas jaringannya. Jika terdapat mangsa yang membuat cubaan membunuh diri secara langsung atau dikenali sebagai *live* di sosial media, adakah pegawai intervensi yang dikhaskan itu untuk melakukan intervensi di platform digital juga. Saya membicarakan mengenai platform digital ini kerana kita lihat penonton atau *views* yang mempengaruhi mangsa boleh meneruskan niat untuk membunuh diri kerana trend hari ini.

Adakah mekanisme yang mungkin telah dirancang untuk mengenali situasi-situasi di antara penonton. Pada masa yang sama, adakah pihak kerajaan boleh membatalkan *live* tersebut untuk tidak dapat *views*. Ini kerana apabila mereka mengerjakan *views* ini mereka boleh meneruskan mereka punya niat untuk bunuh diri.

Kita tidak boleh memandang ringan perkara-perkara sebegini kerana generasi muda hari ini amat taasub dan obsesi dengan media sosial. Pemikiran dan keinginan

mereka terhadap satu perkara kadang-kadang tidak terjangkau pemikiran yang normal. Lebih-lebih lagi yang gila mengejar *views* pada hari ini. Tidak hairan jika mereka sanggup mempertaruhkan nyawa mereka sebagai eksperimen sosial, apatah lagi cubaan membunuh diri untuk mendapatkan *views* yang lebih tinggi. Adakah rang undang-undang ini juga termaktub dalam isu yang saya nyatakan tadi?

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya dengan wujudnya jawatan pegawai intervensi merupakan susulan daripada peningkatan kes-kes kemurungan dan kecelaruan mental sejak COVID-19 tempoh hari. Ramai yang terkesan dengan kehilangan pekerjaan, kematian ahli keluarga, masalah hutang yang kian meningkat, kos sara hidup yang makin meningkat, masalah kewangan, pinjaman kewangan. Perkara-perkara ini mendorong kepada kemerosotan kesihatan mental. Jika boleh kita kongsi dengan pihak kementerian, apakah statistik mangsa yang cuba bunuh diri ini berjaya diselamatkan sehingga hari ini? Apakah mekanisme yang diguna pakai oleh kerajaan dalam menghulurkan rawatan pemulihan agar kejadian yang sama tidak berulang kembali?

Saya rasa amat wajar pihak kerajaan adakan talian atau platform khas bagi kesedaran kepada rakyat untuk mengetahui saluran menangani kes-kes cubaan membunuh diri. Sekurang-kurangnya kita tahu bahawa mereka tahu perkara asas yang perlu dilakukan. Semua lapisan masyarakat, juga kerajaan perlu berganding bahu dalam menormalisasikan kepentingan penjagaan kesihatan mental dan psikologi yang kita lihat kian makin meningkat dalam negara kita.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, bagi saya kita perlu melihat rang undang-undang ini daripada semua sudut. Bukan sahaja daripada agensi kerajaan, rakan-rakan NGO malah rakyat juga memainkan peranan yang amat penting dalam situasi isu masalah kesihatan mental ini.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya merasakan pindaan undang-undang ini merupakan satu perkara yang amat wajar dan oleh itu saya berdiri menyokong rang undang-undang ini. Sekian. *Wabillahirtaufik walhidayah wassalamualaikum*. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Senator Datin Hajah Ros Suryati binti Alang sebagai pembahas yang terakhir dalam rang undang-undang ini. Selepas itu Menteri menjawab.

12.17 tgh.

Datin Hajah Ros Suryati binti Alang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu terima kasih kerana memberikan masa kepada saya untuk perbahasan Rang Undang-undang Kesihatan Mental (Pindaan) 2023.

Pada hari ini, kita berbahas tiga RUU yang ada kaitan antara satu sama yang lain. Di hadapan kita merupakan pindaan untuk menambah baik Rang Undang-undang Kesihatan Mental, di mana sekiranya kita tidak mencegah.

Akan membawa kepada kenapa membunuh diri? Statistik menunjukkan kemurungan dalam kalangan masyarakat Malaysia berumur 16 tahun ke atas adalah dua pertiga iaitu menghampiri 500 ribu orang. Sebahagian pesakit mental ini menghadapi masalah psikologi atau masalah psikiatri. Kita sering mendengar laporan daripada para kaunselor dan para psikiatri yang menyatakan bahawa mereka ini sebenarnya bukanlah hendak membunuh diri tetapi kerana mereka berada dalam suasana yang menyebabkan mereka berada dalam situasi keadaan semasa.

Pada hakikatnya, semua kita Ahli Yang Berhormat di sini bersetuju dengan semua RUU yang dibawa di dalam Dewan pada hari ini. Semua telah menyentuh isu yang sama iaitu masalah kesihatan mental. Saya di sini cuma ingin membangkitkan beberapa perkara sahaja agar diteliti oleh pihak kementerian sebelum kita meluluskan RUU ini di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memulakan dengan menyatakan bahawa langkah pencegahan merupakan langkah terbaik. Kita cegah sebelum terlambat. Di sini saya ingin membangkitkan isu pendidikan kesihatan mental ke dalam kurikulum sekolah. Langkah ini kita dapat menggalakkan budaya celik kesihatan mental dalam kalangan pelajar sejak mereka kecil lagi. Langkah mendidik orang ramai melalui kempen kesedaran, bengkel dan juga program latihan untuk pelbagai sektor seperti majikan, penguat kuasa undang-undang dan juga profesional penjagaan kesihatan adalah amat penting.

Soalan saya, adakah langkah terkini kementerian dalam mempromosikan kesihatan mental yang baik, sama ada di peringkat sekolah atau awam? Seterusnya, adakah kementerian mempunyai langkah jangka masa pendek dan panjang bagi melabur dalam inisiatif penyelidikan untuk meningkatkan pemahaman tentang isu-isu kesihatan mental, termasuk usaha-usaha untuk mengumpul data yang tepat dan terkini berhubung kelaziman penyakit mental. Ini penting bagi melaksanakan hasil rawatan dan juga kesan stigma boleh membawa maklumat tentang dasar dan juga amalan berasaskan bukti yang boleh membawa kepada penyelarasan dasar yang lebih baik.

■1220

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meneruskan perbahasan saya dengan menyatakan bahawa saya amat terperanjat dan sedih apabila melihat statistik bunuh diri di seluruh negara dari tahun 2020 hingga tahun 2022, sejumlah 1,897 kes yang dilaporkan. Daripada statistik tersebut, saya sedih apabila mendapat tahu kes bunuh diri yang berlaku di negeri Pulau Pinang amat tinggi iaitu sebanyak 192 kes yang dilaporkan di Pulau Pinang.

Angka-angka tersebut merupakan hasil dapatan daripada Polis Diraja Malaysia dan statistik ini adalah semasa kita berada di bawah Perintah Kawalan Pergerakan. Maka soalan saya, saya ingin tahu statistik terkini bagi tahun 2023 selepas negara keluar dari PKP dan selepas rakyat kita cuba bangkit dalam tempoh kegawatan ekonomi masa kini.

Seterusnya, saya ingin menyentuh mengenai fasal 2 bertujuan untuk menggantikan seksyen 11 [Akta 615] untuk memberi mana-mana pegawai intervensi krisis kuasa untuk menangkap mana-mana orang yang mempunyai sebab untuk percaya bercelaru mental dan kecelaruan mental. Sekiranya kita lihat video-video tular di media sosial mengenai bunuh diri, ramai mangsa cuba membunuh diri dengan berdiri di bucu bangunan tinggi atau di Pulau Pinang dengan terjun dari jambatan Pulau Pinang.

Sekiranya kita membuat panggilan kepada pihak berwajib mungkin sudah terlewat. Soalan saya sekiranya orang awam yang sedia ada berada di situ dan orang awam tersebut ingin menolong mangsa bunuh diri, adakah dia tergolong dalam golongan intervensi seperti yang terdapat dalam RUU ini?

Sekiranya orang awam tersebut berjaya menyelamatkan si pemangsa, adakah beliau juga terangkum dalam apa yang diperkatakan dalam pindaan seksyen 309 Kanun Keseksaan iaitu pegawai intervensi krisis ini hendaklah membawa orang yang ditangkap itu ke hospital psikiatri kerajaan atau hospital psikiatri swasta yang diwartakan tidak lewat dari 24 jam selepas penangkapan itu untuk pemeriksaan ataupun sebaliknya saya mohon jawapan kementerian mengenai perkara tersebut.

Saya juga ingin bertanya, sekiranya pegawai penguat kuasa tiba di lokasi, mereka pasti akan melakukan *engagement* dengan izin dengan si pemangsa. Selepas sesi memujuk, sekiranya masih tidak dapat menenteramkan si pemangsa, maka langkah keras harus diambil. Niat pegawai tersebut adalah untuk menyelamatkan si pemangsa tetapi saya risau kerana terdapat juga kes di luar negara di mana si pesalah bertindak menyaman balik kepada badan penyelamat.

Alasan yang digunakan iaitu kesalahan gangguan seksual. Soalan saya, adakah pegawai intervensi ini dilindungi oleh undang-undang? Niat mereka untuk menyelamatkan tetapi disalah tafsir dan disalahgunakan oleh orang lain. Maka, adakah rang undang-undang ini memberi perlindungan kepada pegawai intervensi?

Akhir sekali, adakah negara mempunyai pegawai perubatan dan doktor psikiatri yang mencukupi untuk menangani kes masalah kesihatan mental atau cubaan bunuh diri? Adakah mungkin akan berlaku situasi di mana terlalu ramai pesakit akan dibawa ke hospital dalam satu masa? Maka soalan saya, adakah langkah kementerian bagi mengatasi masalah kekurangan petugas atau doktor untuk memberi rawatan psikiatri ini diambil kira? Saya dengan ini menyokong Rang Undang-undang Kesihatan Mental (Pindaan) 2023. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator.

Sebagai mana yang saya telah sebutkan tadi, bahawa sekarang ingin saya menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) untuk menjawab.

12.24 tgh.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) [Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan saya mengucapkan terima kasih kepada semua pembahas yang telah pun mengambil bahagian dalam perbahasan terhadap rang undang-undang yang cukup penting ini.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini adalah bertujuan untuk memberi kuasa kepada beberapa pihak yang kita panggil pegawai intervensi untuk melakukan penyelamatan ataupun *apprehension* dengan izin, terhadap mangsa-mangsa yang cuba membunuh diri.

Beberapa soalan telah pun ditimbulkan oleh beberapa Yang Berhormat Senator berkenaan dengan status seorang yang bersubahat ataupun mungkin bersubahat terhadap perlakuan orang yang cuba membunuh diri seperti seorang guru yang narsisistik, majikan yang narsisistik, mungkin ibu bapa dan sebagainya sama ada mereka akan menjadi *culpable* atau pun, dengan izin, *liable* terhadap seseorang yang cuba membunuh diri.

Perlu kita tekankan di sini Tuan Yang di-Pertua bahawa tujuan rang undang-undang ini adalah untuk memfokuskan kepada *the decriminalization*, dengan izin, *of attempted suicide*. Kita memfokuskan kepada mangsa di sini, iaitu kita tidak mahu kejadian ini menjadi satu jenayah di masa depan lagi oleh kerana sebab-sebab tertentu iaitu bahawa kita percaya akibat kajian yang mendalam dan sebagainya bahawa apa yang perlu dibuat di dalam kes-kes seperti ini adalah untuk merawat dan bukannya untuk kita menjenayahkan satu perbuatan cubaan membunuh diri.

Walau bagaimanapun, memang seperti yang saya telah pun kata semalam semasa menjawab kepada dua rang undang-undang sebelum ini, bahawa proses penyiasatan itu merupakan proses yang amat penting. Ia akan melibatkan tidak dapat dinafikan PDRM juga MCMC, kementerian tersebut dan beberapa pihak yang lain, yang akan menyiasat sama ada sesiapa yang dikatakan bersubahat itu, sama ada tindakan-tindakan mereka telah pun melampaui batas.

Ini seperti yang saya katakan semalam merupakan satu, dengan izin, *question of fact* satu persoalan fakta yang hanya boleh ditentukan pada masa siasatan itu dibuat tetapi kita kena fokus dan saya kena tekankan sekali lagi di sini bahawa tujuan RUU ini adalah

untuk memfokuskan kepada mangsa. *We cannot allow* dengan izin, *further prosecution of attempted suicide in the future*.

Saya dengan izin Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada beberapa isu. Pertamanya yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah supaya pegawai intervensi krisis dilantik dalam kalangan NGO dan masyarakat umum.

Untuk makluman umum, buat masa ini institusi yang berpotensi seperti PDRM, bomba, pertahanan, kebajikan untuk menguruskan insiden-insiden seperti ini diberi kuasa. Hanya mereka diberi kuasa oleh sebab mereka mempunyai kepakaran, mempunyai latihan, mempunyai juga *experience* dalam kerja-kerja keselamatan seperti PDRM, bomba dan sebagainya.

Selain itu, kuasa yang diberi juga termasuk secara seperti yang dinyatakan dalam pindaan ini untuk memberi mereka ruang ataupun kuasa untuk memecah masuk secara paksa ke premis yang mana percubaan membunuh diri itu dilakukan. Ini merupakan satu keperluan. *It is a necessity* untuk memberi mereka kuasa untuk memasuki satu premis. Oleh sebab kita kena ingat bahawa apabila seorang itu cuba membunuh diri, masa itu merupakan satu masa kecemasan. *It is an emergency*.

Kita perlu lihat daripada segi itu. Di dalam satu keadaan kecemasan seperti itu, sudah tentu perlunya kita memberi kuasa untuk mereka masuk, kalau kena pecah masuk, kena pecah masuk *because* mereka tidak mempunyai masa, *they don't have the time* untuk mendapat bantuan daripada pihak lain dan sebagainya. Mereka perlu bertindak dengan segera pada masa itu.

Jadi, itulah rasionalnya untuk memberi kuasa kepada pihak-pihak ini untuk memecah masuk. Saya ingin menekankan di sini bahawa pemberian kuasa menyelamatkan juga diberi kepada institusi mengambil kira potensi mereka sebagai pegawai krisis.

■1230

Di Singapura, hanya polis dan pertahanan sahaja diberi kuasa tersebut. Di Amerika Syarikat, kuasa tersebut hanya diberi kepada pegawai polis. Di sini, seperti yang kita sedia maklum, kuasa tersebut telah pun diberi kepada lebih pihak seperti bomba, kebajikan dan sebagainya seperti dalam rang undang-undang ini untuk melaksanakan tugas tersebut. Jadi, kita adalah lebih liberal dalam pemberian kuasa tersebut berbanding dengan negara-negara lain seperti Singapura dan Amerika Syarikat.

Saya merujuk kepada persoalan Yang Berhormat Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff berkenaan maksud “...(b) *mana-mana orang yang cuba bunuh diri*” bagi cadangan pindaan di bawah seksyen 11(1), Akta 615 merangkumi orang yang cuba mencederakan diri tanpa niat membunuh diri.

Yang Berhormat, bagi persoalan bagaimana pegawai intervensi krisis dapat mengendalikan kes-kes cubaan bunuh diri di samping melindungi diri mereka, mereka

mempunyai pengalaman mengendalikan kes-kes sebegini daripada aspek penguatkuasaan iaitu diberi kuasa tersebut seperti pegawai kebajikan masyarakat. Mereka mempunyai pengalaman seperti yang saya katakan tadi.

Sebagai contoh, pegawai kebajikan masyarakat terlibat dalam melaksanakan tangkapan terhadap gelandangan di bawah Akta Orang Papa 1997 iaitu mereka berhadapan dengan individu-individu yang mempunyai kecenderungan ataupun *tendency* dengan izin untuk cuba mengugut membunuh diri dalam proses tangkapan tersebut.

Konteks memujuk ini adalah lebih bersinonim dengan pelaksanaan tugas mereka. Jadi, kita kena lihat kepada setiap kes berdasarkan konteks dan fakta-fakta setiap kes tersebut. Saya ingin menjawab kepada beberapa Ahli Yang Berhormat yang telah pun bertanya soalan berkenaan dengan latihan yang akan diberi kepada pegawai-pegawai krisis tersebut tentang apakah latihan, pengalaman mereka dan sebagainya?

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, bagi tujuan latihan dan kursus kepada pegawai intervensi krisis, KKM telah membangunkan Modul Latihan Pencegahan Bunuh Diri kepada petugas barisan hadapan dan latihan di peringkat kebangsaan yang telah dilaksanakan secara berkala. Ia melibatkan anggota-anggota kesihatan, polis dan bomba. Latihan *negotiation skill* dengan izin juga adalah amat penting oleh sebab seperti yang ditimbulkan oleh seorang Ahli Yang Berhormat tadi iaitu sudah tentunya akan berlakunya *engagement* apabila seseorang itu diselamatkan.

Itu merupakan langkah pertama. Jadi, *negotiation skill* itu adalah amat penting. Daripada segi ini, latihan *negotiation skill* kepada polis dan bomba juga telah dilaksanakan pada bulan Jun 2023 yang melibatkan seramai 40 orang anggota bertugas barisan hadapan. Sudah tentu saya menerima bahawa latihan berterusan perlu dilakukan. Saya ingin menyatakan bahawa latihan-latihan berterusan secara berkala ini akan diberikan kepada pegawai intervensi krisis bagi meningkatkan kemahiran mengendalikan kes cubaan bunuh diri pada masa depan.

Seterusnya, bagi soalan berkenaan adakah kaunselor sekolah boleh ambil tindakan jika berlaku kes kecederaan diri untuk bunuh diri. Soalan ini bukan sahaja ditimbulkan untuk kaunselor, *I think* beberapa Yang Berhormat yang lain telah pun menimbulkan contoh seperti sekiranya ada orang awam di tempat kejadian, sama ada mereka boleh menyelamatkan ataupun adakah hanya pegawai intervensi krisis yang boleh melakukan *exercise* keselamatan tersebut.

Untuk menjawab persoalan ini, kita perlu lihat kepada seksyen 11 tersebut iaitu seksyen 11(1). Saya membaca Tuan Yang di-Pertua,

“Penangkapan orang yang bercelaru mental dan sebagainya-

(1) Mana-mana pegawai intervensi krisis boleh menangkap-

(a) mana-mana orang...”

Di sini, *operative words*nya ialah, 'boleh' iaitu '*may*', bukannya 'hendak' iaitu '*shall*'. Pegawai intervensi krisis telah pun ditakrifkan di subseksyen (5) sebagai Polis dan sebagainya. Akan tetapi, maksudnya pihak-pihak ini diberi kuasa dan seksyen ini yang menyatakan bahawa mereka boleh menyelamatkan- bukan bermaksud orang lain tidak boleh menyelamatkan. Ini dalam erti kata lain, sekiranya terdapat satu kejadian contohnya seorang itu ingin terjun dari Jambatan Pulau Pinang. Ini telah pun berlaku. Saya kenal orang itu, kawan saya sendiri telah pun terjun tahun lepas dan meninggal dunia, mengambil nyawa sendiri.

Akan tetapi dalam keadaan tersebut, sekiranya seorang itu cuba terjun dan orang awam sahaja berada di sana pada masa itu, tiada pegawai intervensi krisis mungkin pada pukul empat pagi, lima pagi dan orang awam melalui kawasan tersebut, sudah tentu mereka boleh menyelamatkan. Tiada apa-apa halangan dalam rang undang-undang ini untuk menghalang orang awam, cikgu dan orang-orang yang berkepentingan yang lain untuk menyelamatkan.

Rang undang-undang ini hanya menyatakan bahawa pegawai-pegawai ini boleh, bukan bermakna orang lain tidak boleh. Saya berharap ini dapat ditekankan. Oleh sebab *of cause*, dalam keadaan selalunya seorang *in fact* dalam keadaan kecemasan apabila seseorang itu akan berniat untuk membunuh diri, kebanyakan masa ini akan berlaku tanpa adanya pegawai intervensi krisis di sana pada masa itu.

Jadi, saya berharap bahawa *in fact*, saya menggalakkan orang awam untuk bertindak. Sekiranya mereka tidak bertindak pada masa itu, pada masa yang genting dan cemas itu, mungkin apabila pegawai intervensi krisis sampai mungkin terlambat. *It might be too late*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Abun Sui Anyit: Minta mencelah Tuan Yang di-Pertua. Okey, kalau lima kategori yang dilindungi oleh undang-undang, saya sangat setuju dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang mengatakan orang awam memang boleh *apprehend* orang yang ingin membunuh diri.

Adakah nanti sekiranya yang dipersoalkan oleh rakan Yang Berhormat Senator di sini juga adalah, adakah orang ini akan dilindungi oleh undang-undang? Mana tahu, kalau tersalah sangka menahan atau menangkap itu, kalau dia betul tidak ada masalah tetapi kalau salah nanti, dikatakan memalukan dia kerana kononnya saya ini dikatakan hendak bunuh diri. Jadi, itu boleh menyebabkan orang itu di saman. Mohon penjelasan.

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh: Terima kasih. Itu satu soalan yang bagus. Ini memang satu *concern* yang saya ingat ramai ahli Yang Berhormat telah timbulkan. Daripada segi ini, saya ingin menyentuh kepada seksyen 9, Akta 615 ini. Saya akan baca, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, ini dalam bahasa asal iaitu dalam bahasa Inggeris. Hanya perkara-perkara yang penting saya perlu baca.

“Section 9 - Indemnity and protection against sued and legal proceedings.

No action shall lie, or prosecution shall be brought, instituted or maintained against any person in any court for anything done or emitted to be done under this act – (a) in good faith...”

Terdapat beberapa syaratlah. Satu daripadanya adalah sekiranya tindakan itu dibuat *in good faith*, “(b) *in the reasonable belief that it was necessary for the purpose intended to be served thereby...*” Maksudnya, sekiranya fakta-fakta menunjukkan bahawa pada masa itu adalah perlu untuk membuat ataupun bertindak sedemikian, maksud, tiada apa-apa tindakan boleh diambil terhadap orang tersebut.

Jadi, sekiranya seorang itu- fakta-fakta satu kes menunjukkan bahawa seorang itu dalam *good faith*, telah bertindak untuk menyelamatkan seorang daripada terjun dari *Penang Bridge*, sudah tentu sekiranya, *even* ia sampai ke mahkamah, dalam pandangan saya sudah tentu fakta-fakta ini akan menunjukkan bahawa dia tidak melakukan apa-apa kesalahan.

■1240

Jadi, kita perlu melihat kepada setiap konteks dan setiap fakta kes untuk menentukan. Akan tetapi sekiranya senario yang berlaku sebaliknya, sekiranya seseorang itu di media sosial cuba memujuk seorang *go and kill yourself and so on*, sudah tentunya itu merupakan satu kes ekstrem yang kita boleh menyimpulkan bahawa orang itu telah pun menggalakkan seseorang itu membunuh diri.

Itu sememangnya satu kesalahan dalam pindaan-pindaan ini, daripada segi persubahatan. Akan tetapi daripada segi penyelamatan, sekiranya ia dibuat *in good faith*, sekiranya ia dibuat *with*, dengan izin, *the reasonable believe that it was necessary for the purpose intended* iaitu untuk menyelamatkan, maka tiada tindakan undang-undang dalam pandangan saya dapat diteruskan terhadap penyelamat tersebut. Jadi, ini merupakan satu *safeguard*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, untuk melindungi mereka yang cuba menyelamatkan seseorang yang cuba membunuh diri.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Boleh sikit mencelah Yang Berhormat Menteri?

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh: Ya.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Saya dengar ungkapan itu- “*pada pandangan saya*”. Saya rasa kalau dilihat dari sudut undang-undang yang sebenarnya, sebab tadi Yang Berhormat Menteri ada menyebut, “*pada pandangan saya*” itu, dari sudut tadi. Terima kasih.

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh: Ya, itu perlu saya katakan oleh sebab seperti yang saya tekankan daripada permulaannya, ini semuanya akan merupakan *questions of fact*. Ini merupakan persoalan-persoalan fakta. Sekiranya ia sampai ke mahkamah, mahkamah perlu membuat keputusan berdasarkan fakta-fakta kes yang dibuktikan. Jadi sekiranya fakta-fakta ini menunjukkan bahawa ini merupakan satu kes *bona fide* yang terjatuh dalam golongan yang telah pun saya sebut di bawah seksyen 79 tadi, sudah tentunya ia tidak akan menjadi satu kesalahan. Itu sebab saya kata “*dalam pandangan saya*”. So, kita kena lihat kepada konteks setiap kes, kepada fakta-fakta setiap kes.

Tuan Yang di-Pertua, saya terus kepada seksyen 9 yang saya sebut tadi. Sekiranya saya sebut yang lain, saya minta maaf. Akan tetapi, seksyen yang saya rujuk ke tadi *is* seksyen 79. Saya akan kembali kepada isu itu nanti.

Akan tetapi saya ingin terus kepada persoalan Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof berhubung apakah kerajaan bersedia untuk menyediakan insurans bagi penyakit mental seperti yang dilaksanakan di negara Singapura. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, buat masa kini hanya syarikat insurans AIA sahaja yang ada menyediakan insurans bagi, dengan izin, *severe mental disorder* yang tertentu. Cadangan untuk menyediakan insurans bagi penyakit mental ini adalah sangat dialu-alukan untuk dilaksanakan, namun memerlukan komitmen penuh daripada kementerian-kementerian dan agensi yang terlibat.

Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai telah mencadangkan agar ditubuhkan satu Jawatankuasa yang merentasi kementerian-kementerian bagi mengkaji dan memantau isu-isu berkaitan kesihatan mental. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, Majlis Penasihat Promosi Kesihatan Mental telah ditubuhkan pada tahun 2011 dan keahliannya merupakan pakar-pakar dalam kesihatan awam kementerian-kementerian termasuk badan bukan kerajaan (NGO) yang bergiat dalam bidang yang berkait rapat dengan promosi kesihatan mental masyarakat.

Majlis ini juga berfungsi sebagai satu- platform tadbir urus untuk membantu pelaksanaan aktiviti dan program yang melibatkan promosi dan advokasi kesihatan mental termasuklah melaksanakan polisi berdasarkan *evidence-based* ataupun pembuktian menerusi penyelidikan saintifik.

Yang Berhormat Tuan Seruandi bin Saad telah pun bertanyakan mengenai mengapakah RELA tidak dimasukkan sebagai pegawai intervensi krisis. Buat masa ini, institusi yang berpotensi seperti PDRM, bomba, pertahanan dan sebagainya untuk menguruskan insiden sebegini sahaja diberi kuasa kerana proses menyelamatkan mangsa memerlukan latihan dan kepakaran yang mencukupi. Selain itu, kuasa yang diberi juga termasuk secara paksa ke premis yang mana percubaan membunuh diri cuba dilakukan.

Maka, pemberian kuasa menyelamatkan juga diberi kepada institusi mengambil kira potensi untuk bertindak sebagai pegawai krisis. Di Singapura, hanya polis dan pertahanan sahaja diberi kuasa sedemikian dan di Amerika Syarikat, hanya diberi kuasa kepada pegawai polis seperti yang saya katakan tadi.

Saya meneruskan kepada persoalan oleh Yang Berhormat Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli yang mencadangkan untuk dimasukkan pegawai KKM sebagai pegawai intervensi krisis. Itu satu cadangan yang telah pun ditimbulkan oleh Yang Berhormat. Untuk makluman Yang Berhormat, tafsiran pegawai kebajikan di bawah Akta 615 turut merangkumi pegawai kebajikan dari Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan juga pegawai kebajikan dari Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Maka, penglibatan wakil dari Kementerian Kesihatan Malaysia masih wujud di bawah peruntukan ini.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Sedikit penjelasan dipohon. Apabila kita sebut pegawai kebajikan dari KKM, dia ini suatu jawatan yang khusus. Kalau di hospital, pegawai kebajikan ini dahulu kita panggil *lady almoner* contohnya, pegawai yang mengambil berat masalah keupayaan membayar, kemudian untuk menentukan jagaan selepas discaj. Jadi, bukanlah pegawai yang saya maksudkan antaranya Pegawai Pembantu Perubatan- *Medical Assistant* atau *Dresser* dahulunya. Mereka ini *skillful*, cuma memerlukan suatu kedudukan membolehkan mereka menjadi Pegawai Intervensi Krisis. Jadi kalau pegawai kebajikan di hospital itu, memang ada, tetapi bukan itu peranannya. *They are not trained to do that*. Terima kasih.

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh: Terima kasih Yang Berhormat. Kita rujuk kepada subseksyen (5) sekali lagi iaitu golongan mereka yang diberi kuasa dan itu termasuk pegawai kebajikan masyarakat. Apa yang dimaksudkan di sini Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) oleh sebab mereka mempunyai latihan dan pengalaman yang tertentu. Berkenaan dengan *Medical Officers* dan sebagainya di hospital, *I think* itu yang ditanya tadi.

Peranan mereka agak berbeza daripada peranan kebajikan. Mereka akan mempunyai *Doctor-patient relationship* dengan mangsa ataupun *patient*. Dalam keadaan tersebut, hubungan tersebut adalah unik dan sekiranya mereka juga diperlukan untuk membuat kerja keselamatan, ini mungkin menjejaskan hubungan ataupun *relationship* tersebut.

Tuan Yang di-Pertua: Panjang lagikah Yang Berhormat?

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh: Saya akan habiskan. Boleh beri saya satu minit? Saya akan cuba dalam seminit. Saya ingat saya ingin mengakhiri dengan satu isu iaitu berkenaan dengan orang awam kerana ini telah pun ditanya oleh beberapa Ahli Yang Berhormat. Sekiranya kita lihat kepada pindaan RUU ini, kita lihat kepada subseksyen (4) iaitu Pegawai Intervensi Krisis yang telah menangkap orang di bawah

subseksyen (1) hendaklah dengan seberapa segera yang praktik membawa ataupun tidak lewat daripada 24 jam membawa penangkapan itu kepada satu buah hospital psikiatri kerajaan atau pengamal perubatan berdaftar di hospital psikiatri swasta yang dinyatakan di sana.

■1250

Saya perlu tekankan di sini, apabila saya menjawab tadi berkenaan dengan peranan orang awam. Itu bermaksud adalah pada masa membuat keselamatan- *at the time of the incident*, dengan izin. Mereka tiada halangan di bawah akta ini untuk menghalang mereka daripada menyelamatkan seseorang yang cuba membunuh diri. Akan tetapi setelah membuat penyelamatan tersebut, mereka perlu membawa kepada mana-mana pegawai yang dinyatakan di bawah subseksyen 5 bagi tujuan susulan iaitu untuk dibawa ke hospital dan sebagainya.

Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya rasa semua persoalan yang penting telah pun dijawab. Saya mengucapkan sekali lagi terima kasih kepada semua yang mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri dan terima kasih kepada 20 orang Ahli Yang Berhormat Senator yang telah membahaskan rang undang-undang ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa]***

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

[Fasal-fasal 1 dan 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah (Datuk Hajjah Rubiah binti Haji Wang) dan diluluskan]

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA
(PINDAAN) 2023****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga****12.54 tgh.**

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Puan Saraswathy a/p Kandasami]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Pindaan) 2023 dibacakan kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli yang dihormati, untuk makluman Dewan yang mulia ini, Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007 [Akta 665] telah digubal dan diluluskan oleh Parlimen bagi membolehkan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) ditubuhkan dengan matlamat untuk mewujudkan pengurusan koperasi yang lebih efisien dan efektif, seterusnya dapat merangsang pembangunan sektor koperasi yang lebih terancang. Daripada segi tadbir urus, Akta 665 telah memperuntukkan struktur pengawasan oleh Lembaga Pengarah SKM dalam menentukan dasar dan hala tuju serta pentadbiran dan pengurusan hal ehwal SKM.

Akta ini juga menggariskan tugas dan tanggungjawab Lembaga dalam memastikan SKM melaksanakan kuasa, fungsi dan tugas yang diperuntukkan oleh akta ini kepadanya. Selain dengan perkembangan semasa, fungsi SKM wajar terus diperkukuhkan berdasarkan akta tubuhnya agar badan ini dapat mengawal selia gerakan koperasi untuk terus berkembang dan berdaya maju. Dalam hal ini, struktur tadbir urus SKM sebagai badan yang membangunkan dan mengawal selia koperasi akan dimantapkan lagi melalui pembahagian kuasa Lembaga Pengarah SKM dan penyusunan semula perjawatan SKM.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli yang dihormati. Mantan Yang Berhormat Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi telah menghadap Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 9 Julai 2020 bagi menyembah maklum akan cadangan pengasingan tugas antara Pengerusi Eksekutif dan Ketua Pegawai Eksekutif SKM melalui pindaan Akta 665. Mantan Yang Berhormat Menteri itu tidak lain tidak bukan Tuan Yang di-Pertua sendiri, dan saya ucapkan terima kasih atas jasa Tuan Yang di-Pertua... [Tepuk]

Cadangan ini telah disusuli dengan surat Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi pada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong bertarikh 14 Julai 2020. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong melalui warkah Istana Negara pada 9 September 2020 telah mengambil maklum akan cadangan yang dikemukakan oleh kerajaan supaya pentadbiran SKM sedia ada melaksanakan pengasingan tugas antara Pengerusi Lembaga dan Ketua Pegawai Eksekutif.

Jemaah Menteri pada 19 November 2021 semasa menimbangkan memorandum daripada Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi mengenai cadangan pengasingan tugas Pengerusi Eksekutif Suruhanjaya Koperasi Malaysia melalui pindaan Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007 telah bersetuju dengan cadangan pembahagian tugas Pengerusi Eksekutif Suruhanjaya Koperasi Malaysia yang dilaksanakan melalui pindaan Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007 [Akta 665].

Dengan perwujudan pembahagian kuasa ini, maka pindaan yang sewajarnya perlu dibuat ke atas Akta 665 bagi mewujudkan jawatan Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif. Rang Undang-undang Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) (Pindaan) 2023 ini telah dibentangkan dan diluluskan oleh Dewan Rakyat pada 8 Jun 2023.

Secara umumnya, bagi tujuan pembahagian kuasa Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif, cadangan rang undang-undang pindaan Akta 665 akan melibatkan perkara-perkara seperti yang berikut:

- (i) pindaan am bagi menggantikan perkataan “Pengerusi Eksekutif” dan “Timbalan Pengerusi Eksekutif” dengan perkataan “Pengerusi” dan “Ketua Pegawai Eksekutif”;
- (ii) pindaan ke atas 13 seksyen;
- (iii) penambahan empat seksyen baharu; dan
- (iv) kecualian dan peralihan.

Di bawah struktur baharu ini, jawatan Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif akan dipegang dan dilaksanakan oleh dua orang individu yang berbeza. SKM akan diterajui oleh Pengerusi yang bertanggungjawab dalam menetapkan dasar dan hala tuju SKM.

Lembaga Pengarah SKM boleh mewakili mana-mana kuasa ataupun fungsinya di bawah Akta 665 dan Akta Koperasi 1993 [Akta 502] kepada Ketua Pegawai Eksekutif. Ketua Pegawai Eksekutif yang berstatus sebagai pekerja SKM pula bertanggungjawab bagi pentadbiran, pengurusan fungsi dan hal ehwal harian SKM keseluruhannya serta bertindak sebagai pelaksana ke atas dasar-dasar yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah, di samping menjadi sebahagian daripada anggota Lembaga Pengarah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya tahu teks Yang Berhormat itu masih panjang sebab pindaan ini panjang juga *consequential amendment*.

Puan Saraswathy a/p Kandasami: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi, *time* kita sudah pukul 1.

Puan Saraswathy a/p Kandasami: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Sebenarnya, dalam peraturan saya tidak boleh memanjangkan.

Puan Saraswathy a/p Kandasami: Saya perlukan masa dalam lima minit untuk menghabiskan ucapan.

Tuan Yang di-Pertua: Lima minit?

Puan Saraswathy a/p Kandasami: Lima minit, saya akan cuba. Saya akan segerakan.

Tuan Yang di-Pertua: Sebab *break* tengah hari itu sebenarnya Speaker pun tidak ada hak untuk menangguhkan ya tetapi kalau lima minit itu bolehlah kita *accomodate* tetapi lima minit Yang Berhormat kena habiskan.

Puan Saraswathy a/p Kandasami: Ya, lima minit. Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Di samping pembahagian kuasa antara Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif, komposisi Lembaga Pengarah SKM juga ditambah baik seperti berikut:

- (i) seorang Pengerusi yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Menteri;
- (ii) Ketua Setiausaha atau Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian yang dipertanggungjawab dengan tanggungjawab bagi pembangunan koperasi sebagaimana yang dinamakan oleh Menteri;
- (iii) Ketua Setiausaha Perbendaharaan atau seorang Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan atau mana-mana wakil Kementerian Kewangan;
- (iv) seorang Ketua Setiausaha atau seorang Timbalan Ketua Setiausaha suatu kementerian sebagaimana yang dilantik oleh Menteri;
- (v) Gabenor ataupun seorang Timbalan Gabenor ataupun Penolong Gabenor Bank Negara Malaysia sebagaimana yang dinamakan oleh Gabenor;
- (vi) seorang Ketua Pegawai Eksekutif yang dilantik oleh Menteri di bawah seksyen 11(a); dan
- (vii) enam orang yang dilantik oleh Menteri, sekurang-kurangnya dua daripadanya hendaklah orang yang berkedudukan dan berpengalaman dalam pergerakan koperasi.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan yang dihormati. Pindaan yang dicadangkan ini melibatkan beberapa fasal. Antaranya fasal 2 bertujuan untuk meminda seksyen 2, Akta 665 untuk memasukkan takrif baharu antaranya perkataan “Pengerusi”, “Ketua Pegawai Eksekutif”, dan “Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif” ke dalam Akta 665.

Fasal 4 bertujuan untuk meminda seksyen 11, Akta 665 yang memperkemas kini struktur Lembaga Pengarah SKM.

Fasal 5 bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 11(a), 11(b), 11(c) dan 11(d) ke dalam Akta 665 yang memperjelaskan komposisi kuasa dan tugas Ketua Pegawai Eksekutif dan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif.

Fasal 6 dan 7 bertujuan untuk meminda seksyen 13, dan 14, Akta 665 berbangkit daripada penyusunan semula Lembaga Pengarah Suruhanjaya.

Fasal 9 bertujuan untuk meminda subseksyen 19(1), (3) dan (7), Akta 665 untuk memperuntukkan bahawa sekiranya Pengerusi tidak boleh memanggil, mempengerusikan atau mengawal selia perjalanan Mesyuarat Lembaga Pengarah Suruhanjaya, Pengerusi boleh melantik mana-mana Pengarah Lembaga, Pengarah Suruhanjaya untuk bertindak bagi pihaknya.

Pindaan-pindaan lain tidak saya nyatakan secara khusus di sini kerana ia merupakan pindaan kecil bersifat editorial ataupun berbangkit, ataupun *consequential in nature*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan yang dihormati. Demikianlah rang undang-undang yang dikemukakan ini. Saya yakin pindaan rang undang-undang ini yang menumpukan kepada pembahagian kuasa di antara Pengerusi dan Ketua Pengerusi Eksekutif dapat memperkukuhkan lagi tadbir urus SKM dalam memperkasa dan menggalakkan pembangunan gerakan koperasi di negara ini untuk meningkatkan sosioekonomi rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

Timbalan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah [Datuk Hajjah Rubiah binti Haji Wang]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Perbahasan akan dimulakan pada jam 2.30 petang nanti Ahli-ahli Yang Berhormat sekali.

Jadi dengan itu Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ditangguhkan dan akan disambung semula pada jam 2.30 petang nanti.

[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.05 tengah hari]

■1430

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.32 petang]

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan ialah satu akta untuk meminda Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007 dibaca kali kedua sekarang terbuka untuk dibahaskan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, di hadapan saya ada 10 orang yang dalam senarai yang hendak berbahas. Maka saya membuat ketetapan bahawa masa yang dibagi saya hendak

tetapkan juga tujuh minitlah. Melainkan ada keperluan untuk menambah masa itu, saya akan fleksibel, *insya-Allah*.

Jadi, dengan itu saya sekarang menjemput Yang Berhormat Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim.

2.34 ptg.

Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak panggil ayahanda?... *[Ketawa]*

Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim: *[Ketawa]* Ayahanda Tan Sri, terima kasih. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam Malaysia Madani.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, ayahanda kerana memberikan keizinan kepada saya bagi membahaskan Rang Undang-undang Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Pindaan) 2023. Sebelum saya bermula benarkan saya kerana saya ingin merakamkan tahniah dan syabas kepada Tuan Yang di-Pertua serta Timbalan Yang di-Pertua juga atas anugerah lantikan pada hari Isnin lepas.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat mengalu-alukan pindaan dan penstrukturan perjawatan dalam Suruhanjaya Koperasi Malaysia. Dengan pindaan Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia ini ia dapat menjadikan gerakan koperasi sebagai satu gerakan rakyat dalam memacu industri dan juga ekonomi. Cuma, apa yang saya khuatir ialah dengan wujudnya jawatan ketua pegawai eksekutif dalam sesuatu suruhanjaya, adakah fungsi suruhanjaya akan terikat dengan kementerian. Seolah-olah fungsi perjawatan baharu ini seperti agensi-agensi atau jabatan kerajaan yang lain yang pernah kita dengar dengan izin, *toothless tiger at the mercy of the minister*. Ini kerana kita menganggap Suruhanjaya Koperasi ini peranannya sebagai badan bebas dalam menyelia dasar kerangka koperasi di Malaysia.

Banyak koperasi yang ada di seluruh Malaysia dibuka tetapi banyak yang koyak, yang bungkus sebab salah tadbir atau niat lembaga pengarah atau ketua jawatankuasa itu salah, tidak ikhlas. Saya berharap suruhanjaya ini dapat lebih tegas dengan penubuhan koperasi baharu dan pemantauan ketat koperasi yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, secara asasnya urus tadbir sebuah suruhanjaya seharusnya ditadbir dengan bebas selaras dengan kehendak nama suruhanjaya seperti mana peranan yang ada pada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Suruhanjaya Pilihan Raya, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia di mana lantikan ahli-ahli lembaga suruhanjaya pula mestilah diperkenankan oleh Tuanku Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, selain itu apa jaminan daripada kementerian dan kerajaan dalam memastikan struktur Suruhanjaya Koperasi ini dapat mengangkat kembali gerakan koperasi rakyat yang usianya mencecah 101 tahun kewujudannya supaya ia lebih efisien dan proaktif. Adakah pemerkasaan Suruhanjaya Koperasi melalui keberadaan ketua pegawai eksekutif dan pengerusi dapat memberi dimensi yang baharu dan mengurangkan birokrasi *red tape* atau hanya sekadar nama di atas kertas tetapi masih melakukan benda yang sama saban tahun?

Ini kerana Suruhanjaya Koperasi Malaysia harus melakukan anjakan paradigma dalam memberi nafas yang baharu kepada Gerakan Koperasi Rakyat. Koperasi harus dilihat sebagai kuasa ekonomi dan industri bukan hanya sekadar koperasi suam-suam kuku yang hanya menunggu dividen semasa Mesyuarat Agung Tahunan sahaja. Ia patut, ia perlu ada tafsiran yang lebih inklusif supaya Suruhanjaya Koperasi ini jadi satu wadah kepada rakyat dalam menangani permasalahan isu seperti orang tengah, monopoli dan kartel.

Saya berharap agar dengan pindaan baharu ini dapat memberikan satu pengharapan kepada kita supaya Suruhanjaya Koperasi ini diurus tadbir dengan betul dan ada perubahan dalam memastikan gerakan koperasi seluruh negara dapat diperkasakan dan menjadi kuasa ekonomi dalam suasana yang lebih mencabar kian kini.

Dengan ini, saya menyokong pindaan RUU ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Sekarang saya ingin menjemput Yang Berhormat Senator Dr. Hajah Wan Martina Wan Yusoff. Sila.

1.39 ptg.

Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■1440

Merujuk kepada seksyen baharu 11A(2) Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Pindaan) 2023, Ketua Pegawai Eksekutif dan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif hendaklah menumpukan sepenuh masa profesional mereka kepada suruhanjaya dan semasa memegang jawatan tersebut tidak boleh memegang apa-apa jawatan lain atau pekerjaan lain sama ada dengan saraan ataupun tidak. Oleh itu, pegawai-pegawai ini boleh memberi komitmen untuk menumpukan kepada pengurusan suruhanjaya, maka inilah masanya Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dapat mentadbir serta mengurus pembangunan koperasi dan melaksanakan apa sahaja dasar atau polisi SKM dengan lebih cekap dalam membantu rakyat dan koperasi demi memacu sosioekonomi negara.

Dalam situasi negara yang sedang menghadapi masalah kos sara hidup yang tinggi, apa peranan koperasi dalam memberi tawaran harga barangan keperluan asas kepada pengguna khususnya kepada miskin tegar dan golongan B40.

Tuan Yang di-Pertua, kita pernah ada Kedai Rakyat 1Malaysia yang menjadi lokasi pilihan kepada rakyat untuk mendapatkan barangan pada harga yang lebih murah. Koperasi boleh memainkan peranan penting dalam memperkenalkan rangkaian kedai serbaneka ataupun kedai runcit dengan jaringan yang meluas. Kita melihat contoh rangkaian kedai Aceh yang menawarkan harga yang kompetitif. Justeru itu, saya berpandangan kementerian perlu memberikan galakan, bimbingan dan geran khas supaya koperasi dapat membuka rangkaian kedai runcit yang membekalkan barangan pada harga yang lebih rendah.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mohon penjelasan apakah pelan khusus kementerian menerusi program pembangunan sektor pemborongan dan peruncitan koperasi sebagai salah satu langkah untuk mengurangkan harga barangan runcit serta mengelakkan pembabitan orang tengah antara pembekal, pengeluar dan pengguna. Sejauh mana pelaksanaan jualan lima barangan keperluan asas dengan jenama Coop, merangkumi gula, minyak masak, tepung, beras dan ayam beku yang akan dijual pada harga lebih murah berbanding harga pasaran.

Bagaimanakah pihak kementerian bercadang untuk merencanakan pertumbuhan dan kemajuan gerakan koperasi supaya terus berdaya maju ke arah meningkatkan aktiviti keusahawanan sejajar dengan Dasar Koperasi Negara 2030 iaitu memperluaskan jaringan dan mengembangkan kedai koperasi Coop Mart di seluruh negara terutama di kawasan luar bandar untuk membantu komuniti kurang berkemampuan dan golongan B40.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan juga boleh membantu dalam memberikan peruntukan dan insentif khas untuk memperkenalkan kedai serbaneka atau kedai runcit diuruskan koperasi secara bersepadu. Rakyat memerlukan kemudahan aksesibiliti kedai serbaneka atau kedai runcit yang berdekatan dan yang menawarkan kepelbagaian barangan keperluan. Tawaran harga lebih murah merupakan bonus kepada rakyat. Ia juga boleh menjadi salah satu penyelesaian kepada persoalan bagaimana ekosistem dan rantai bekalan kedai serbaneka atau kedai runcit dalam negara dapat dikuasai oleh rakyat tempatan yang sekali gus dapat memberikan impak yang lebih besar kepada penajaan pendapatan negara. Paling utama dapat membantu rakyat khususnya golongan B40.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin bertanya, apa hala tuju kerajaan berhubung pelaksanaan Dasar Koperasi Negara (DKN) 2030 sebagai kesinambungan Dasar Koperasi Negara 2011 – 2020, Pelan Strategik Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2021 – 2025 termasuk penglibatan koperasi berskala kecil, sederhana dan besar merentas pelbagai

sektor ekonomi dan membangunkan modal insan yang cakna dalam bidang keusahawanan. Adakah kerajaan berhasrat untuk meningkatkan keterlibatan orang ramai ke arah membangunkan produk koperasi tempatan yang lebih berdaya saing dalam program pembangunan produk koperasi di pro-Coop yang sekali gus mampu bersaing dan menembusi pasaran antarabangsa.

Soalan terakhir saya, apakah dengan pelaksanaan akta ini dapat meningkatkan sumbangan gerakan koperasi kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan boleh memberi sumbangan perolehan koperasi mencapai RM60 bilion menjelang tahun 2030?. Dengan itu, saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator.

Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Senator Tuan Abun Sui Anyit.

Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris: *Bismillahi Rahmani Rahim.*

Seorang Ahli: Yang Berhormat Senator Abun dahulu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Abun, Abun. Yang Berhormat Senator Abun... *[Ketawa]*

Seorang Ahli: Sarawak dahulu. Sarawak dahulu.

2.46 ptg.

Tuan Abun Sui Anyit: *[Ketawa]* Sarawak ya. Okey. Satu orang sahaja nama Abun... *[Ketawa]* Ya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Selamat sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua: Ini Yang Berhormat ini dari pedalaman. Jadi pedalaman itu banyak koperasi yang *very progressive*.

Tuan Abun Sui Anyit: Ya, ya.

Tuan Yang di-Pertua: Akan tetapi mungkin ada masalah-masalah penghantaran dan sebagainya.

Tuan Abun Sui Anyit: Ya. Ya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan salam sejahtera dan salam Malaysia Madani. Saya ingin mengucapkan terima kasih sekali lagi kerana memberi saya peluang untuk membincangkan tentang pindaan undang-undang yang ada di hadapan kita berkenaan koperasi pada petang hari ini.

Kita sudah mendengar beberapa ataupun fakta yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri pada pagi tadi dalam sesi soal jawab di mana lebih kurang 30 persen koperasi dalam negara ini dormant. Saya percaya perkara ini perlu diambil berat dengan masalah-masalah yang menyebabkan dormant ini, kenapa koperasi ini jadi dormant. Jadi justeru itu memang kita ingin bertanyalah kepada kementerian sebab-sebab koperasi ini dormant ataupun tidak aktif.

Koperasi ini seperti yang kita sedia maklum merupakan sesuatu lebih kurang berbentuk syarikat yang meliputi rakyat terbanyak sebenarnya. Kita boleh

melaksanakannya di peringkat kampung, di peringkat daerah malah ada yang berbentuk peringkat nasional. Jadi, oleh sebab koperasi ini dijalankan di peringkat kampung ataupun di rumah panjang, kita akan menghadapi masalah berkaitan pengurusan koperasi. Jadi adakah dengan keadaan ini yang menyebabkan koperasi-koperasi di negara kita ini terutamanya di pedalaman, mungkin juga di bandar yang dorman. Jadi dengan adanya pindaan pada hari ini, kita hanya melihat kepada pelantikan ataupun suruhanjaya yang di peringkat tinggi.

Saya berharap dengan adanya pindaan ini, bukan semata-mata memberi perjawatan kepada pihak tertentu yang termaktub di dalam pindaan yang ada di hadapan kita ini. Akan tetapi yang lebih penting adalah untuk membantu, untuk melatih dan untuk memastikan melakukan tanggungjawab kita untuk membantu mereka yang di pedalaman supaya mereka dapat bersaing. Ini kerana ada perkara yang pihak pemegang ataupun perjawatan di dalam koperasi di peringkat bawahan ini mungkin mereka menghadapi masalah daripada segi bagaimana hendak mengurus dengan baik dalam satu buah koperasi itu.

Apa yang paling kita risau juga adalah, ada koperasi ini niat dia baik untuk membantu rakyat. Ini sangat kita dorong kerana dengan memberi sedikit saham kepada koperasi-koperasi yang dibina, maka ia akan memberi faedah kepada ahli-ahli.

■1450

Akan tetapi, Tuan Yang di-Pertua ada masalah yang timbul di mana koperasi ini kadang-kadang ia gagal bersaing dengan syarikat tertentu. Jadi, ada pihak tertentu ataupun syarikat tertentu yang nampak kebaikan atau kemajuan di dalam koperasi ini, malah bersaing ataupun melakukan sesuatu yang menyebabkan koperasi ini juga dorman ataupun mati ataupun kalah dalam persaingan. Jadi, ini menyebabkan kerugian bagi ramai rakyat dan ahli di dalam koperasi itu.

Jadi, inilah yang saya berharap supaya kementerian betul-betul melatih mereka yang memegang jawatan di dalam koperasi ini supaya mereka tidak kalah dalam persaingan dengan syarikat-syarikat tertentu bahkan dengan individu tertentu. Ini yang berlaku juga dalam persaingan koperasi ini. Bukan kita hanya menumpukan kepada perjawatan ini tetapi dengan harapan supaya perjawatan ini membantu koperasi-koperasi di seluruh negara di peringkat bawahan, ini yang paling penting.

Sudah tentulah kita berharap, dengan perjawatan yang ada di dalam pindaan yang kita ada hari ini, semoga mereka akan melakukan tugas mereka dengan sebaiknya, supaya koperasi-koperasi yang sangat baik untuk rakyat ini dapat dipertahankan, dapat menghadapi globalisasi ataupun kesan-kesan apa pun yang berlaku dalam ekonomi kita, mereka mampu bersaing. Ini yang kita harapkan, bukan setakat memberi perjawatan

kepada pihak yang ada di dalam pindaan ini tetapi juga memastikan mereka memperkasakan koperasi-koperasi di peringkat bawahan.

Justeru itu, saya berharaplah dengan adanya perjawatan yang baharu bagi koperasi ini ataupun penstrukturan semula ini, kita mengharapkan supaya koperasi-koperasi di seluruh negara ini, supaya mereka dapat bersaing memastikan latihan kepada pemegang-pemegang ataupun perjawatan di dalam koperasi peringkat bawahan ini melakukan kerja mereka dengan baik. Saya berharaplah, dengan adanya perjawatan ini akan lebih lagi memberi kekuatan yang baharu kepada suruhanjaya yang kita harap untuk memperkasakan rakyat keseluruhannya.

Justeru itu, saya sangat menyokong pindaan ini, dengan itu saya mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada kerajaan kerana biarlah pindaan ini adalah bertujuan untuk memperkasakan koperasi supaya dormant koperasi yang 30 persen ini dapat dikurangkan pada masa hadapan. Sekian, saya menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Saya jemput Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris.

2.52 ptg.

Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, tahniah. Pertamanya, saya ucapkan terima kasih atas ruang dan peluang diberikan kepada saya untuk sama-sama membahaskan Rang Undang-undang Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Pindaan) 2023 untuk Bacaan Kali Kedua.

Pelantikan ataupun perubahan ahli lembaga pengarah ataupun penyusunan perjawatan dalam sesuatu organisasi merupakan sesuatu yang dinamik, yang sentiasa menerima perubahan, yang sentiasa bersifat anjal demi kepentingan matlamat ataupun hasrat tujuan koperasi ataupun organisasi itu ditubuhkan.

Berhubung dengan pindaan baharu yang diperkenalkan, suka saya sebut di sini tentang implikasi kewangan. Perincian unjuran kos perbelanjaan dan implikasi kewangan yang terlibat mengambil kira penyusunan semula perjawatan dalam suruhanjaya. Memandangkan rang undang-undang ini akan melibatkan kerajaan dan perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya kita tidak tahu banyak mana, tidak pernah disebutkan.

Begitu juga dengan pindaan subfasal 8(b) bertujuan untuk meminda subseksyen 15(2) Akta 665 untuk memberi Menteri kuasa untuk membatalkan pelantikan mana-mana pengarah bagi lembaga pengarah suruhanjaya tanpa memberi apa-apa sebab. Persoalan saya ialah apakah justifikasi pemberian kuasa kepada Menteri memandangkan buat masa ini Menteri boleh menamatkan, menggantung pelantikan mana-mana pengarah bagi

lembaga pengarah Suruhanjaya berdasarkan sebab yang dinyatakan dalam subseksyen tersebut.

Begitu juga dengan pindaan seksyen baharu seksyen 11C bertujuan memberikan Menteri kuasa untuk melantik secara sementara mana-mana Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif untuk bertindak sebagai Ketua Pegawai Eksekutif sekiranya:

- (i) jawatan Ketua Pegawai Eksekutif itu kosong;
- (ii) Ketua Pegawai Eksekutif tidak hadir bertugas atau tidak ada di dalam Malaysia, tidak ada dalam negara; atau
- (iii) Ketua Pegawai Eksekutif atas apa-apa sebab lain tidak melaksanakan tugas dan fungsinya.

Persoalan saya, apakah kriteria pemilihan untuk Menteri secara sementara mana-mana Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif untuk bertindak sebagai pegawai eksekutif interim?

Tuan Yang di-Pertua, gerakan koperasi sudah pasti menjadi pemangkin kepada penjana aktiviti ekonomi setempat dalam memacu pertumbuhan serta menambah nilai dalam ekonomi negara kita. Soalan saya, adakah kerajaan berhasrat menjadikan koperasi-Coop Mart contoh, sebagai salah satu inisiatif dalam membantu golongan kurang upaya, golongan yang kurang berkemampuan, terutamanya mereka yang tinggal di kawasan-kawasan luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, adakah mekanisme yang diambil oleh pihak kementerian bagi memastikan golongan belia terutamanya di kawasan-kawasan luar bandar untuk terlibat dan berminat untuk sama-sama terlibat dalam aktiviti-aktiviti berkoperasi. Hari ini, penghijrahan golongan belia lebih condong kepada industri berbanding membangunkan sumber yang sedia ada di desa-desa, di kampung-kampung, sehinggakan sumber ini terbiar tidak dimanfaatkan untuk pembangunan ekonomi negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, koperasi menjadi satu- platform untuk mempertajamkan serta membangunkan kebolehan ahli-ahlinya terutama dalam golongan muda dalam memperlihatkan bakat mereka memimpin koperasi serta menjalankan aktiviti ekonomi. Soalan saya, sejauh mana kerajaan komited dalam memberikan sokongan daripada segi skim pembiayaan, latihan, kepada golongan-golongan muda ini terutamanya kepada lepasan universiti, mahasiswa kita hari ini untuk menceburi dalam bidang perniagaan.

Kita yakin bahawa dengan hala tuju Dasar Koperasi Negara (DKN) 2030 dan Pelan Strategik Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2021 hingga 2025 ini dapat membantu golongan yang menjadikan perniagaan sebagai sumber utama pendapatan mereka sekali gus ia dapat melahirkan lebih ramai usahawan tempatan serta dapat membangunkan produk koperasi tempatan masing-masing. Mohon pandangan Yang Berhormat Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya persoalan saya, adakah usaha yang diambil oleh kerajaan untuk pihak kementerian terhadap jaringan kerjasama dengan pihak-pihak lain seperti dengan Bank Koperasi Islam seperti Bank Rakyat, bank-bank untuk memudahkan program pembangunan koperasi dan usahawan melalui penyediaan bantuan kewangan, khidmat nasihat sekali gus memacu pembangunan sektor koperasi. Sekian dahulu, saya mohon menyokong. Terima kasih.

■1500

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat.

Sekarang saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Senator Datin Hajah Ros Suryati binti Alang.

3.00 ptg.

Datin Hajah Ros Suryati binti Alang: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Saya merasa sesungguhnya rang undang-undang di hadapan kita ini adalah untuk bagi memperkukuhkan lagi tadbir urus Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dalam memperkasakan dan menggalakkan pembangunan gerakan koperasi di negara ini bagi meningkatkan ekonomi rakyat negara kita. Aktiviti ekonomi koperasi menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi komuniti di sesuatu tempat iaitu daripada menyediakan keperluan asas, meningkatkan peluang pekerjaan, menaja aktiviti komuniti dan meningkatkan kualiti hidup. Maka, ia mempunyai peranan besar dalam menyejahterakan dan memberi nilai tambah kepada sesebuah komuniti.

Peranan sektor koperasi dalam pembangunan ekonomi negara dilihat berpotensi besar sebagai pemacu kepada pembangunan sosioekonomi yang inklusif. Kerajaan perlu memandang semula peranan koperasi yang selama ini diwujudkan untuk memberikan peluang perniagaan kepada bumiputera dan bukan bumiputera yang selesa dengan kedudukan sekarang ini iaitu masih di takuk lama lagi. Mereka hanya memperoleh pulangan kecil berbanding syarikat besar dan kumpulan tertentu.

Gerakan koperasi di Malaysia perlu diberi pelbagai peluang oleh semua jentera kerajaan. Sebagai contoh apabila menyentuh mengenai kenaikan harga barang yang tidak menentu sekarang ini, maka gerakan koperasi amat bermakna. Sekurang-kurangnya kita boleh menghindarkan kenaikan harga barang serta tidak wujud kartel sebagai orang tengah yang mengaut banyak keuntungan.

Gerakan koperasi mampu berdaya saing dalam bidang pengeluaran dan pemasaran barang, khususnya semasa kita pernah berdepan tempoh pandemik COVID-19. Tidak salah untuk saya menyatakan bahawa operasi dan pentadbiran koperasi perlu ditambah baik atau dimodenkan melalui teknologi canggih serta sistem digital.

Tuan Yang di-Pertua, soalan pertama saya iaitu mengenai berapakah jumlah koperasi berdaftar setakat ini serta nyatakan koperasi yang aktif dan tidak aktif? Selain itu, banyak kah jumlah modal saham atau syer ataupun yuran yang terkumpul setakat ini dan jumlah perolehan dan juga sumbangan perolehan koperasi kepada pendapatan negara bagi tahun ini?

Seterusnya, adakah kementerian mengambil maklum kemungkinan berlakunya penyalahgunaan kuasa yang berunsurkan memihak kepentingan pihak tertentu ataupun dalam kata lain amalan kronisme dan pelantikan Ahli Lembaga Pengarah SKM sekiranya pelantikan dibuat oleh Menteri?

Sememangnya Menteri mempunyai kuasa melantik berdasarkan kriteria-kriteria yang ditetapkan seperti yang dinyatakan dalam RUU itu. Maka dengan itu, saya ingin tahu apakah kriteria-kriteria tersebut ini kerana dalam peruntukan ini sekurang-kurangnya dua orang Ahli Lembaga Pengarah hendaklah orang yang berkedudukan dan berpengalaman dalam gerakan koperasi bagi memastikan setiap pelantikan adalah berasaskan merit dan kriteria ditetapkan sekurang-kurangnya. Ini kerana, seksyen yang dicadangkan iaitu 11(3)(g) disebut perkataan, *"...hendaklah orang yang berkedudukan dan berpengalaman dalam pergerakan koperasi"*. Maka, saya mohon kementerian untuk menyatakan atas dasar pengalaman bagaimana serta kriteria yang ditetapkan.

Seterusnya, saya ingin bertanya mengenai implikasi kewangan apabila kita membicarakan rang undang-undang ini. Ini kerana, akan ada empat orang- jawatan di peringkat pengurusan tertinggi suruhanjaya. Ia pasti melibatkan gaji dan elaun yang lebih tinggi. Maka, saya ingin tanya, adakah kementerian akan mengadakan perbincangan lanjut pada masa hadapan antara kementerian, SKM dan JPA bagi membincangkan kaedah yang terbaik dan kesan implikasi kewangan yang sebenarnya.

Selain itu, bagaimana suruhanjaya mengawal selia perjawatan suruhanjaya di peringkat ibu pejabat dan negeri. Adakah berlaku pertembungan tugas dan adakah Timbalan Ketua Pengarah Eksekutif masing-masing akan bertanggungjawab ke atas pemantauan, kawal selia koperasi, pembangunan dasar komersial serta khidmat sokongan pengurusan?

Tuan Yang di-Pertua, koperasi bukan sahaja sebagai institusi yang mewakili gerakan koperasi seluruh negara. Ia menjadi suara dan penghubung koperasi kepada pihak kerajaan dan pihak yang berkepentingan. Melalui hubungan dan kerjasama erat semua pihak diharapkan gerakan koperasi terus melebarkan peranannya untuk mencukupi keperluan masyarakat dan bergerak maju bagi memberikan sumbangan signifikan kepada pembangunan sosioekonomi negara. Maka dengan itu, saya dengan ini menyokong Rang Undang-undang Suruhanjaya Koperasi (Pindaan) 2023. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat.

Sekarang saya jemput Yang Berhormat Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli.

3.06 ptg.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan syabas kerana air tangan Tan Sri-lah maka kita hari ini mempunyai satu rang undang-undang yang perlu diluluskan setelah dibuat *revision*, dengan izin, dan diperkenankan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Mudah-mudahan usaha ini akan dapat membantu hasrat sebenar kita di Malaysia ini iaitu supaya pergerakan koperasi menjadi penyumbang ketiga, *the third force*, dengan izin, kepada ekonomi negara- selepas kerajaan dan swasta ialah koperasi.

Cumanya realitinya hari ini koperasi punya *turnover*, Yang Berhormat Menteri lebih kurang RM45 bilion setahun, Tuan Yang di-Pertua. Berbanding dengan kita punya KDNK Negara RM1.3 trilion, maka jumlah yang dijana oleh koperasi ini hanya antara tiga hingga 3.5 peratus daripada KDNK. Macam manakah kita hendak meletakkan koperasi sebagai pihak ataupun kuasa ketiga ekonomi dalam negara?

Oleh sebab itu, pada suatu ketika kita telah mencadangkan supaya *turnover* ataupun perolehan daripada koperasi ini paling tidak dalam masa tiga empat tahun- dari tiga empat tahun yang lepas, mencapai RM60 bilion ketika itu KDNK kita masih rendah RM1.1 trilion. Jadi peratusan itu besar, nampaknya KDNK kita meningkat tetapi pencapaian koperasi kita tidak setanding dan tidak dapat *kept up*, dengan izin, dengan perkembangan KDNK kita.

Jadi harapan kita pindaan pada hari ini bukan sekadar pindaan yang teknikal, ubah daripada *Executive Chairman* kepada CEO dan *Chairman* kekal sebagai *Chairman*, Pengerusi, tetapi lebih daripada itu ada *substance* yang hendak kita bawa supaya koperasi kita menjadi lebih profesional ditadbir oleh seorang profesional. CEO-nya kalau boleh CEO ini Tuan Yang di-Pertua jangan letak orang politiklah melainkan sayalah, kot...

Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya: Hendak juga?

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Tidak adalah gurau sahaja... *[Ketawa]* Kalau boleh *non-political*. Biar dia seorang yang dikenal pasti sebagai pentadbir perniagaan kah, atau organisasi kah, yang memang layak untuk menjalankan tugas-tugas *Chief Executive Officer* (CEO), dengan izin.

Oleh sebab itu, perubahan ini penting supaya dia tumpu- kalau bolehlah seorang CEO ini memang mahir dalam selok-belok koperasi lagi baik. Tidak menjadi kesalahan dan rang undang-undang yang kita pinda pun membolehkan paling tidak dua orang daripada enam orang yang dilantik oleh Menteri itu orang yang terlibat ataupun orang yang pakar mahir dalam koperasi.

Ada yang berpandangan patutnya enam-enam orang itu Tuan Yang di-Pertua, semua dari koperasi. Saya risau juga kalau pelannya kadang-kadang koperasi kita ini ada naungan-naungan besarnya yang mungkin menguasai.

■1510

Jadi, saya fikir dua orang daripada enam yang dilantik oleh Yang Berhormat Menteri ini mempunyai keupayaan dan memahami urusan koperasi itu munasabah dan mencukupi. Biar mereka duduk sekali, dan *Chairman* seperti yang disebutkan tadi, memikirkan tentang dasar. Dia akan cuba mengarusperdanakan pemikiran kerajaan *of the day*, dengan izin, yang hendak kan contohnya, kita hendak tingkatkan pendapatan, hendak menjadikan koperasi ini sebagai medan peruncitan contohnya.

Kita ada 16,000 hampir Tuan Yang di-Pertua, koperasi ini, banyak. Akan tetapi, sedar kah kita bahawa perolehan tadi itu yang RM45 bilion itu, dicapai oleh *10 percent of the* koperasi yang besar-besar sahaja, koperasi yang besar. Bank Rakyat, itu memang hasil atau perolehannya banyak. Kemudian mungkin koperasi RISDA yang besar atau FELDA atau *national land financing*- itu koperasi yang besar. Mereka menyumbang *80 percent* daripada pendapatan koperasi. Yang lain ini mana? Yang 16,000 tadi ini, yang ini kita kena bina. Dalam 16,000 ini pula Tuan Yang di-Pertua, kita pun tahu- berapa 6,000-7,000 atau 5,000-6,000, saya pun tidak ingat *number* itu- dormant, tidak aktif, menunggu saat pergi.

Kita hendak cuba *resuscitate* Tuan Yang di-Pertua. *Commission* ini seharusnya mengambil tindakan supaya jangan, kalau boleh jangan ada koperasi yang mati di bawah pengawasan mereka. Kalau banyak koperasi mati, itu tanda kegagalan suruhanjaya ini. So, biarkan mereka mempunyai suatu tanggungjawab supaya yang nazak ini dipulihkan. Yang sudah hidup, dijayakan lagi. Yang sudah kaya raya itu, kita perkukuhkan lagi supaya dapat menyumbang...

Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan: Mohon mencelah Tuan Yang di-Pertua. Mohon mencelah.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Sila,sila.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh Yang Berhormat Senator.

Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan: Okey. Ini fasal Yang Berhormat Senator Datuk Wira kita nampaknya *expert* dalam bidang ini. So saya hendak tanya, adakah mungkin masalah koperasi-koperasi ini yang tidak berjaya kerana fakta-fakta nampak berapa ribu yang *domain*. Yang saya selalu dengar, ada kekangan daripada pihak kementerian juga. So, *restrictive*, dia orang tidak ada *flexibility* untuk membuat beberapa keputusan mengenai *business*. Adakah itu satu isu? Mungkin Yang Berhormat Senator Datuk boleh jelaskan. Terima kasih.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Nelson. Apa juga halangan-halangan yang ada- saya percaya memang ada. Ada

mungkin halangan sedikit ataupun mungkin pengurusan koperasi itu sendiri. Pada masa penubuhan bersemangat Tuan Yang di-Pertua, bersemangat. Kumpul 50-60 orang- satu buah kampung- buat. Sudah dapat kumpul modal, hilang semangat tersebut.

Jadi, saya minta supaya suruhanjaya ini dan juga mana-mana badan naungan koperasi ANGKASA contohnya, melihat ke dalam untuk memastikan koperasi ini benar-benar berperanan supaya ia menjadi macam koperasi di Sepanyol, di Jepun. Memang memberikan sumbangan bukan hanya kepada KDNK, tetapi kepada ahli-ahlinya dan penduduk tempatan dengan pengeluarannya, pertaniannya. Barulah ceria sebagai sumber ekonomi yang ketiga bagi Malaysia.

Ramai yang sedang menunggu hendak menjadi penyumbang KDNK yang ketiga ini Tuan Yang di-Pertua, termasuk sekarang ini bab membangunkan tanah wakaf dan sebagainya. Itu juga berebut *position* Tuan Yang di-Pertua. Jadi kalau kita lambat, koperasi akan ketinggalan dan menjadi tidak relevan, tidak mendapat satu tarikan kepada rakyat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Saya memang tertarik dengan hujah Yang Berhormat Senator. Saya jadi Menteri Koperasi ini 17 bulan sahaja. Saya mempunyai *Doctor in Business Administration*. Saya boleh melaksana, tetapi perancangan itu bermula dengan *transparency, accountability*. Itulah sebabnya rang undang-undang ini dibawa ke sini.

Jadi, hujah-hujan Yang Berhormat Senator itu memang *very relevant*, bakal dilaksanakan. Akan tetapi, proses itu sendiri adalah makan masa yang panjang. Bayangkan saya merancang pada tahun 2021, sekarang baru tahun 2023, baru bil datang dekat sini. Kalau kita lihat benda ini, kenapakah dia terlalu lamanya itu? Bukan proses, bukan salah kementerian, tetapi salah itu.

Soalan ahli koperasi, *business background*, saya 100 peratus setuju. Oleh sebab itu masa saya, saya tengok profesor-profesor duduk situ. Profesor ini bukan *businessman*. Saya lantik- seorang tokoh korporat tetapi bila saya lari, dia pun sudah hilang juga. Jadi, sikap Menteri, mesti Menteri itu sendiri kena jadi seorang yang *business minded*... [Tepuk]

Jangan suruh saya berhujahlah pula, tetapi soalan koperasi ini *very close to my heart*. Minta izin, cakap Orang Putih sedikit.

Saya sekarang menjemput Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair.

3.15ptg.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua bagi peluang kepada saya. Mengenai pewujudan jawatan baharu iaitu Ketua Pegawai Eksekutif

kepada Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), saya merasa terpenggil untuk membangkitkan beberapa pandangan mengenainya.

Merujuk kepada Buku Anggaran Perbelanjaan Kerajaan Persekutuan 2023, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi sebanyak RM74,800,000 diperuntukkan secara khusus kepada Suruhanjaya Koperasi bagi perbelanjaan mengurus. Kenaikan sebanyak RM1,480,000 berbanding perbelanjaan mengurus yang diperuntukkan bagi tahun 2022 seolah-olah menjadi *indicator* kepada pewujudan Lembaga Pengarah serta jawatan-jawatan baharu yang digariskan dalam rang undang-undang ini.

Berbicara tentang emolumen, penubuhan Lembaga Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia akan melibatkan perbelanjaan tambahan kewangan seperti yang dinyatakan dalam rang undang-undang ini. Oleh sebab itu, Yang Berhormat Menteri perlu menjelaskan justifikasi terhadap perbelanjaan kewangan yang diperlukan oleh mana-mana aspek yang melibatkan pembentukan komposisi lembaga pengarah.

Selain penubuhan Lembaga Pengarah tersebut, saya selaku Ahli Dewan Negara juga ingin mengetahui dengan lebih lanjut mengenai signifikan pewujudan jawatan “Ketua Pegawai Eksekutif” dan timbalannya. Kementerian menerusi kuat kuasa pindaan Akta 655 ini perlu memastikan agar setiap sen yang dibelanjakan bagi perjalanan Lembaga Pengarah dan pentadbiran eksekutif SKM berupaya mendatangkan manfaat kepada pembangunan koperasi negara.

Para penggiat koperasi di luar sana semestinya meletakkan harapan yang tinggi kepada kredibiliti CEO SKM untuk merencanakan agenda koperasi yang boleh mendatangkan pulangan ekonomi kepada mereka. Berdasarkan perihal tersebut, saya ingin membangkitkan lima persoalan untuk perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Pertama, berapakah anggaran peruntukan kewangan yang akan dikhususkan bagi pembentukan Lembaga Pengarah SKM? Adakah ia sudah terangkum dalam perbelanjaan mengurus SKM bagi tahun 2023? Juga Yang Berhormat Menteri, memperincikan kadar emolumen bulanan yang dianggarkan bagi membiayai setiap anggota Lembaga Pengarah termasuk pengerusi yang pelantikannya perlu mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong.

Kedua, apakah kriteria yang dinilai oleh Menteri dalam memutuskan pelantikan Ketua Pegawai Eksekutif dan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif yang akan dilantik? Apakah jaminan bahawa pelantikan enam orang Ahli Lembaga Pengarah yang dibuat menurut kuasa mutlak Menteri benar-benar menepati piawaian yang digariskan dalam pindaan seksyen 11(3)(g)?

Ketiga, apa bentuk pengauditan yang akan dilaksanakan terhadap kebertanggungjawaban atau *accountability*, dengan izin, Ketua Pegawai Eksekutif sepanjang melaksanakan tanggungjawabnya mengikut seksyen 11B(5)?

■1520

Bagaimanakah SKM memantau etika profesional Ketua Pegawai Eksekutif yang di maksudkan dalam seksyen 11A(2)?

Keempat adakah pihak ketiga atau *independent professional body*, dengan izin, akan turut diberikan ruang intervensi atau advokasi bagi menilai justifikasi bagi setiap pelantikan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri.

Apa tanggungjawab bersama atau *collective responsibility*, dengan izin, yang akan dimainkan oleh pihak SKM untuk memastikan lantikan Ketua Pegawai Eksekutif dan Timbalan-timbalannya tidak dipengaruhi dengan unsur kronisme.

Kelima, bagaimana satu-satu keputusan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri bagi maksud seksyen 15(2) dapat disemak imbang memandangkan Yang Berhormat Menteri boleh memecat mana-mana Ahli Lembaga Pengarah tanpa menyatakan sebab. Apakah sandaran yang boleh digunakan oleh Yang Berhormat Menteri untuk menjalankan kuasa bagi maksud pindaan tersebut?

Tuan Yang di-Pertua, yang terakhir saya ingin membangkitkan beberapa soalan mengenai penggunaan teknologi komunikasi jarak jauh seperti yang disebut dalam seksyen 19(d). Saya berpandangan bahawa amalan berkomunikasi secara digital dalam kalangan Ahli Lembaga Pengarah perlu digalakkan. Ia berupaya meningkatkan keberkesanan perhubungan yang melibatkan seseorang Ahli Lembaga Pengarah yang tidak dapat menghadiri satu-satu mesyuarat atau sebab-sebab tertentu.

Oleh yang demikian Suruhanjaya Koperasi Malaysia sewajarnya mempertimbangkan penyediaan peranti digital khas kepada setiap ahli lembaga pengarah khususnya CEO yang merupakan entiti yang mempunyai tanggungjawab langsung atau *executive mandate*, dengan izin, terhadap hal ehwal SKM.

Jika cadangan tersebut diperhalusi, penyediaan peranti khas tersebut atau melantik beratkan pembangunan *encryption* atau sistem keselamatan komunikasi yang berupaya melindungi kerahsiaan bagi setiap perkara yang dibincangkan. Lebih molek lagi pelaksanaan komunikasi jarak jauh itu disambut dengan penyediaan satu aplikasi khas atau *special gadget* yang eksklusif untuk kegunaan komunikasi ahli lembaga pengarah.

Saya secara peribadi bersetuju dengan pematuhan komunikasi jarak jauh yang digariskan dalam rang undang-undang ini dibuat terhadap kebenaran komunikasi jarak jauh. Tidak pasti mengapa perihal komunikasi jarak jauh digariskan dalam rang undang-undang ini.

Namun begitu saya ingin menegaskan bahawa soal kerahsiaan mesyuarat perlu diutamakan memandangkan terdapat ahli-ahli lembaga pengarah yang dilantik daripada kalangan profesional yang bukan daripada sektor awam. Lagi dua perenggan Tuan Yang di-Pertua, *two more paragraphs*.

Ini merupakan langkah berjaga-jaga yang boleh dipertimbangkan oleh Yang Berhormat Menteri sejajar dengan kuat kuasa pindaan Akta 665 ini kelak. Biar pun tahap kerahsiaan perbincangan lembaga pengarah SKM tidak kritikal seperti mana mesyuarat Majlis Keselamatan Negara, namun aspek keselamatan komunikasi perlu difikirkan juga bagi mengelakkan sebarang kemudaratan siber yang boleh menjejaskan kerahsiaan SKM. Peningkatan sebanyak RM529,653 dalam Perbelanjaan Pembangunan 2023 bagi pembangunan sistem dan infrastruktur ICT perlu dimanfaatkan sebaiknya bagi tujuan tersebut.

Kementerian menerusi SKM seharusnya mengutamakan penyediaan ruang komunikasi digital yang selamat, efektif dan efisien kepada mana-mana Ahli Lembaga Pengarah yang perlu menggunakannya. Seperti yang pernah diungkapkan oleh Mantan Dekan *Harvard Business School*, Nitin Nohria, dengan izin, dalam bahasa asal "*Communication is the real work of leadership*".

Sejajar dengan pindaan seksyen 19(d), saya serta rakan-rakan penggiat koperasi yang lain ingin melihat aspek komunikasi korporat SKM dapat diberi nilai tambah menerusi pembaharuan yang akan difokuskan terhadap amalan perhubungan digital yang melibatkan ahli-ahli lembaga pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja perbahasan saya dan saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator.

Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Senator Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad.

3.25 ptg.

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua... *[Membaca sepotong doa]*

Sebelum saya meneruskan ucapan saya, saya hendak kita rujuk kepada firman Allah SWT yang berbunyi... *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Antara maksudnya, bertolong-tolonganlah kamu, berpakat lah kamu, bekerjasama lah kamu dalam kerja-kerja kebajikan dan taat kepada Allah SWT dan janganlah kamu berpakat bekerjasama, bertolong-tolongan dalam kerja menentang- kerja-kerja syirik dan menentang... *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Takutlah kepada Allah SWT, dan... *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Sesungguhnya seksaan Allah SWT sangat pedih.

Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali Dewan ini sepatut merakamkan ucapan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana saya rasa penyediaan arahan untuk disediakan pindaan kepada rang undang-undang 22/2023 ini Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia

2007 ini yang akta bernombor 665 ini bermula dari zaman Tuan Yang di-Pertua mengepalai kementerian ini.

Akan tetapi dia dibawa semasa Tuan Yang di-Pertua menjadi Tuan Yang di-Pertua Dewan tetapi bermula zaman Tuan Yang di-Pertua mengepalai kementerian ini. Akan tetapi dari awal lagi saya menampakkan kerajaan tidak bersungguh.

Minta maaf lah Tuan Yang di-Pertua- *I am a bit different than other people* kerana saya rasa koperasi dekat di hati saya. Akan tetapi kerajaan tidak melihat satu keseriusan dalam menangani dan menjadikan koperasi sebagai *third force* kuasa ekonomi kepada negara kita.

Ini kerana kementerian ini kementerian yang kedua tercorot dari sudut pengagihan peruntukan. Selepas daripada Kementerian Perpaduan, kementerian ini yang paling rendah diberi peruntukan oleh kerajaan. Kemudian kita tengok Tuan Yang di-Pertua, okey kita kena bersetuju dengan pindaan ini kerana ia hendak mengasingkan kuasa. Bagus daripada segi mengawal selia dan hendak melihat ada *check and balance*, dengan izin, kerana tujuan rang undang-undang ini pertama hendak menjelaskan pembahagian kuasa Lembaga Pengarah.

Kedua, menyusun semula perjawatan dalam suruhanjaya, Maknanya kalau dahulu pengerusi eksekutif itu dasar pun dia, tugas harian pun dia.

Sekarang ini dia pecah, maknanya Ketua Pegawai Eksekutif, kerja-kerja harian. Dasar di bawah Pengerusi suruhanjaya. Baguslah ada *check and balance* dan dia wujudkan jawatan kerana ada pengerusi maka kena ada setiausaha.

Maka di bawah pengerusi ada Setiausaha. Kemudian di bawah Ketua Pegawai Eksekutif mestilah ada Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif. Takut-takut Ketua Pegawai Eksekutif sakit kah, duduk luar negara kah. Maka perlu di adakan mesyuarat dan sebagainya.

Apabila tiba tempohnya maka mesyuarat ini mesti diadakan kalau syarikat-syarikat berhad, sendirian berhad, paling-paling tidak empat kali setahun. Jadi atas alasan-alasan itu untuk memastikan segala peraturan dan arahan itu berjalan. Bagus kerana dia ada pengasingan kuasa ada *check and balance*. Selain mungkin ada jabatan audit dalaman dan Jabatan Audit Negara kita.

Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua kita fikir logik, kita fikir logik. Okey, katalah seorang hamba Allah nama dia 'A'. Dia ada RM200,000 dia buat niaga sendiri. Okey, koperasi ini lebih kepada duit tidak cukup. Dia kumpul 100 orang, 200 orang- peringkat kampung kah, peringkat mana, dikumpulkan mungkin dari ini RM5,000, RM10,000 cukup dia kutip modal RM2 juta.

Apakah perniagaan yang boleh dibuat dengan RM2 juta? Saya orang yang meniaga ini. Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan orang meniaga. Apakah

niaga? Apa meniaga boleh buat dengan RM2 juta. Orang yang RM250,000 punya modal dia ada kepandaian dia sendiri. Dia tahu dengan RM200,000 ini, dia- apa hendak buat.

■1530

Dia fokus dan dia tahu hidup mati dia. Kalau dia keluarkan RM200,000, dia pinjam RM200,000, mati dia di situ dengan RM200,000. Akan tetapi, kalau koperasi, katalah 'A' bagi RM5,000, 'B' bagi RM10,000 kumpul-kumpul dapat RM2 juta. Apakah perniagaan hendak buat? Perniagaan ini mesti ada profesional yang jalankan. Kalau hendak pakat-pakat kita jaga, masing-masing ada keutamaan lain dalam kehidupan. Jaga dapat berapa? Berapa sebulan kau dapat? Ini realiti. Bila *you* sudah lama hidup, *you* tahu.

Tambah pula kalau saya- misal kata saya dapat RM20,000 sebulan. Tidak akan saya hendak letakkan bebankan diri saya hendak jaga. Anggota koperasi ini bukan semua malaikat. Salah sedikit kompelin, salah sikit kompelin. Siapakah hendak ada *mood* hendak jaga? Kalau orang dapat RM20,000 sebulan, hendak dapat RM2,000 sebulan kena marah, kenapa. Dengan istilah lain- alahai, tak payah *cara*. Maknanya sekarang ini RM2 juta *you* kena cari profesional. Suruhanjaya ini dia tidak boleh pantau 16,000 buah koperasi. Di hanya buat undang-undang. Dia hanya pengurusan. Dia hanya semak tiap-tiap 16,000 satu-satu koperasi. Tidak boleh.

Oleh sebab itu kita hendak cari orang komited macam Almarhum Profesor Diraja Tan Sri Ungku Abdul Aziz. Itu seorang dalam satu abad. Dia yang memartabatkan koperasi Malaysia ini sehingga tertubuhnya ANGKASA. Ada bangunan tersendiri. Dia yang mencadangkan Tabung Haji sehingga Tabung Haji menjadi satu kuasa ekonomi yang gah. Selepas itu dirosakkan oleh manusia yang lain.

Begitu juga dahulu tahun 80-an beberapa buah koperasi gergasi di bawah MCA, di bawah MIC. Semua orang, dengan izin *look foward*. Apakah jadi? Hancur! Habis hilang kepercayaan masyarakat Cina, masyarakat India kepada koperasi.

Kemudian, kalau dahulu sebelum 80-an dalam- sebelum 90-an Koperasi Angkatan Tentera *alhamdulillah, tip top*. Koperasi FELDA, *alhamdulillah tip top*. Di manakah mereka sekarang? *Where are they?...* [Disampuk] Shamelin Perkasa, *where are they? No where man*, dengan izin. *Sorry* ya sahabat staf di belakang.

Sekarang ini koperasi yang boleh dibanggakan sedikit, Bank Kerjasama Rakyat Malaysia. Sekarang ini kementerian cuba bagi tahu dalam Dewan ini, saya hendak 20 buah koperasi yang untung lebih daripada RM10 juta tahun lepas. Bagi tahu Dewan selepas ini. Boleh dapat tidak 20 buah koperasi yang untung RM10 juta? Sedangkan sahabat saya Datuk Wira Hatta kata RM45 bilion. Maknanya sumbangan mereka- tidak ada RM20 juta.

Saya bagi tahu pengalaman saya. Saya ini Koperasi Juruukur Tanah Berlesen-Kojuta. *Millionaire* semua duduk dalam itu. Kami maksimum boleh beri 5 persen. Mana ada koperasi boleh beri 10 persen sekarang ini. Tidak ada. Mungkin ada- kalau dahulu Koperasi

FELDA bila-bila masa 17 persen. Pasal Tuan Yang di-Pertua, kita tengok betul-betul. PETRONAS. Sepatutnya kakitangan PETRONAS itu gergasi sudah. Koperasi Tenaga Nasional Berhad gergasi sudah. Koperasi- apa hendak sebut? Sebab semua sudah gergasi. Akan tetapi sama ada PETRONAS kah, sama ada Tenaga Nasional kah, sama ada Telekom dia sendiri sibuk hendak buka anak-anak syarikat masing-masing. Fasal dia tidak hendak dia untung- dia pun hendak ambil manfaat daripada anak syarikat masing-masing.

CEO dan Presiden PETRONAS, CEO TNB mesti dia hendak imej dia bangkit. Segala projek yang *related* dengan TNB ini pun hendak diberi pada anak-anak syarikat dia. Koperasi dia tinggal lelehan-lelehan. Bahasa surat ini “lelehan”. Tinggal yang baki-baki. Mungkin dapatlah sedikit *travel agency*. Makna sekarang ini kerajaan tidak ada komited. Tidak macam Korea- program *Saemaul Undung*. Tidak macam Jepun. Bahkan saya boleh bagi tahu- Vietnam, Indonesia, Thailand bab koperasi mereka jauh meninggalkan kita.

Sekarang ini inisiatif kerajaan mesti- pertama sekali- Tuan Yang di-Pertua pernah memegang ini desak kerajaan supaya menambahkan peruntukan. Jangan sekadar koperasi. Kalau kita kata, “Eh masuklah, masuk lah...” Hendak beri pinjaman, hendak ambil *tapping*, dengan izin, apa kemudahan-kemudahan kerajaan beri. Akan tetapi, daripada segi produktiviti, tahun pertama *alhamdulillah very good*. Tahun ketiga, keempat, kelima, keenam- entah ke manalah belaka.

Oleh sebab itu yang tinggal dorman kerana dia *at disadvantage*, Tuan Yang di-Pertua. Koperasi hendak bertembung dengan syarikat persendirian berhad, syarikat *enterprise*, dia *at disadvantage* kerana tidak ada komitmen ahli-ahli dan dia terpaksa melantik satu atau dua orang. Dia mesti ada kakitangan. Dia kena bayar gaji. Komitmen mereka ini tidak ada. Hendak lawan dengan *enterprise*, hendak lawan dengan sendirian berhad, lain. Akan tetapi, sekadar koperasi sekolah-sekolah itu lainlah, Tuan Yang di-Pertua. Daripada *zero*- macam kalau sekolah kalau ada 1,000 orang studen, kita buat koperasi sekolah. Semua barang kena beli itu memanglah ada beri sedikit-sedikit fasal *you* sekat orang lain daripada- *you* paksa studen, *you* paksa cikgu beli di situ. Maka adalah kerana orang lain tidak boleh berniaga. *You* kontrol. Makna *environment* tidak di-*create* oleh kerajaan.

Sekarang ini pertama sekali biar kerajaan tunjuk keselesaan dia ini. Dia mesti tambah peruntukan. Tidak cukup dengan angka yang disebut. Biar tambah nampak. Ini kerana jika koperasi berjaya, manfaatnya kepada jutaan anggota koperasi. Kalau kita kata di kampung-kampung hendak buat 10,000. Okey, berapa orang yang kita boleh jaga, yang boleh kita nampak. Si Mamat ini, si Ah Chong ke lebih baik dia kerja di PETRONAS, lebih baik dia kerja Telekom, lebih baik dia kerja cikgu daripada jaga koperasi. Belum tentu

untung tidak untung. Jadi, komitmen dia tidak nampak. Kerja cikgu, dia masuk jadi cikgu. Ini realiti, Tuan Yang di-Pertua.

Oleh sebab itu, benda ini bukan benda kecil. Satu, kerajaan mesti ada satu *brain storming*- besar. Tidak cukup dengan Tuan Yang di-Pertua- ada keprihatinan, saya pun ada keprihatinan. Akan tetapi kita tidak nampak kejayaan. Bank Kerjasama macam itu. Itu cara kerajaan- nampak Bank Kerjasama. Itu sahajalah yang boleh kita bangga. Ada lebih 10 percent...

Tuan Yang di-Pertua: Masa Yang Berhormat itu sudah habis. *Emotional* sangat nampaknya.

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad: Saya memang *emotional* fasal Tuan Yang di-Pertua, kalau koperasi berjaya Tuan Yang di-Pertua, jutaan yang dapat manfaat, Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi, mana saya rasa kita ini bukan masalah- tidak cukup dengan kita pinda ini. Benda dasar ini. Benda ini benda mendasar. Bukan benda sikit-sikit pinda. Tidak. Yang ini bagus. Pindaan ini bagus...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, orang belakang itu suka dengar ucapan itu.

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad: Dia bagus Tuan Yang di-Pertua. Bagus tetapi sekarang ini kerajaan mesti fikir lain, *environment* lain. Cari *brain storming*, cari *expert* daripada Korea, dari Vietnam, dari Indonesia. Kita tengok dan kita buat semula, *restructure* semula. Bukan *restructure* setakat ini sahaja. Ini *restructure* ini- tetapi terima kasihlah. Ini ada ilham Tuan Yang di-Pertua. Jadi, *insya-Allah first step* tetapi banyak lagi *step* belakang hendak melihat kejayaan koperasi. Sekian, terima kasih. *Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Tuan Yang di-Pertua: Harap Menteri dengarlah itu. Ini *first step*. *Second step* tidak tahu hendak carilah.

Yang Berhormat berikutnya ialah Yang Berhormat Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail.

3.38 ptg.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Seram sedikit hendak bercakap selepas hujah yang hebat-hebat tadi, Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi, saya sebelum itu berterima kasih atas ruang yang diberikan untuk turut berbahas dalam isu koperasi ini. Saya sempat sedikit membuat tinjauan, Tuan Yang di-Pertua.

Dalam laporan *Berita Harian* 18 Februari tahun 2023, tahun ini. Dia melaporkan bahawa ada 14,975 buah koperasi berdaftar di Malaysia. Saya rasa nanti Menteri akan membuat pengesahan- betul tidak betul, dan dia menyebutkan tentang RM22.4 bilion

pendapatan koperasi di Malaysia dengan 7 juta orang ahli dengan pengumpulan modal syer sebanyak RM16.5 bilion menjana aset RM156.25 bilion, atau pun RM2 bilion menyumbang ke kedudukan tiga terbesar dalam ekonomi negara.

Wajarliah hari ini kita bincang tajuk ini sebab dia punya posisinya terlalu penting. Tuan Yang di-Pertua, bila saya sebutkan perkara ini, saya hendak sebut dahulu dalam pindaan akta seksyen 15 yang bahagian (b) itu. Setakat mana sebenarnya nanti kesan kepada pergerakan koperasi di Malaysia apabila meletakkan Menteri boleh pada bila-bila masa membatalkan pelantikan mana-mana Pengarah tanpa memberi apa-apa sebab. *Hok* lain itu nampak bagus tetapi ini menjadikan satu faktor untuk membolehkan *asbab* untuk akan berlaku kerencatan. Kebimbangan saya. Adakah tidak- kalau saya lihat pada beberapa maklumat daripada segi bidang-bidang koperasi yang dilibatkan sekarang, yang besar sampailah yang kecil.

■1540

Ada tujuh bidang utama, iaitu:

- (i) bidang perkhidmatan kewangan yang kita tengok seperti Bank Rakyat, Ar-Rahnu, dan lain-lain;
- (ii) bidang pemborong dan juga peruncitan;
- (iii) bidang perladangan;
- (iv) bidang pembangunan hartanah;
- (v) bidang pembinaan;
- (vi) bidang pelancongan; dan
- (vii) bidang kesihatan dan penjagaan diri.

Secara kesimpulan, ini tujuh bidang. Kalau tidak betul, betulkan. Adakah tidak, mungkin kementerian fikirkan daripada jumlah Ahli Lembaga Pengarah ini kalangan orang yang profesional dalam bidang ini sekurang-kurangnya. Orang yang profesional yang berjaya dalam bidang perniagaan, yang profesional dalam tujuh bidang utama ini untuk duduk di dalam Lembaga Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM). Dengan peletakan atas keputusan Menteri, semua Menteri berniat baik tetapi bimbang juga kadang-kadang kalau saya tidak ada jawatan, minta saya satulah Yang Berhormat, jenuhkan. Jadi ini menjadi sebab untuk akan berlaku ketidakcapaian hasrat matlamat SKM yang kita bahas membentuk Lembaga Suruhanjaya Koperasi yang kita bincangkan pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, itu perkara yang saya hendak sentuh pada akta ini tetapi yang lain-lain izinkan sedikit saya sambung apa yang kawan-kawan sebut tadi. Bila kita bicara tentang koperasi, betul, bilion koperasi. Bilion yang mana itu? Yang besar-besar itu, Bank Rakyat, Ar-Rahnu dan lain-lain itu. Akan tetapi yang majoritinya dalam koperasi ini yang kecil-kecil di kampung, yang 14,000 buah koperasi ini, sebahagian besar yang berada di

kampung yang terkapai-kapai sekarang ini Tuan Yang di-Pertua. Hendak pergi ke mana, orang suruh dia tubuhkan koperasi, dia tubuhkan koperasi tetapi hendak gerak ke mana koperasi yang ditubuhkan itu macam tidak tahu ke mana.

Saya sebutkan begini, *mostly* yang bangunkan koperasi di kampung orang yang lepas pencen. Mana ada lepas pencen, yang pencen. Yang lepas pencen tidak ada dah, mati dah kan. Yang pencen-pencen, yang cikgu-cikgu sekolah yang dah keluar, pegawai-pegawai rendah yang B40. Inilah yang majoriti menjadi ahli koperasi. Bila tubuh koperasi ada dua sahaja syarat wajib. Pertama, daftar ahli. Kebanyakan daftar ahli tidak lebih dari RM100, hendak lebih daripada itu tidak mampu sebab orang kampung.

Kedua, kena ada syer. Syer itu berapa banyak? Saham. Kadang-kadang koperasi letak syernya RM100 sahaja. Berangan hendak jadi kaya dengan koperasi, syernya RM100. Syer RM100 dalam koperasi yang dibahagi bukan untung, yang diberinya dividen, hendak untung kena ada pelaburan. Ertinya yang miskin yang ramai ini, yang tujuh juta orang rakyat yang jadi ahli koperasi sekarang ini, *mostly* yang barangkali lebih daripada 60 peratus yang tidak mampu hendak letakkan pelaburan. Jadi akhirnya, ke manakah koperasi? Itu yang menjadikan sekarang orang tengok koperasi di pedalaman, di kampung-kampung dan di bandar pun Ahli-ahli Yang Berhormat, 'hidup segan, mati tidak mahu'.

Apakah peranan? Saya sangat setuju dengan pindaan yang ada sekarang ini tetapi saya minta supaya isu koperasi ini dilebihkan kepada pembangunan koperasi. Tidak sempat masa ini, tinggal satu minit. Akan tetapi yang saya fikir kalau boleh diambil hitung dalam perbincangan koperasi yang kita ada sekarang, boleh tumpu dengan orang-orang kampung.

Ada satu masalah Yang Berhormat Menteri, koperasi ini pertamanya penubuhan ahli koperasi sekarang ini *alhamdulillah* boleh tubuh dengan tiga orang ahli lembaga pengarah, pergi kepada enam, pergi-pergi sampai 12. Saya pun ahli koperasi, hendak pimpin koperasi juga tetapi sulit.

Satu budaya yang perlu ada dalam koperasi, konsensus. Sudahlah tidak ada ilmu dalam bidang perniagaan, konsensus pula itu. Bila hendak konsensus, hendak putus satu-benda terlalu sulit. Tinggal *hok* yang dia mulakan koperasi yang awal itu Tuan Yang di-Pertua, yang itulah dia buat sampai ke sudah sebab hendak konsensusnya sulit. Lebih-lebih lagi apabila koperasi yang di kampung-kampung ini sebahagian besar mereka terlibat dalam peruncitan, pemborongan tidak pergi, peruncitan. Buka kedai runcit kampung-kampung. Sekarang dalam kampung sudah tidak kondusif hendak meniaga kedai runcit.

Ahli-ahli Yang Berhormat tahu kan, *giant company* dalam peruncitan itu sudah masuk kampung. *7-Eleven* duduk dalam kampung berapa banyak? *Tealive* duduk dalam kampung berapa banyak? Kedai runcit sudah habis bungkus. Apakah peranan kerajaan dalam memperkasakan balik peruncit-peruncit kecil dalam kampung?

Dalam tempoh waktu yang sudah tidak mengizinkan ini, saya hendak mencadangkan. Yang tadi pun saya hendak mencadangkan juga, cadangkan supaya Ahli Lembaga Koperasi itu termasuk nanti biar profesional dan juga biarlah orang itu orang yang ada kepakaran dalam bidang- tujuh perkara yang pokok dalam kerja operasi yang ada sekarang.

Cadangan yang lain, saya minta supaya koperasi yang bersemangat, koperasi hendak tumpang kaya dengan koperasi yang dapat saham RM100 ini Tuan Yang di-Pertua, perkasakanlah supaya dibuat satu program atau pemerkasaan program latihan intensif kepada Ahli-ahli Lembaga Koperasi (ALK). Biar mereka betul-betul faham. Jangan kadang-kadang minta maaf, saya pun cikgu juga tetapi sudah 20 ke-30 tahun jadi cikgu, keluar hendak tadbir koperasi dalam kepala tidak banyak pun ilmu perniagaan. Selepas itu *start* dalam koperasi, bergaduh.

Keduanya, boleh tak fikir tadi? Saya setuju dengan Yang Berhormat Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad tadi yang menyebutkan tentang peruntukan. Sekarang ini ada orang berlumba-lumba hendak tubuh koperasi sebab ada geran RM100,000. Betul kah Yang Berhormat Menteri? Tubuh koperasi dapat geran RM100,000. Habis geran RM100,000 hendak buat apa? Adakah ruang supaya koperasi kementerian boleh fikirkan ada peruntukan atau skim bantuan modal untuk membolehkan gerak kerja pembangunan koperasi ini dapat digerakkan secara baik. Sekurang-kurangnya ada sedikit ruang dalam bentuk *Qardhul Hasan*. *Qardhul Hasan* supaya bayar balik dengan untuk memulakan koperasi yang pertamanya mungkin lima tahun pertama.

Ketiga, kena fikirkan juga supaya yang di luar bandar ini dibina dalam bentuk yang lebih kondusif. Yang tadi *competitor* gajah-gajah besar yang masuk kampung ini, macam mana kita hendak buat? Hendak sekat tidak boleh, sudah masuk sudah dan mereka juga ada hak untuk berniaga. Akan tetapi yang baru hendak cebur diri dalam bidang khusus yang paling ramai koperasi kecil dalam kampung terlibat ialah peruncitan, mereka ada nyawa untuk juga turut berkembang. Dengan koperasi yang ada sebuah stor barangan- untuk seluruh negara dengan harga tawaran yang lebih murah. Sekarang pula dengan *air-cond* masuk kampung- so, siapakah hendak pergi ke kedai-kedai runcit yang panas zaman *global warming* ini?

Jadi Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya harap perkara ini harus diambil perhatian selain daripada apa-apa hujah sahabat-sahabat saya tadi. Saya minta satu lagi supaya kita *educate*-kan koperasi-koperasi kita yang banyak ini dengan budaya kerja koperasi. Kebanyakannya pemimpin dan juga ahli-ahli ALK ini tidak ada budaya *business*, sungguh. Macam mana hendak jadikan koperasi ini berbudaya *business* yang kompetitif.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Saya dengan ini menyokong pindaan akta ini.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih... *[Ketawa]* Banyak juga soalan yang bakal dijawab oleh Yang Berhormat Menteri itu.

Pembahas yang akhir saya jemput Yang Berhormat Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai. Sila Yang Berhormat.

3.48 ptg.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Pindaan) 2023 yang sentuh kepada pembahagian kuasa Lembaga dan penyusunan semula perjawatan dalam Suruhanjaya.

Saya hendak ambil kesempatan ini mengalu-alukan kedatangan semua pelawat ke Dewan Negara ini... *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, kita sedia faham bahawa fungsi koperasi ini adalah amat penting dalam konteks sosioekonomi sesebuah masyarakat dan negara. Koperasi ini bukan terhad kepada negara kita sahaja, ia terdapat di semua negara di dunia ini tidak kira mereka tidak membangun seperti Yang Berhormat Apandi kata dari Korea, Jepun ataupun sedang membangun kerana sebab inilah saya berpegang teguh bahawa pendekatan koperasi dengan kematangan pengurusan dan pengetahuan yang berkesan akan membawa ahli-ahlinya mencapai objektif yang boleh memberikan faedah kepada ahli-ahli masing-masing.

■1550

Tuan Yang di-Pertua, pindaan yang dimaksudkan ini secara am menyentuh kepada pengurusan suruhanjaya yang seperti dicatat dalam rang undang-undang ialah menyusun semula perjawatan dalam suruhanjaya yang terlibat, Pengerusi Eksekutif dan juga Ketua Pegawai Eksekutif serta mewujudkan dua jawatan baru iaitu Timbalan dan Setiausaha.

Memang kita sokong pindaan ini kerana asalkan apa jawatan yang diwujudkan itu boleh selesaikan masalah urusan harian tetapi dengan syarat. Syarat pertama ialah tanggungjawab masing-masing mesti sangat jelas. Syarat yang kedua, janganlah buat lantikan politik lagi. Janganlah buat lantikan melalui kabel politik. Syarat yang ketiga, seperti Yang Berhormat Tuan Haji Hussin bin Ismail katakan carilah profesional yang layak untuk mengisi jawatan tersebut.

Saya hanya mengingatkan kepada mereka dan memang saya nak katakan bahawa saya tidak mempunyai sebarang pandangan mikro mengenai atas perkara tersebut. Oleh itu, saya nak mengingatkanlah kepada kementerian bahawa diamanahkan agar sentiasa meneliti dan membangunkan modul, sentiasa berfikiran terbuka dalam objektifnya untuk

membangunkan peranan koperasi sejajar dengan keperluan dan kehendak sosioekonomi rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin ambil kesempatan ini dan peluang ini nak bertanya kepada Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi untuk menjelaskan kepada Dewan yang mulia ini juga berkenaan Universiti Keusahawanan Koperasi Malaysia yang telah mula berfungsi sekarang. Saya difahamkan bahawa universiti ini akan fokus kepada pembangunan kursus-kursus berkaitan koperasi dan keusahawanan.

Syabas kepada kementerian dan soalan saya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah pengambilan kemasukan ijazah sarjana muda ke universiti ini melalui sistem *UPU online* seperti IPTA yang lain? Kedua, bagaimanakah pengiktirafan MQA kepada program-program yang ditawarkan? Saya sebenarnya tertarik dengan objektif UKKM ini dan saya mengucapkan maju jaya kepada pengurusan universiti tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada pengurusan koperasi. Saya mohon kementerian untuk sentiasa memberikan pendekatan yang komprehensif, mengetahui kehendak masyarakat dan membekalkan bantuan-bantuan berkaitan agar koperasi yang ditubuhkan di peringkat komuniti berjaya.

Saya juga mohon pindaan RUU ini, rang undang-undang yang menumpukan kepada pembahagian kuasa di antara Pengerusi Eksekutif dan Ketua Pegawai Eksekutif dapat mengukuhkan dan mempertahankan objektif, matlamat dan keyakinan Suruhanjaya Koperasi Malaysia. Sentiasa ingatlah bahawa sesebuah jawatan tidak lagi penting jika jawatan tersebut tidak digunakan sepenuhnya demi kemakmuran rakyat sekalian.

Tuan Yang di-Pertua, perbahasan yang ringkas ini saya akhiri dengan memberikan sokongan kepada pindaan tersebut. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Sebelum saya menjemput Yang Berhormat Menteri, saya beri penjelasan sedikitlah. Yang pertama, soalan tujuh bidang tadi. Itu juga di *initiate* zaman saya sebab tujuannya memang besar. Melihat bahawa kita mempunyai 8 juta orang ahli tetapi 80 peratus daripadanya masih kekal B40. Jadi, macam mana kita nak *uplift the* ahli itu supaya meningkat naik ke atas? Pihak yang *the cream at the top* itu hanya 20 peratus. Jadi, itu satu sebab kenapa kita buat perancangan segmen itu.

Kedua, penubuhan universiti. Itu juga zaman sayalah, yang saya *took personally* dan universiti ini ada keunikan dia. *'Two in, two out'* maknanya dua tahun dalam industri, dua tahun dalam universiti. Kelulusannya kita jamin 100 peratus dengan syarat dapat bekerjalah di samping boleh melatih anggota koperasi supaya *become more professional* dalam pengurusan koperasi itu sendiri. Itu matlamat yang saya cadangkan dahulu tetapi sama ada Yang Berhormat Menteri masih mengikut perancangan- *vision* dan misi pada ketika itu adalah terpulang kepada Yang Berhormat Menteri yang ada sekarang ini.

Akan tetapi tujuannya ialah supaya koperasi *become more professional* dalam sudut *management business* dan *management* pengurusannya dan *management* pengurusan kewangannya. Dari sudut itu sahaja yang boleh kita membawa koperasi ini ke masa hadapan... [Ketawa] Saya pula yang jawab. Kenapa kacau orang punya kerja ini... [Ketawa] Walau bagaimanapun, terima kasihlah kepada semua pembahas pada petang ini...

Tuan Robert Lau Hui Yew: Minta, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Nampaknya walaupun 7 orang tetapi mewakili...

Tuan Robert Lau Hui Yew: Tuan Yang di-Pertua, minta berikan saya peluang untuk berbahas juga untuk rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Oh, nak bahas lagi seorang?

Tuan Robert Lau Hui Yew: Yes.

Tuan Yang di-Pertua: Ha, bolehlah Yang Berhormat. Saya pun bukan ada halangan nak berhenti itu.

3.56 ptg.

Tuan Robert Lau Hui Yew: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang untuk berbahas. Rang undang-undang ini adalah baik untuk pengurusan dan pentadbiran koperasi di negara ini. Pada masa dahulu, terdapat banyak koperasi di Sarawak terutamanya di kalangan masyarakat luar bandar. Setiap kampung Cina di sekitar Sibu mempunyai sebuah koperasi pada tahun 50-an dan 60-an dahulu. Namun, semuanya sudah tidak aktif lagi atau sudah tutup. Mereka memainkan peranan penting sebelum ini. Ia telah kehilangan kepentingan sekarang di Sarawak. Soalan saya- apa masalah, dan apa solusi untuk hal ini?

Saya juga ingin tahu bilangan koperasi yang masih ada di Sarawak dan berapa ramai yang masih aktif? Terdapat sebuah buku yang bagus diterbitkan pada tahun 1960 bertajuk "*River of The White Lily*" yang ditulis mengenai perkara ini oleh seorang warga Rusia. Nama dia Peter Goullart yang dihantar ke Sarawak oleh *International Labour Organization* pada tahun 1950-an untuk membantu menubuhkan koperasi dan melatih ahli-ahli.

Pindaan ini diharap dapat membantu menghidupkan semula peranan koperasi kerana saya percaya masih ada peranan yang perlu dimainkan oleh mereka. Akhir sekali, saya ingin bertanya adakah terdapat pejabat tetap di Sarawak dan jika tidak ada, pejabat ini akan ditubuhkan di Sarawak? Jika terdapat pejabat di Sarawak, saya mahu tahu juga berapa ramai kakitangan ditempatkan di Sarawak. Dengan ini, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Okey, terima kasih Yang Berhormat. Seramai 11 orang pembahas ya. Baik, saya tunjukkan sedikit. Saya ada masa sedikit nak beri penjelasan, soal garis panduan dan juga peraturan. Garis panduan ini adalah *administrative arrangement* kita sahaja untuk memudahkan kerja pengurusan nama Yang Berhormat yang hendak bercakap. Akan tetapi, peraturan mengatakan siapa yang Tuan Yang di-Pertua nampak matanya dahulu, dialah yang dipanggil untuk berhujah. Itu di bawah Peraturan Mesyuarat 34(2) ya.

Jadi, kalau ada nama itu yang terlepas, yang dahulu dikemudiankan, bukanlah itu. Oleh sebab mungkin saya mengamalkan apa dalam peraturan, tidak mematuhi kepada senarai. Senarai ini arahan daripada Setiausaha sahaja, yang *boss* di sini ialah saya...
[Ketawa]

Jadi, walau bagaimanapun untuk memudahkan kerja yang dibuat oleh Setiausaha. Amalan ini baru sekarang, mungkin lima hingga enam tahun ini. Dahulu kita tak ada senarai, terbuka semua. Kalau nak bercakap, berdiri. Siapa yang dipandang oleh Tuan Yang di-Pertua dahulu, dialah yang bercakap. Itu yang pertama.

Yang kedua, senarai itu juga bukan menghalang Tuan Yang di-Pertua dan menghalang orang daripada bercakap. Macam ini, Yang Berhormat Robert Lau dari Sibu nak bercakap tadi. Walaupun tidak ada nama dalam senarai, diberi juga peluang. Itu merupakan budi bicara Tuan Yang di-Pertua ya.

Satu lagi, saya buat kesilapan juga- *title* orang yang duduk di sini ialah kalau dalam bahasa Inggerisnya, "*The President of The Senate*". Kalau tidak, dia dipanggil "Yang di-Pertua Dewan Negara."

■1600

Perkataan "*Speaker*" itu tidak boleh diguna mengikut Perlembagaan dan undang-undang dalam Dewan Negara. Jadi, kita selama ini terikut-ikut dengan Dewan Rakyat dan Parlimen di seluruh dunia. Jadi sahih undang-undangnya *title* itu ialah "*The President of Senate*" ataupun dalam Bahasa Melayunya "Yang di-Pertua Dewan Negara." Jadi, saya hendak minta pegawai pun macam itu juga.

Jangan saya bercakap seorang, tidak ada keluar nama "*Speaker*" lagi dalam Kertas *Aturan Urusan Mesyuarat* ini. Mana-mana kertas urusan kita tidak ada lagi nama "*Speaker*" itu dimasukkan sebabnya di luar sana kita sebut *unconstitutional*, tidak ikut undang-undangnya itu. Jadi itu sahaja.

Dengan itu, sekarang sudah tamat perbahasan, saya menjemput Yang Berhormat Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi untuk menjawab. Sila Yang Berhormat.

4.01 ptg.

Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Datuk Ewon Benedick]:

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Salam sejahtera, salam Malaysia Madani.

Pertama sekali saya ingin mengucapkan tahniah- *double congratulations to you Sir*. Ucapan tahniah berganda yang pertamanya atas kurniaan pingat dan seterusnya tahniah sekali lagi atas pemilihan sebagai Presiden Dewan Negara.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sebenarnya orang kampung daripada *long house* beritahu, macam durian runtuh ini.

Datuk Ewon Benedick: *[Ketawa]* Sekali lagi ucapan tahniah juga kerana pindaan ini bermula daripada Tuan Yang di-Pertua, dan hari ini mempengerusikan sidang ini untuk mengakhiri apa yang telah dimulakan. Saya juga ingin menzahirkan penghargaan kepada 11 orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam membahaskan perkara-perkara berkaitan Rang Undang-undang Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Pindaan) 2023 ini. Kami menghargai segala pandangan dan maklum balas yang telah diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Pertama sekali berkenaan dengan yang menyentuh secara langsung dengan cadangan pindaan ini iaitu yang terkait dengan pengasingan kuasa pengerusi dan juga Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya Koperasi. Saya percaya dan kami mengalu-alukan sokongan 11 orang Ahli Dewan. Tadi semuanya menyokong dan untuk itu, kita menghargai.

Seterusnya pandangan-pandangan yang bersifat teguran, pandangan yang bersifat cadangan, kami menghargai semua yang telah disampaikan dan pada pandangan saya untuk kita mengangkat gerakan koperasi ini, untuk membangunkan gerakan koperasi di negara kita ini semua bermula daripada kepimpinan.

Oleh sebab itu, pagi tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri membaca rang undang-undang ini dan sebaik sahaja selesai mesyuarat Kabinet, saya terus ke Dewan ini untuk mendengar sendiri perbahasan daripada Ahli-ahli Dewan Negara. Saya percaya, Pegawai-pegawai Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, pegawai-pegawai daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia, semua berada di sini untuk mendengar sendiri perbahasan ini.

Saya percaya *leadership* ini menunjukkan betapa seriusnya kerajaan yang ada pada hari ini untuk mendepani isu-isu yang telah dibangkitkan sepanjang perbahasan terkait dengan cadangan pindaan ini.

Seterusnya terkait dengan kuasa Menteri. Pertamanya, melantik enam orang Ahli Lembaga Pengarah. Sekurang-kurangnya dua orang ahli itu mempunyai pengalaman kemahiran pengetahuan tentang gerakan koperasi. Pada saya, kenapakah tidak semua?

Memang sepatutnya semua dan itulah apa yang kita akan pertimbangkan apabila membuat pelantikannya nanti.

Daripada enam orang ahli ini, seorang telah kita lantik kerana sebelum pindaan ini dibuat. Kita juga perlu membuat pelantikan. Antaranya satu daripada enam orang ahli yang telah dilantik itu Ketua Pengarah Institut Koperasi Malaysia, iaitu seseorang yang memang terlibat dalam gerakan koperasi dalam bidang ataupun sektor latihan, agensi penyedia latihan kepada gerakan koperasi, seseorang yang sangat berpengalaman dalam gerakan koperasi, dalam pembangunan koperasi.

Ini memberi gambaran kepada kita, kepada menteri ini, kepada kementerian ini, kepada kerajaan ini tentang pelantikan-pelantikan yang kita akan buat selepas pindaan ini diputuskan pada hari ini. Seterusnya, kita juga perlu mengambil kira di Malaysia Timur dan Malaysia Barat di seluruh negara ini banyak gerakan koperasinya. Kita mengambil kira pandangan-pandangan yang disampaikan sendiri oleh gerakan koperasi yang ada di Sarawak, ada di Sabah, gerakan koperasi bumiputera, gerakan koperasi bukan bumiputera, gerakan koperasi yang telah berjaya.

Ini juga merupakan satu pertimbangan kita apabila membuat pelantikan enam orang Ahli Lembaga Pengarahnya nanti itu supaya ia mencakupi gerakan koperasi yang menyeluruh di negara kita. Ini kerana kalau kita lihat dahulu pernah disebut oleh pembahas yang ke-10, pelantikan politik. Kalau saya lihat yang dahulu itu lebih banyak pelantikan politiknya. Akan tetapi kali ini kita mengambil kira pertimbangan gerakan koperasi menyeluruh mewakili gerakan koperasi Wilayah Malaysia Timur, gerakan koperasi Malaysia Barat, gerakan koperasi bumiputera, gerakan koperasi bukan bumiputera.

Ini supaya hal-hal isu dan masalah koperasi yang dibangkitkan di Dewan ini juga dengan melantik wakil daripada gerakan ini boleh dibincangkan di peringkat lembaga pengarahnya nanti itu apabila sesuai.

Seterusnya menyentuh tentang kuasa Menteri untuk menamatkan pelantikan tanpa memberi apa-apa sebab. Saya fikir, pindaan ini bukan satu-satunya rang undang-undang yang telah diputuskan di Dewan ini. Ada beberapa pernyataan yang sama yang digunakan di dalam suruhanjaya-suruhanjaya lain yang juga telah diputuskan di Dewan ini pada masa yang lepas, yang turut mengguna pakai provinsi yang sama, perenggan yang sama dengan menyatakan Menteri boleh membuat penamatan pelantikan itu tanpa memberi sebab.

Kita mengambil maklum dan menghargai pandangan barangkali teguran yang disampaikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, yang ini mungkin membuka ruang kepada penyalahgunaan kuasa. Akan tetapi kita lihat dari sudut positif. Apabila saya menyampaikan pelantikan itu nanti bagi pihak kerajaan, kita akan beri peringatan kepada ahli-ahli yang dilantik ini sama ada yang enam orangnya ataupun ahli-ahli lembaga

pengarah yang mewakili kementerian dan agensi kerajaan yang lain, yang duduk dalam suruhanjaya ini. Ini termasuk Pengerusinya nanti.

Sudah tentu kita akan beri peringatan bahawa pelantikan itu perlu untuk mereka membela dan membangunkan gerakan koperasi. Seandainya mereka leka dan tidak dapat menjalankan tanggungjawab itu, amanah itu seperti mana yang dihasratkan Dewan ini, seperti mana yang dihasratkan oleh ahli-ahli koperasi, maka kita buat peringatan kepada mereka bahawa kita boleh menamatkan pelantikan itu tanpa perlu memberi sebab.

Ini yang positifnya. Oleh sebab mereka mengetahui ada punca kuasa yang diberi kepada Menteri itu, maka sepatutnya mereka berikrar kepada ahli-ahli koperasi ini pelantikan itu dibuat kerana mereka mahu membangunkan gerakan koperasi. Ini saya percaya atas sokongan yang telah disampaikan dan diberikan oleh semua Ahli-ahli Yang Berhormat sebentar tadi, saya amat yakin yang bakal dilantik juga telah kita maklumkan, *concern*, keprihatinan yang telah disampaikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi supaya mereka dapat menjalankan amanahnya nanti sebagai ahli lembaga pengarah selepas mendapat pelantikannya nanti.

Saya juga ingin menyentuh ataupun ingin memberi penjelasan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang bertanya tentang implikasi kewangan ke atas penstrukturan semula pengasingan kuasa antara Pengerusi dengan Ketua Pegawai Eksekutif. Kalau sebelum ini orangnya sama, sekarang ini melibatkan dua orang, juga perwujudan tiga orang Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif.

■1610

Pada struktur yang ada sekarang ini, memang sudah ada tiga orang naib pengerusi dan kita angkat mereka ini menjadi Timbalan Ketua Pegawai Eksekutifnya nanti dengan fokus perkhidmatan yang masih sama. Daripada segi implikasi kewangan, Suruhanjaya Koperasi Malaysia dengan kementerian dan juga melibatkan Jabatan Perkhidmatan Awam akan mengadakan perbincangan selepas ini untuk menentukan implikasi kewangan yang akan terlibat selepas pindaan ini diluluskan atas sokongan Ahli-ahli Yang Berhormat pada hari ini.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan juga Dewan yang mulia ini, setakat Disember 2022, jumlah koperasi yang berdaftar iaitu sebanyak 15,315 dengan keanggotaan seramai 7.3 juta orang, jumlah modal syer ataupun yuran adalah sebanyak RM16.98 bilion, jumlah aset bernilai RM159.6 bilion dan perolehan koperasi berjumlah sebanyak RM45.5 bilion. Ini juga dibangkitkan, ditanya oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat tadi.

Seterusnya, yes, ingin menyentuh tentang kriteria-kriteria pelantikan selain lembaga pengarah tadi, pelantikan Ketua Pegawai Eksekutif, sudah tentu yang kita akan

lantik itu yang mempunyai ataupun memenuhi kriteria yang ditetapkan oleh kerajaan untuk semua jawatan Ketua Pegawai Eksekutif.

Dalam konteks ini, antara kriteria yang kita sediakan iaitu mereka sememangnya profesional, mempunyai pengetahuan, kemahiran, semangat untuk membantu gerakan koperasi, berpengalaman dalam bidang pengurusan pentadbiran kewangan dan mempunyai kefahaman dalam hal ehwal gerakan koperasi. Saya percaya pegawai-pegawai sedia ada di dalam Suruhanjaya Koperasi Malaysia itu juga berada di hadapan untuk diangkat menjadi Ketua Pegawai Eksekutif. Kita terbuka mendengar pandangan-pandangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat tentang kriteria ini, masih boleh diperkasakan lagi.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan peranan koperasi peruncitan dan pemborongan terutama peranan mereka di dalam membantu menangani kos sara hidup, kos kenaikan barang yang dialami oleh rakyat kita pada masa ini. Tuan Yang di-Pertua, kementerian melalui Suruhanjaya Koperasi juga telah membangunkan ataupun menggalakkan aktiviti pemborongan dan peruncitan di mana sebanyak 2,581 buah kedai runcit koperasi yang dikenali sebagai Coop Mart telah beroperasi di seluruh negara.

Melalui rangkaian Coop Mart ini, anggota koperasi serta masyarakat setempat boleh mendapatkan barangan keperluan harian dengan harga yang berpatutan. Pada masa ini, sebanyak 38 Coop Mart tersebut telah dinaikkan taraf sebagai pusat pengedaran ataupun *distribution centre* di seluruh negara. Jumlah perolehan daripada Coop Mart ataupun *distribution centre* koperasi ini adalah sebanyak RM1.52 bilion pada tahun 2022.

Kita akan terus menggalakkan pengembangan Coop Mart di seluruh negara. Dalam pada masa yang sama, kita juga telah meneruskan ataupun mengadakan Jualan Koperasi Madani di mana koperasi yang terlibat boleh menjual barangan runcit yang terpilih pada kadar harga sehingga 20 peratus lebih murah daripada harga pasaran. Ini bertujuan untuk membantu rakyat kita di kawasan sekitar program Jualan Koperasi Madani ataupun di sekitar koperasi itu yang dekat atau penduduk berhampiran dengan program kita itu untuk menikmati harga jualan runcit yang lebih rendah daripada harga pasaran di tempat lain.

Juga, saya ingin menyentuh...

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Tuan Yang di-Pertua, memohon mencelah.

Datuk Ewon Benedick: Tidak. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin beri maklum balas dahulu kepada semua yang dibangkitkan tadi.

Timbalan Yang di-Pertua: Sabar.

Datuk Ewon Benedick: Saya akan beri ruang sekiranya...

Timbalan Yang di-Pertua: Sabar Yang Berhormat Dominic.

Datuk Ewon Benedick: Ya, sabar... *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua: *[Ketawa]*

Datuk Ewon Benedick: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Juga disebut tadi peruntukan yang rendah disalurkan kepada Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi antara yang terendah dan seolah-olah memberi gambaran kepada kerajaan ini tidak memberi perhatian yang serius kepada pembangunan gerakan koperasi. Akan tetapi, saya dan kami di kementerian mempunyai pandangan yang lebih positif. Soal peruntukan itu adalah satu, tetapi ini tidak mematahkan semangat kami di kementerian, di Suruhanjaya Koperasi, di Institut Koperasi, dalam gerakan perkhidmatan kementerian ini untuk memberi yang terbaik, yang lebih baik kepada pembangunan. Gerakan koperasi di negara kita dan dengan limitasi bajet itu, kita sentiasa ingin membantu koperasi-koperasi ini untuk terus berkembang.

Dalam masa yang sama, peruntukan yang disebut dalam belanjawan itu tidak semestinya ataupun tidak mencakupi apa yang telah sedia ada pada Suruhanjaya Koperasi. Contohnya, Suruhanjaya Koperasi masih mempunyai baki terkumpul Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi. Setakat Disember 2022, bakinya masih ada RM253.9 juta. Manakala baki terkumpul Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi pula sebanyak RM159.62 juta.

Kumpulan Wang Amanah Pembangunan ini digunakan untuk mengadakan program seperti pembangunan gerakan koperasi nasional, pembangunan perniagaan koperasi, pemantauan audit koperasi, penyelenggaraan aset Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi, pembangunan dan penyelenggaraan ICT, penyeliaan koperasi, pengurusan Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi.

Manakala Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi pula digunakan untuk mempromosi koperasi, memperkasakan koperasi, sebagai geran untuk menguruskan Institut Koperasi Malaysia, membangunkan kapasiti dan juga menyediakan biasiswa koperasi, perhubungan awam, gerakan koperasi, juga untuk membantu program penyiasatan dan tadbir urus koperasi, penyelenggaraan aset Kumpulan Wang Amanah Pendidikan, pembangunan modal insan koperasi, penyelidikan koperasi dan juga pengurusan Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi.

Ertinya, jumlah RM253 juta untuk Kumpulan Wang Amanah Pendidikan dan sebanyak RM159 juta Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi itu tidak dimasukkan dalam bajet tahunan, tetapi berada di dalam Suruhanjaya Koperasi. Program-program yang telah dirancang ini diteruskan untuk terus membangunkan koperasi. Kita tahu banyak koperasi tidak aktif, banyak juga koperasi yang berjaya. Sememangnya menjadi tanggungjawab kementerian ini terutama Suruhanjaya Koperasi Malaysia untuk

membantu menghidupkan semula, mengaktifkan semula koperasi-koperasi yang tidak aktif.

Pada saya, semua ini bermula daripada inspirasi. Banyak yang tadi Ahli-ahli Yang Berhormat menyatakan keprihatinan mereka, kebimbangan mereka tentang jumlah koperasi yang tidak aktif ini. Pada saya, pada kita, ia perlu dimulakan daripada inspirasi. *Success story* dari koperasi yang telah berjaya.

■1620

Kalau koperasi lain boleh berjaya kenapa tidak koperasi mereka boleh berjaya. Barangkali bermula daripada Dewan ini. Kalau semua Ahli-ahli Dewan Negara ini menjadi anggota koperasi dan menjadi contoh kepada koperasi-koperasi yang lain untuk berjaya, maka kita perlu bermula dari Dewan ini. Jadi ahli koperasi dan tunjukkan kepada koperasi lain bahawa koperasi yang kita sertai itu boleh berjaya dengan penyertaan Ahli-ahli Dewan ini termasuk kita- semua yang ada di sini.

Tuan Yang di-Pertua dan untuk makluman Dewan yang mulia ini juga, koperasi belia disebutkan tadi sambutan di kalangan belia terhadap gerakan koperasi ini tidak berapa memberangsangkan tetapi saya ingin berkongsi sehingga 31 Disember 2022 terdapat sebanyak 207 buah koperasi belia dengan bilangan anggota seramai 99,954 orang telah pun menyertai koperasi. Jumlah syer sebanyak RM34.53 juta, aset berjumlah RM90.48 juta dan perolehan sebanyak RM26.6 juta. Mungkin angka ini tidak memberangsangkan tetapi boleh menjadi suatu permulaan untuk memberi inspirasi kepada lebih ramai belia lain menganggotai gerakan koperasi.

Kerajaan pada masa kini sedang mengkaji semula, sedang *reviewing the Twelfth Malaysia Plan*, kajian separuh penggal Rancangan Malaysia Ke-12 dan antara lain yang kita telah kemukakan contohnya cadangan *cooperative pitching* supaya koperasi baharu yang dimulakan ataupun ditubuhkan oleh koperasi-koperasi belia ini sudah tentu mereka memerlukan modal. Modal itu dijana bukan hanya daripada pungutan syer di kalangan ahli-ahli mereka tetapi sudah tentu mereka mengharap ada sumbangan modal daripada kerajaan contohnya melalui Tabung Modal Pusingan Koperasi ataupun Geran Pembangunan Koperasi.

Pada saya jika mereka mempunyai satu- pelan perancangan pembangunan yang sememangnya boleh dilaksanakan dan memberikan pulangan keuntungan kepada ahli-ahli koperasi mereka dalam tempoh yang singkat, mereka boleh membuat *presentation* kepada kementerian, kepada SKM misalnya, *cooperative pitching* misalnya supaya mereka yang serius dan mempunyai *business model* yang sesuai untuk dibangunkan kita boleh pertimbangkan untuk bantu sumbangan modal tanpa memerlukan mereka menunggu lebih lama sehingga dua, ke-tiga tahun, sebelum mereka layak untuk mendapat modal pusingan misalnya.

Oleh sebab ini antara lain bertujuan kita untuk menjadikan gerakan koperasi lebih menarik kepada golongan belia. Di antara mahasiswa misalnya, graduan daripada universiti tubuhkan koperasi untuk memberi *tuition* kepada anak-anak yang sedang bersekolah di sekolah menengah. Mereka boleh tubuhkan koperasi beri perkhidmatan yang bersesuaian dan ini memerlukan modal pembiayaan dan kita boleh bantu tanpa mereka menunggu satu, ke-dua tahun, baharu layak untuk memohon sumbangan modal daripada kementerian ataupun Suruhanjaya Koperasi Malaysia misalnya.

Kita akan adakan *Asia Pacific Youth Conference* berkenaan dengan pembangunan koperasi ini yang diadakan bersempena dengan sambutan bulan koperasi. Kita akan jemput koperasi-koperasi belia di Asia Pasifik ini termasuk di negara kita untuk mengambil bahagian di dalam persidangan koperasi ini dan sudah tentu dengan adanya persidangan ini mudah-mudahan belia ataupun koperasi belia sedia ada di negara ini teraspirasi dengan kejayaan koperasi-koperasi belia di negara-negara dalam lingkungan kawasan Asia Pasifik yang akan diadakan persidangannya pada bulan hadapan.

Tuan Yang di-Pertua dan untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, koperasi yang terbaik. Memang tidak dinafikan dan saya bersetuju dan kami bersetuju kebanyakan koperasi besar yang berjaya ini dibina daripada syarikat-syarikat yang besar yang sedia ada. Untuk itu saya ingin berkongsi 10 buah koperasi yang berjaya dan tersenarai dalam indeks koperasi terbaik Malaysia.

Antaranya seperti: pertama, Bank Kerjasama Rakyat (Bank Rakyat); kedua, Koperasi Angkatan Tentera Malaysia ketiga, Koperasi Co-opBank Pertama Malaysia yang juga merupakan Bank Koperasi yang kedua di negara kita. Mudah-mudahan suatu hari nanti akan ada lagi Bank Koperasi suatu hari nanti. Ini semua bermula daripada wawasan dan diikuti dengan inspirasi daripada kisah kejayaan Bank Rakyat, dan Co-opbank Pertama.

Keempat, Koperasi NLFCS Berhad, Koperasi Permodalan FELDA, Koperasi Peserta-peserta FELCRA Malaysia, Koperasi Polis Diraja Malaysia, Koperasi Wawasan Malaysia, Koperasi Kakitangan Bank Rakyat, Koperasi Kakitangan Petronas Berhad dan sebagainya.

Inilah 10 buah koperasi yang terbaik. Kita tidak mendengar koperasi dari kampung ini, koperasi daripada keluarga ini. Sudah tentu kita bertanya kenapa tetapi kita tidak nafikan banyak juga koperasi keluarga, koperasi kampung, koperasi yang dianggap dikategorikan koperasi kecil ini yang juga berjaya.

Dalam perjumpaan saya dengan Koperasi Song Kapit, Sarawak misalnya. Mereka berjaya memperoleh projek daripada Kementerian Pendidikan untuk menyelenggarakan bangunan sekolah dalam Daerah Kapit. Kenapakah mereka boleh berjaya? Oleh sebab mereka mengurus koperasi mereka dengan begitu baik sekali. Semua ini bermula daripada

leadership, *leadership* di peringkat koperasi yang menyambut *leadership* yang baik daripada kerajaan. *Leadership* yang baik daripada kementerian, *leadership* yang baik daripada Suruhanjaya Koperasi.

Jadi rantai *leadership* yang baik ini akan menjamin kejayaan koperasi ini. Tidak adil untuk kita mengambil beberapa contoh kegagalan koperasi itu untuk menggambarkan kegagalan keseluruhan gerakan koperasi kerana yang Koperasi Song Kapit itu tadi, mereka boleh memberikan dividen 20 ke-30 persen kepada ahli-ahlinya. Mudah-mudahan dengan saya menyebut nama koperasi ini akan lebih banyak koperasi di peringkat daerah, di peringkat kampung yang akan teraspirasi dengan kejayaan koperasi mereka.

Saya minta semua Ahli-ahli Yang Berhormat kongsi kisah kejayaan mereka ini ke mana-mana kita kunjungi jika terkait dengan perbincangan, perbualan mengenai koperasi sebutkan nama-nama koperasi yang berjaya ini supaya mereka teraspirasi.

Oleh sebab kalau kita selalu sebut tentang kegagalan sudah tentu kita tidak akan mendengar tentang kisah kejayaan pada saya. Itulah permulaan kepada kejayaan yang lebih besar dalam gerakan koperasi. Saya fikir itu sahaja yang saya boleh kongsi secara umumnya, Tuan Yang di-Pertua. Ada perkara tentang universiti keusahawanan dan koperasi Malaysia yang juga telah dimulakan oleh Tuan Yang di-Pertua tadi sebagai mantan Menteri di kementerian ini.

Saya ingin berkongsi bahawa Universiti Keusahawanan Koperasi Malaysia (UKKM) telah memperoleh perakuan pendaftaran pada 29 Mac 2023 untuk membolehkan universiti ini beroperasi, dan ia bukan sebuah universiti awam. Ia disifatkan sebagai universiti yang bersifat bukan IPTA.

Justeru daripada segi pengambilan itu belum dan tidak melalui permohonan UPU. Akan tetapi daripada segi pengiktirafan itu setakat ini sebanyak lima program telah pun diperakukan, telah pun mendapat akreditasi daripada MQA iaitu Diploma Keusahawanan Koperasi, Diploma Pengurusan Koperasi, Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan dan Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan dan Sarjana Pentadbiran ataupun *Master's Degree* dalam Pentadbiran Perniagaan.

■1630

Salah satu bakal mahasiswa kita yang telah pun diberikan tawaran untuk melanjutkan pengajian peringkat sarjana di UKKM ini iaitu Yang Berhormat Timbalan Menteri kementerian ini, dan saya menjemput Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini, sekiranya ingin melanjutkan atau mengambil- melanjutkan pengajian dalam sarjana pengajian koperasi ini, saya jemput untuk menyertai pengajian yang telah saya sebutkan tadi di UKKM ini.

Saya fikir isu-isu lain itu secara umumnya yang pertama berkaitan secara spesifik tentang koperasi ini telah saya sebutkan. Jangan risau, kuasa menteri itu memang

bertujuan untuk menjadikan pelantikan itu lebih baik. Jika ada pandangan yang mengatakan tidak perlu lagi dibuat pelantikan politik, apa definisi pelantikan politik yang kita sebutkan ini. Kita- semua di sini apakah kita mewakili gerakan politik. Gerakan politik tidak semestinya yang tidak berpengalaman, tidak berpengetahuan. Seolah-olah kita mengatakan kita ini tidak layak untuk dilantik, tidak ada latar belakang yang boleh diangkat untuk membolehkan mereka dilantik. Dalam gerakan koperasi juga banyak di kalangan pemimpin politik yang memimpin gerakan koperasi di peringkat daerah, misalnya di negeri itu yang berjaya juga.

Pandangan saya, jangan kita mempertikaikan pelantikan. Yang penting pada saya, pada kita, kriteria itu dipenuhi. Sekiranya ada isunya selepas dilantik, mereka gagal menjalankan amanah, maka Dewan ini boleh membuat satu penilaian, bawa dalam perbahasan akan datang sejauh mana pelantikan itu yang dibuat itu mengangkat pembangunan gerakan koperasi atau tidak. Akan tetapi, saya tidak setuju istilah pelantikan politik itu seolah-olah Tuan Yang di-Pertua tidak layak dilantik ke jawatan ini sekarang. Saya tidak setuju itu digunakan dalam pertimbangan dalam pelantikan.

Ini kerana kita melahirkan Perdana Menteri, kita melahirkan di kalangan orang politik juga, ada di kalangan yang profesional. Adakah mereka tidak ayak untuk dilantik ke mana-mana pelantikan bertujuan untuk mengangkat rakyat, mengangkat gerakan koperasi, mengangkat profesionalisme dalam pembangunan negara kita? Saya tidak setuju itu. Yang pentingnya jika ada isu ke atas pelantikan yang dilantik itu tidak *perform*, maka bawa ke Dewan ini dan saya bersedia mempertahankan keputusan kerajaan dan kita boleh tamatkan sekiranya itu memang sudah tidak *perform*. Itu niat dan semangat kenapa kita buat pindaan ini.

Pertamanya, kita asingkan dahulu. Kalau mahu buat fokus, mahu buat pembangunan yang lebih besar, orangnya tidak harus memegang jawatan yang sama. Dia juga pengerusi suruhanjaya, dia juga ketua pegawai eksekutif. Pindaan ini cukup baik yang telah dibuat oleh *Speaker* sebagai mantan menteri di sini dahulu dan kita teruskan.

Ini kerana kita juga berkongsi aspirasi inilah permulaan kepada sesuatu yang lebih baik untuk gerakan koperasi dan sebagai menteri bersama dengan timbalan menteri dan pentadbiran awam di kementerian dan Suruhanjaya Koperasi, kita sentiasa mengalu-alukan pandangan, cadangan. Tanggungjawab membangunkan koperasi ini bukan semata-mata diletak kepada kerajaan atau kementerian semata-mata. Ahli-ahli Dewan ini juga perlu menjadi contoh kejayaan koperasi, barulah kita bersikap adil kepada ahli-ahli koperasi yang kita mahu bangunkan ini.

Ini kerana- saya ingin juga maklumkan tadi di Sarawak memang ada pejabat perkhidmatan kita di Kuching. Bulan hadapan saya akan melawat dua buah koperasi terbaik di Daerah Kapit misalnya dan akan duduk- akan tidur semalaman di rumah panjang

yang koperasinya mengusahakan koperasi pelancongan. Ini merupakan satu motivasi kita, sokongan secara langsung kerajaan dan pimpinan kerajaan kepada gerakan koperasi. Ini maksud saya. Kepimpinan yang baik, pentadbiran yang baik di peringkat kementerian kerajaan disambut oleh kepimpinan yang baik dari koperasi, itulah yang sebenarnya yang menjadikan kejayaan koperasi itu.

Setiap koperasi mempunyai isu yang tidak sama, isu yang berbeza. Isu koperasi di Perlis mungkin tidak sama masalah yang dihadapi dengan koperasi di Sabah misalnya. Oleh sebab itu, kalau ada masalah-masalah secara spesifik yang dibangkitkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat daripada ahli-ahli koperasi ini, maklumkan kepada saya, maklumkan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri dan maklumkan kami di kementerian ini isu yang menyebabkan mereka itu- menyebabkan koperasi itu tidak aktif.

Ini kerana kalau ia melibatkan masalah kepimpinan, masalah seseorang, masalah ahli-ahli itu sendiri yang sentiasa bergaduh dan tidak mampu menyelesaikan masalah dalaman koperasi itu. Sejauh mana sekali pun dasar program bantuan yang disediakan, peruntukan yang tersedia untuk mereka mohon, kalau ada masalah yang tidak boleh diselesaikan di peringkat koperasi, maka sudah tentu ia susah untuk dibangunkan. Lebih baik kita fokus tenaga untuk membantu koperasi-koperasi yang masih boleh diselamatkan. Koperasi aktif sedia ada yang boleh dibangunkan untuk terus berkembang dan menjadi inspirasi kepada koperasi lain.

Akan tetapi, saya juga dan kami sentiasa komited antara lainnya untuk menghidupkan semula koperasi-koperasi tidak aktif yang masih boleh diselamatkan. Akan tetapi, harus kita akui memang ada koperasi yang tidak boleh diselamatkan langsung kerana antara lainnya mereka berhijrah berpindah ke tempat lain dan sudah tidak ada ahli itu duduk di kampung itu atau di daerah itu, atau pun di pekan itu. Antara lain yang menyebabkan koperasi itu terpaksa dibubarkan. Ini kita tidak dapat bantu, lebih baik kita bubarkan koperasi yang sebegini daripada kita masih *maintain* dia dalam sistem dan menjadikan senarai tidak aktif itu sentiasa ada.

Lebih baik untuk kementerian ini, Suruhanjaya Koperasi fokus kepada koperasi-koperasi yang boleh dibangunkan termasuk koperasi-koperasi baharu tadi, koperasi belia, koperasi wanita yang mempunyai semangat dan keinginan untuk membangunkan keusahawanan melalui gerakan koperasi. Buat koperasi *teaching*, kita bantu, kita sokong dan mudah-mudahan mereka boleh jadi contoh kejayaan.

Sekian, Tuan Yang di-Pertua. Saya telah berjanji untuk memberi ruang sekiranya masih belum dijawab, saya ingin memberi ruang ini kepada Ahli Yang Berhormat.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang menggunakan masa yang sangat panjang untuk buat penjelasan dan penerangan.

Tadi Yang Berhormat Menteri mengatakan kelayakan atau syarat bagi ahli-ahli lembaga itu memang sudah jelasnya telah dinyatakan. Saya hendak tanya, adakah selepas pelantikan itu, latar belakang, kelayakan ahli lembaga itu atau ketua pegawai eksekutif itu akan dipamerkan di *website* atau tidak. Ini kerana tadi saya pergi ke Suruhanjaya Koperasi Malaysia, / nampak sedikit mengenai ahli-ahli lembaga. Jangan kata latar belakang, gambar pun tidak ada. Macam mana kita buat penilaian? Ini soalan yang pertama.

Kedua, kemungkinan Yang Berhormat Menteri salah faham. Tadi / katakan jangan mengadakan lantikan politik, ini bukan daripada saya. Ini adalah daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang ke-10 sebelum PRU-15. Dia katakan tidak ada lantikan politik akan diadakan jika dia jadi Perdana Menteri. Oleh itu, jangan salah faham, Yang Berhormat Menteri.

Seterusnya mengenai UKKM, / hendak tanya, tadi Yang Berhormat Menteri katakan UKKM itu bukan IPTA. Maksudnya UKKM itu IPTS, betulkah? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri.

■1640

Datuk Ewon Benedick: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Senator. Saya hargai pandangan. Kalau perlu diletak gambar, boleh letak gambar. Akan tetapi gambar itu tidak semata-mata. Kalau kita letak gambar macam mana cantik sekali pun. Saya lebih yakin kepada prestasi. Bukan cara kita memberi *presentation* dalam satu-satu *website* tetapi saya menghargai pandangan ini dan pegawai-pegawai kementerian dan Suruhanjaya Koperasi ada di sini. Akan tetapi tidak semata-mata itu sahaja.

Saya percaya kepada prestasi. Kalau selepas dilantik, mereka ini kalau masih ada isunya tidak dapat *perform*, tidak memenuhi ekspektasi pelantikan ini, maka Dewan ini, Ahli-ahli Yang Berhormat termasuk ahli-ahli pentadbiran boleh mempertimbangkan untuk menamatkan. Itu sebab kita guna, buat *provation* itu. Ada klausa untuk menamatkan tanpa memberi sebab. Oleh sebabnya tidak *perform*-lah tetapi tidak akan lah kita perlu *mention* tidak *perform* sebab ditamatkan.

Pada saya wajar, yang penting dia sudah tahu inilah kuasa Menteri dan akan digunakan sebagai peringatan. Selepas dilantik kena *perform*, memenuhi ekspektasi kerajaan, memenuhi ekspektasi kementerian, memenuhi ekspektasi Ahli-ahli Yang Berhormat, memenuhi ekspektasi gerakan koperasi di seluruh negara. Mungkin ada satu, dua perkara yang tidak sempat saya sebutkan di sini. Sekiranya ada keperluan untuk saya memanjangkan perkara ataupun jawapan secara bertulis kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang memerlukan, saya memanjangkan jawapan bertulis, sila datang semula kepada saya. Saya bersedia. Ini kerana saya berhasrat untuk memberi penjelasan yang terkait dengan pindaan kita tadi. Itu pengasingan kuasa dan juga kuasa-kuasa Menteri. Itu sahaja.

UKKM bertaraf IPTS yang didaftarkan di bawah Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996. Jadi dia merupakan IPTS yang dimiliki oleh antaranya kita mengalu-alukan konsortium ataupun gerakan koperasi membina konsortium untuk memiliki saham dalam koperasi ini. Ini sesuatu yang baik.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, sekianlah penjelasan saya atas perbahasan-perbahasan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sebentar tadi. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini akan dibacakan kali kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

[Fasal-fasal 1 hingga 16 diperintahkan menjadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi (Puan Saraswathy a/p Kandasami) dan diluluskan]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG TENAGA BOLEH BAHARU (PINDAAN) 2023

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.46 ptg.

Timbalan Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim [Dato' Sri Huang Tiong Sii]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Tenaga Boleh Baharu 2011 dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Dewan yang dihormati. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Skim Tarif Galakan- *Feed-in Tariff* telah diperkenalkan pada tahun 2011 bagi merencanakan perkembangan dan pembangunan industri tenaga boleh baharu (TBB)

negara. Akta Tenaga Boleh Baharu [Akta 725] telah digubal serta diwartakan pada 2 Jun 2011 bagi menyediakan suatu kerangka perundangan untuk mengawal selia pelaksanaan mekanisme ini di Semenanjung Malaysia dan di negeri Sabah.

Selaras dengan komitmen kerajaan untuk menyemak semula pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 berkaitan hak serta kuasa autonomi yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan Persekutuan pada Sabah dan Sarawak. Salah satu perkara yang telah dikenal pasti iaitu penyerahan kuasa pembekalan elektrik di negeri Sabah yang pada masa ini di bawah tanggungjawab Kerajaan Persekutuan.

Penyerahan kuasa pembekalan elektrik kepada Kerajaan Negeri Sabah ini, akan turut melibatkan perihal berkaitan aspek pembekalan elektrik daripada sumber TBB di bawah mekanisme FiT Akta 725 melalui penguatkuasaan yang berguna bagi di Semenanjung Malaysia dan Sabah. Oleh yang demikian, sekiranya kerajaan memutuskan untuk menyerahkan kuasa autonomi pembekalan elektrik kepada Kerajaan Negeri Sabah, Akta 725 juga perlu digantung pemakaiannya di negeri Sabah supaya proses penyerahan kuasa untuk pembekalan elektrik termasuk daripada sumber TBB dapat dilaksanakan dengan teratur tanpa menumpukan implikasi terhadap aspek perundangan kelak.

Namun demikian pada masa ini, Akta 725 tidak mengandungi peruntukan yang membolehkan pemakaian akta ini digantung di mana-mana bahagian di Malaysia. Oleh itu, pindaan ke atas akta ini perlu dilakukan bagi memasukkan peruntukan tersebut agar proses dan urusan penyerahan kuasa tersebut boleh dilakukan sekiranya keputusan telah ditetapkan kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan yang dihormati, pindaan yang saya cadangkan ini adalah ringkas dan *straight forward*, dengan izin. Pindaan ini melibatkan dua fasal sahaja iaitu: pertama, fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan tentang permulaan kuat kuasa akta; dan kedua, fasal 2 pula bertujuan untuk meminda seksyen 1, Akta 725 dengan memasukkan subseksyen baharu iaitu subseksyen 3 untuk memberi Menteri kuasa untuk menggantung kuat kuasa keseluruhan, atau mana-mana peruntukan Akta 725 di bahagian-bahagian yang berlainan di Malaysia.

■1650

Pindaan-pindaan lain yang tidak saya nyatakan secara khusus di sini adalah merupakan pindaan kecil bersifat editorial atau berbangkit, *consequential in nature*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan yang dihormati, demikianlah rang undang-undang yang dikemukakan ini. Saya yakin rang undang-undang ini akan dapat memantapkan lagi tadbir urus akta ini serta memastikan proses penyerahan pembekalan kuasa elektrik kepada Kerajaan Negeri Sabah terutamanya yang melibatkan sumber tenaga boleh baharu dapat dilakukan dengan lancar dan teratur.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Puan Saraswathy a/p Kandasami]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis iaitu suatu akta untuk meminda Akta Tenaga Boleh Baharu 2011 dibacakan kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

Walaupun tadi Yang Berhormat Menteri kata akta ini pendek sahaja tetapi di hadapan saya ada seramai 16 orang Ahli yang hendak berbahas. Maka, saya buat ketetapan bahawa saya hendak habiskan pada jam 5.30 petang ini dan kita sambung esok ya. Masa yang diberikan kepada pembahas 7 minit seorang. Boleh ya?

Seorang Ahli: Boleh.

Timbalan Yang di-Pertua: Jadi, dengan ini saya menjemput pembahas pertama iaitu Yang Berhormat Dato' Haji Husain bin Awang untuk memulakan perbahasan.

4.52 ptg.

Dato' Haji Husain bin Awang: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Pertama, terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Tenaga Boleh Baharu (Pindaan) 2023 pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, sumber tenaga merupakan satu cabaran yang perlu dititik beratkan dan perlu digunakan secara berhemat dan bijaksana kerana ia melibatkan kemaslahatan rakyat dan kemakmuran negara. Malaysia yang kaya dengan pelbagai sumber tenaga semula jadi tanpa disedari sudah berdekat lamanya bergantung pada sumber arang batu untuk menjana elektrik di seluruh negara.

Kita sedia maklum sumber arang batu ini kebanyakannya diimport dari Indonesia dan Australia. Sudah tiba masanya negara kita secara proaktif bergerak seiring dengan kemajuan teknologi ketika ini untuk menggembeleng usaha dalam mempertingkatkan penggunaan tenaga boleh baharu (TBB) dalam negara. Sama ada di peringkat kerajaan, industri, komersial mahupun domestik, selaras dengan usaha mencapai matlamat sifar karbon pada 2050.

Tenaga hijau yang diperoleh secara semula jadi merupakan aset strategik dan amat bernilai kepada negara. Tenaga hijau seperti tenaga solar, tenaga hidro, tenaga angin dan sebagainya amat penting untuk masa hadapan negara dan generasi akan datang. Sepatutnya kerajaan komited dalam membangunkan dan memperluaskan aplikasi tenaga hijau dalam negara seperti mana dasar yang dilakukan kerajaan terdahulu, yang tidak

mengeksport tenaga boleh baharu yang dihasilkan. Sebaliknya digunakan untuk menarik lebih ramai kedatangan pelabur ke negara ini.

TBB seperti solar, gas dan sebagainya merupakan pilihan dan rebutan oleh pelabur luar dalam negara ini. Kerajaan sepatutnya boleh menggunakan semaksimum yang mungkin peluang ini agar dapat dibangunkan dalam negara ini. Saya yakin dengan pembangunan industri TBB negara sudah pasti dapat membuka peluang pekerjaan yang besar kepada rakyat, selain meningkatkan pendapatan industri tempatan.

Kerajaan sekarang sepatutnya tidak melihat keuntungan ekonomi semata-mata dalam membuat pembatalan larangan eksport tenaga boleh baharu secara keseluruhannya. Ia perlu dikaji dan memerlukan pandangan daripada pakar-pakar yang berautoriti dalam bab ini. Kita bimbang dalam negara begitu ghairah mempromosikan eksport tenaga boleh baharu ke luar negara. Hak rakyat untuk menikmati pembangunan industri tenaga boleh baharu akan terabai pada masa akan datang ini.

Tuan Yang di-Pertua, sejak kebelakangan ini terutama bulan Mei lepas ramai rakyat terutama golongan B40 dan M40 yang mengeluh berkaitan bil elektrik yang melambung tinggi sehingga dua hingga tiga kali- ganda daripada bil kebiasaan. Sedangkan ada kalangan mereka yang tidak menggunakan penyaman udara. Ada yang telah membuat aduan sama ada di Pejabat TNB, e-mel dan sebagainya.

Namun begitu, penyelesaian yang tuntas tidak dapat diselesaikan. Oleh itu, saya ingin mengetahui apakah punca sebenar hal elektrik boleh naik dan sejauh mana alternatif penjimatan elektrik ketika musim panas atau ketika musim cuaca panas ini benar-benar dapat memberi manfaat kepada rakyat.

Dalam keadaan rakyat yang sedang menghadapi kesukaran kos sara hidup yang tinggi terutama di kawasan bandar-bandar, apakah usaha kerajaan dalam meneliti permasalahan ini dan mencari penyelesaian yang komprehensif agar bulan ini dan akan datang bil elektrik tidak terus naik mendadak sehingga memberi tekanan hidup kepada rakyat?

Tuan Yang di-Pertua, sekadar itu sahaja ucapan saya pada hari ini. Sekian, *wabillahitaufik wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Sekarang saya jemput Yang Berhormat Dato' Kesavadas a/l A. Achuthan Nair.

4.58 ptg

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk berbahas.

Pembinaan Ladang Solar Berskala Besar (LSS) di Bukit Selambau merupakan bukti bahawa negara kita berkeupayaan untuk membangunkan stesen jana tenaga boleh baharu

bagi penggunaan berskala besar. Usaha tersebut wajar dijadikan sebagai dorongan kepada kerajaan untuk menumpukan pembinaan stesen lama tenaga guna boleh baharu di seluruh negara terutamanya di negeri Sabah yang akan diberi autonomi untuk menguruskan hal ehwal bekalan elektrik dan tenaga boleh baharu.

Menerusi kemampuan LLS Bukit Selambau menjana 150 ribu megawatt per jam yang melibatkan pemasangan 134,880 buah- panel solar fotovoltai ladang solar yang dibangunkan oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB) tersebut seharusnya dijadikan sebagai modal terbaik dalam menjayakan aspirasi kerajaan untuk memperluaskan penggunaan tenaga boleh baharu di negeri Sabah.

Saya berpendirian bahawa hasrat tersebut hanya akan boleh direalisasikan secara progresif sekiranya kerajaan mampu menarik pelaburan baharu yang boleh menyokong pelan pembangunan stesen fotovoltai bagi kegunaan umum khususnya rumah rakyat. Merujuk kepada kenyataan Pengarah Urusan TNB Renewables Sdn. Bhd., kapasiti tenaga solar yang dijana oleh Ladang Solar di Bukit Selambau tersebut berupaya menampung penggunaan tenaga bagi 30,000 buah rumah.

■1700

Keupayaan jana tenaga solar sebegitu amat diperlukan oleh sesebuah stesen tenaga solar yang akan dibangunkan di negeri Sabah pada tahun-tahun mendatang. Jadi, tidak hairanlah mengapa kerajaan menyasarkan pelaburan baharu dengan nilai sekitar RM637 bilion bagi meningkatkan kapasiti tenaga boleh baharu di negara ini menjelang tahun 2050.

Berhubung dengan perihal tersebut, saya ingin membangkitkan tiga persoalan kepada Yang Berhormat Menteri. Pertama, sejauh mana pembinaan ladang solar yang berkonsepkan...

Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya: Mohon menceleh Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: LSS, bagi saya habis dulu.

Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya: Tidak sekejap, sekejap, sekejap Yang Berhormat Senator. Wakil daripada kerajaan ini tidak ada? Kita bercakap ini siapa yang datang?

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Pegawai ada, pegawai ada.

Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya: Pegawai dekat belakang ini tetapi Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak ada, jadi macam mana?

Timbalan Yang di-Pertua: Bentara, cepat-cepat panggil Pegawai, Yang Berhormat Menteri, masuk.

Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya: Ya, kena maklumkan.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: So, macam mana, nak / sambung kah?

Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya: Ha, ini... *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua: *[Ketawa]* Tidak, pembahas kena bagi izin dahulu baru cakap... *[Ketawa]*

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: *Because* biasanya kalau Yang Berhormat Menteri tiada, pegawai ada.

Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya: Itulah pembahas, pembahasnya barangkali tidak nampak Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Timbalan Menteri tiada. Dia bercakap minta perhatian Menteri. Menteri pun tidak ada. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua: Tidak apa.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: *[Ketawa]* Terima kasih Yang Berhormat Senator Wilayah.

Timbalan Yang di-Pertua: Okey, Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair, teruskan.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: *[Ketawa]* Okey, ini *injury time* Tuan Yang di-Pertua.

Seorang Ahli: Seorang pun tiada.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Berhubung dengan perihal tersebut, saya ingin membangkitkan tiga persoalan kepada Yang Berhormat Menteri. Pertama, sejauh mana pembinaan ladang solar yang berkonsepkan LSS berupaya mengurangkan kebergantungan penduduk setempat terhadap penggunaan tenaga elektrik dalam rutin kehidupan mereka.

Kedua, anggaran bagi kadar penjimatan bil tenaga yang boleh dinikmati oleh isi rumah sekiranya model LSS Bukit Selambau tersebut diguna pakai dalam pembinaan stesen jana solar di kawasan-kawasan luar bandar di negeri Sabah.

Ketiga, apa bentuk kerjasama awam, swasta yang sedang dilaksanakan secara meluas bagi merealisasikan secara berfasa penggunaan tenaga solar untuk digunakan kegunaan rumah terutamanya di negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, cuaca panas yang melanda negara kita hari ini turut mengundang kesan domino kepada kadar penggunaan tenaga elektrik bagi penghawa dingin di rumah. Peningkatan kadar guna tenaga elektrik oleh rakyat akan memberi kesan kepada mereka yang terpaksa mengguna bil elektrik yang kian meningkat.

Secara prinsipnya saya menyambut baik pelan hala tuju dan Dasar Perdagangan Tenaga Boleh Baharu yang diperkenalkan oleh Kementerian Ekonomi dengan kerjasama Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim. Pelan serta dasar yang direncanakan tersebut mampu mendorong kerajaan untuk melaksanakan dengan segera pembinaan stesen jana tenaga boleh baharu seperti solar yang boleh mengurangkan kebergantungan rakyat terhadap penggunaan tenaga elektrik.

Selain mempercepat pemasangan panel solar di bangunan-bangunan kerajaan yang dikatakan menelan belanja sekitar RM50 juta. Kementerian juga seharusnya menumpukan pembinaan stesen fotovoltai berskala besar di kawasan-kawasan desa yang diduduki oleh rakyat yang berpendapatan rendah.

Seiring dengan semangat perpaduan yang diterapkan oleh Kerajaan Malaysia Madani hari ini, saya menyarankan agar sinergi antara Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan dengan Kerajaan Negeri Sabah dapat diwujudkan untuk mengenal pasti projek-projek perumahan rakyat di negeri Borneo tersebut yang berpotensi untuk dibangunkan dengan stesen jana solar.

Inisiatif tersebut berupaya menarik minat pelabur-pelabur asing untuk melabur dalam sektor tenaga boleh baharu di negara ini. Kerancangan pelaburan asing dalam pembinaan stesen jana tenaga boleh baharu berupaya mendorong lebih banyak pemaju perumahan untuk membina rumah-rumah rakyat yang mengutamakan penggunaan tenaga boleh baharu. Konsep pembinaan perumahan sebegitu secara tidak langsung akan meningkatkan kecenderungan pembeli rumah pertama kali dalam kalangan rakyat yang berpendapatan rendah untuk membeli rumah yang dibangunkan bersama dengan kemudahan jana tenaga boleh baharu.

Kerisauan rakyat terhadap ketidakpastian tarif elektrik dapat diredakan secara berperingkat sekiranya pembinaan stesen solar yang efisien dapat ditumpukan di kawasan-kawasan perumahan rakyat di negeri Sabah.

Sekiranya ia dapat dilaksanakan menerusi penelitian kerajaan terhadap kos dan manfaat bagi jangka masa panjang, amalan penggunaan tenaga solar di rumah akan dapat diperluaskan di setiap daerah di negeri tersebut. Peluasan itu mampu menjayakan visi negara untuk mencapai sifat karbon pada tahun 2050. Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja perbincangan saya, saya mohon menyokong.

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Pegawai-pegawai kementerian, Menteri mana? Nanti Datuk Hisamudin tanya lagi. Tidak mengapa, kita teruskan dengan perbincangan sambil kita tunggu kehadiran Menteri.

Sekarang saya jemput Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof untuk berbincang.

5.06 ptg.

Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, saya boleh teruskan ya, walau tanpa Yang Berhormat Menteri ya?

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: Pegawai ada. Nanti dia maklum kepada Menteri...
[Ketawa]

Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof: So, itu *stern warning* sebenarnya. Nanti *warning*. Terima kasih kerana meng-*highlight*-kan benda itu. Baik Tuan Yang di-Pertua, saya walaupun dari sudut pindaan ini terlalu kerdil dan kecil kerana ia hanya melibatkan satu seksyen sahaja, tetapi saya kira dari sudut kesan akta ini kepada keseluruhan polisi *zero carbon* ini sangat besar.

Jadi, *greenhouse gas emission* ini merupakan satu masalah yang mana penyumbang terbesar kepada *greenhouse gas emission* ini adalah daripada fosil yang kita guna sekarang ini. *Greenhouse gas emission* in adalah *from human activities, contributing*, dengan izin, *to climate change. Most carbon dioxide from burning fuel fossil, coal, oil, and natural gas. So, I think the whole issue here is* bukan sahaja tentang pindaan tetapi *the impact of this act* atau kesan kepada akta ini sangat-sangat penting.

Oleh sebab itu, dalam hal ini saya ingin bertanya kepada pihak kementerian tentang apa yang dinamakan sebagai pelan dan Dasar Tenaga Boleh Baharu Kebangsaan (NREPAP). Apakah telah tercapai matlamat dasar TBB ini melalui pelan yang sebutkan tadi? Mohon jawapan. Kedua adalah sejauh mana TBB ini telah dapat disalurkan ke dalam grid nasional? Sejauh mana dah masuk ke dalam grid nasional TBB ini? Seterusnya, macam mana *income* ataupun kewangan kumpulan wang tenaga boleh baharu ini yang dikutip daripada penggunaan elektrik. Apakah tercapai hasrat tersebut?

Seterusnya, saya juga ingin menarik perhatian Dewan kepada permasalahan besar yang kita hadapi dalam Akta Tenaga Boleh Baharu ini ialah berkenaan dengan kesedaran awam, Tuan Yang di-Pertua. Orang awam masih belum sedar tentang wujudnya program ini bahkan mereka tidak tahu menahu pun setelah dibuat satu kajian terhadap beberapa orang responden. Sejumlah 77 peratus berpandangan bahawa penggunaan TBB di Malaysia ini masih belum meluas dan ada yang belum tahu.

Kedua ialah program *Feed-In Tariff* ini. Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, pegawai-pegawai itu sila catit ya. Pencapaian penjanaan TBB daripada program FiT 2017 hingga 2020 adalah sangat rendah. Antara 65.7 persen hingga 69.8 persen berbanding sasaran prestasi minimum yang ditetapkan. Maknanya tidak capai kepada maksud atau tujuan pencapaian penjanaan TBB. Saya mohon penjelasan kerana ini sangat penting kalau kita betul-betul nak pergi kepada *renewable energy*.

■1710

Seterusnya, kita juga berhadapan dengan masalah teknikal di mana berlakunya kekurangan bekalan bahan *feedstock* daripada *wood chips*. *Wood chips* ini merupakan bahan yang digunakan untuk memanaskan solar itu, didapati bahawa kekurangan bekalan antara 29 hingga 98 persen berbanding dengan keperluan sebenar. Apakah telah selesai masalah tersebut? *I mean, just imagine* kalau *you* kata *you* hendak buat satu program besar *renewable energy and we having a problem with* dia punya *feedstock* yang merupa

apa itu? *Wood chips* dia yang *very obvious*. *So how can*, macam mana kita hendak bercakap hendak capai satu visi yang besar kalau benda yang *simple* itu pun kita tidak dapat capai. Saya ambil maklumat ini semua ini daripada laporan audit ya, bukan saya reka.

Begitu juga dengan satu penggunaan yang paling penting Tuan Yang di-Pertua iaitu fotovolt. Dalam Program Mysuria, baki peralatan fotovolt di bawah Program Mysuria bernilai RM16.77 juta masih belum digunakan. Disimpan dalam stor sejak Disember 2018. So, bagaimana kita hendak capai satu matlamat yang besar kalau kita ada masalah membazirkan satu- alat yang sangat penting iaitu fotovolt suria ini.

Kedua ialah berlaku pembaziran sebahagian besar komponen peralatan fotovolt suria ini berjumlah RM95 juta, tidak dapat digunakan. *Simple reason being* tidak sesuai dengan cadangan lokasi pemasangan yang baharu. *I think this is a waste of private money, I mean public money*. Ini satu kerugian kepada dana awam yang saya minta kita betul-betul dapat pastikan tidak lagi berlaku perkara-perkara yang telah dibangkitkan sebentar tadi.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengingatkan bahawa program tenaga boleh baharu ini tidak hanya tertumpu kepada kementerian tetapi dia mesti *across all agencies*. Ini termasuklah kita kata kerajaan tempatan, kerajaan negeri. Tadi sahabat saya menyebut tentang skala besar-besaran sistem solar yang kita hendak pasang. Akan tetapi bagaimana pula kalau di negeri kalau kita hendak buat program itu, dia akan ada masalah negeri dan sebagainya. Kalau negeri kata kami tidak mahu buat, kami hendak buat untuk pertanian.

So, we don't care about the solar thing. So, this are the problem yang selama saya duduk Parlimen tiga penggal ini bersama dengan Tuan Yang di-Pertua, itulah soalan-soalan dia.

Kita ada satu program besar tetapi kita ada *problem* bila kita hendak *implement* di bawah. So bagi saya, itu perlu diambil kira walaupun Yang Berhormat Menteri tidak ada dalam, saya agak kecewa juga sebab perkara-perkara yang besar kita bawa ini sangat relevan kalau benar-benar kita hendak menjayakan Akta Tenaga Boleh Baharu ini. Saya akhiri sebagai tanggungjawab saya seperti biasa, mengingatkan kepada Dewan bahawa tenaga boleh baharu ini merupakan jalan untuk kita selamatkan alam ini dan kita tahu alam ini sudah rosak di daratan dan juga di lautan kerana *human* punya sebab.

Maka, saya ingatkan dengan firman Allah SWT dalam Surah Ar-Rum ayat 41... *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* iaitu "*Telah nampak kerosakan di daratan dan lautan atas sebab tangan-tangan manusia, dan dengan itu semoga mereka kembali sedar bahawa mereka telah merosakkan alam sekitar ini*". Oleh iaitu, tenaga boleh baharu bukan perkara kecil. Walaupun pindaannya hanya satu seksyen tetapi impaknya sangat besar untuk kita selamatkan alam yang satu-satunya yang kita ada. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Hujah dan pengalaman daripada seorang bekas Menteri, hujah yang berilmiah tinggi. Pegawai-pegawai kementerian, bagi tahu kepada Yang Berhormat Menteri, rugi tidak dengar perbahasan daripada Yang Berhormat Senator Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof tadi. Terima kasih sekali lagi.

Saya ingin menjemput Yang Berhormat Dato' Sivaraj a/l Chandran.

5.04 ptg.

Dato' Sivaraj a/l Chandran: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum itu saya bagi pihak Senator-senator ingin merakamkan rasa kecewa terhadap Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat Timbalan Menteri, seolah-olah mereka tidak menghormati atau memberi kepentingan kepada Dewan Negara dan Ahli-ahli Senator... *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Tenaga Boleh Baharu (Pindaan) 2023 yang berlangsung pada petang ini. Terlebih dahulu Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim atas rang undang-undang ini. Berhubung rang undang-undang ini, saya ingin membawa kepada perhatian Yang Berhormat Menteri berkenaan beberapa perkara yang saya fikir perlu dijelaskan di Dewan yang mulia ini.

Pertamanya adalah berhubung pindaan pada seksyen 1, Akta Tenaga Boleh Baharu 2011 yang kini membawa maksud "*Menteri boleh melalui perintah yang disiarkan dalam warta, menggantung kuat kuasa keseluruhan atau mana-mana peruntukan akta ini di bahagian-bahagian yang berlainan di Malaysia*". Walaupun saya sedar bahawa pindaan ini bertujuan untuk mengembalikan kuasa kawal selia elektrik kepada wilayah Sabah selaras dengan pendirian kerajaan untuk mengembalikan autonomi wilayah Sabah, saya merasakan pindaan ini cukup luas dan malah, seolah-olah memberi kuasa yang tidak terhad kepada Yang Berhormat Menteri.

Jadi atas pertimbangan ini, saya mohon kepada Yang Berhormat Menteri untuk menjelaskan komitmen daripada pihak kementerian agar pindaan ini di tempat-tempat lain melainkan wilayah Sabah. Saya fikir adalah penting untuk kita rekodkan komitmen pihak kementerian di Dewan yang mulia ini agar tidak ada sebarang salah guna kuasa yang mungkin berlaku pada masa-masa yang akan datang.

Kedua Tuan Yang di-Pertua, dengan lulusnya rang undang-undang ini, kita akan kembalikan kuasa untuk mengawal selia elektrik kepada wilayah Sabah secara sepenuhnya. Dalam konteks ini, saya ada beberapa soalan yang saya ingin ajukan kepada pihak kementerian. Apakah tahap persediaan terutamanya di wilayah Sabah berada di tahap yang optimum untuk meneruskan aktiviti kawal selia elektrik secara autonomi sejurus selepas rang undang-undang ini diluluskan? Adakah kita boleh pastikan bahawa rakyat

terutamanya di wilayah Sabah, tidak akan terganggu bekalan elektrik akibat kekurangan persediaan selepas rang undang-undang ini diamalkan?

Keduanya, bagaimanakah pihak kementerian akan berusaha untuk memastikan wujud persefahaman terutamanya daripada aspek dasar berkaitan dengan tenaga boleh baharu di peringkat Persekutuan dan peringkat wilayah Sabah? Bagaimanakah kita hendak wujudkan penyelarasan yang lebih tersusun? Memandangkan tenaga merupakan sebuah industri yang cukup besar terutamanya daripada aspek kewangan, apa kepastian bahawa wilayah ataupun negeri-negeri lain tidak akan menggunakan pindaan pada akta ini sebagai *political leverage*, dengan izin, untuk memberikan tekanan politik supaya kuasa kawal selia elektrik dikembalikan kepada mereka?

Saya berharap pihak kementerian akan memberi penjelasan yang sewajarnya terhadap beberapa persoalan berhubung rang undang-undang ini yang saya telah bangkitkan melalui perbahasan kali ini.

Dengan ini Tuan Yang di-Pertua, saya memohon menyokong Rang Undang-undang Tenaga Boleh Baharu (Pindaan) 2023. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Sivaraj a/l Chandran. Sekali lagi saya ingatkan pegawai kementerian ya, seorang lagi Ahli Dewan Negara yang kecewa dengan ketidakhadiran Yang Berhormat Menteri atau Yang Berhormat Timbalan Menteri daripada kementerian yang begitu penting dalam mengatasi masalah *climate change* dan macam-macam lagi isu yang membelenggu rakyat.

Seterusnya, saya ingin menjemput Yang Berhormat Senator Datuk Judiet binti Fidilis @ Noraini binti Idris untuk membahaskan.

5.04 ptg.

Datuk Judiet binti Fidilis @ Noraini binti Idris: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya ruang dan peluang untuk bersama-sama mengambil bahagian dalam membahaskan Rang Undang-undang Tenaga Boleh Baharu (Pindaan) 2023.

Walaupun saya dari Sabah tetapi saya rasa mungkin Yang Berhormat Menteri dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri dia mengikuti daripada *live* ataupun *YouTube*...
[Ketawa]

Seorang Ahli: Ada orang bela.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada juga Ahli Dewan Negara yang bela ya... [Ketawa]

Datuk Judiet binti Fidilis @ Noraini binti Idris: Pindaan yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri sebentar tadi merupakan pindaan penting kerana dengan kuasa yang diberikan kepada Yang Berhormat Menteri melalui perintah yang disiarkan dalam warta boleh menggantung penguatkuasaan keseluruhan atau mana-mana peruntukan Akta

Tenaga Boleh Baharu 2011 ini akan memberikan lampu hijau dan seterusnya, membuka ruang kepada penyerahan kuasa autonomi iaitu kuasa kawal selia bekalan elektrik dan tenaga boleh baharu di Sabah yang pada masa kini di bawah seliaan Kerajaan Persekutuan, diserahkan kepada Kerajaan Negeri Sabah sepenuhnya. Sudah tentu warga negeri Sabah menyambut baik akan pindaan ini.

■1720

Langkah penyerahan kuasa kawal selia bekalan elektrik dan tenaga boleh baharu di Sabah kepada Kerajaan Negeri Sabah juga membuktikan komitmen Kerajaan Persekutuan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk memenuhi terma Perjanjian Malaysia 1963 (MA63).

Dengan penyerahan kuasa kawal selia pembekalan elektrik kepada Kerajaan Negeri Sabah, saya difahamkan di peringkat negeri Sabah akan ada dua enakmen iaitu Enakmen Bekalan elektrik dan Enakmen Tenaga Boleh Diperbaharui serta pindaan kepada Enakmen Suruhanjaya Tenaga Sabah 2023. Kemasukan fungsi kawal selia bekalan elektrik dan tenaga boleh diperbaharui bakal dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Sabah pada awal tahun hadapan.

Kerajaan Sabah sedar akan kepentingan meningkatkan penggunaan tenaga boleh baharu dalam menyokong inisiatif neutral karbon negara, dan potensi tenaga solar yang tinggi di Sabah. Atas dasar ini, Kerajaan Negeri Sabah berhasrat akan menambah kapasiti solar berskala besar sebanyak 100 megawatt pada tahun 2026 yang dirancang untuk ditempatkan di Pantai Timur Sabah melalui Projek Talian Penghantaran *Southern Link* (TPSL).

Menjadi harapan Kerajaan Negeri Sabah dan rakyat Sabah tentunya memandangkan loji jana kuasa hidro elektrik berpotensi untuk meningkatkan kapasiti tenaga boleh diperbaharui, Projek *Southern Link* ini mestilah dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan dengan memperuntukkan pembiayaan melalui geran. Ini kerana ia merupakan projek kemudahan awam agar kuasa daripada dua stesen hidro elektrik baharu dalam projek ini dapat disalurkan kepada pengguna melalui grid negeri.

Projek ini apabila siap akan dapat menjana kapasiti elektrik yang lebih tinggi kepada semua pengguna termasuk industri besar di negeri Sabah. Dengan terlaksananya projek ini juga diharapkan tidak ada lagilah keluhan daripada warga Sabah, kenapa dalam setiap bulan paling kurangnya dua kali akan mengalami *blackout* sampaikan ada gelaran kepada SESB atau 'Sabah Electricity Selalu *Blackout*'.

Jadi, ini bukan sahaja berlaku di pekan kecil tetapi juga di Bandaraya Kota Kinabalu. Jadi, di sebalik usaha Kerajaan Negeri Sabah ini, segala persoalan berkaitan pelan jangka masa pendek dan panjang melalui kementerian di peringkat Persekutuan yang menyentuh aspek termasuklah dari sudut mekanisme pelaksanaan, kemahiran, pembangunan

teknologi dan modal insan termasuk kepakaran misalnya dapat terus diperkasakan dari semasa ke semasa dan hendaklah juga melibatkan negeri Sabah. Ia agar Sabah tidak ketinggalan di belakang, melibatkan aspek libat urus dan pembangunan tenaga khususnya. Jadi, semoga usaha ini akan dapat memberikan manfaat kepada semua pihak. Sekian, sahaja daripada saya. Saya dengan ini mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Berkat perbincangan Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri pun timbul di Dewan. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Memang Ahli-ahli Yang Berhormat mengharapkan kehadiran Yang Berhormat Menteri.

Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Tuan Aklan a/l Ehtook.

5.23 ptg.

Tuan Aklan a/l Ehtook: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk perbincangan petang ini saya pun tak naklah orang kata tambah garam pada luka. Selamat datang Yang Berhormat Menteri.

Bercakap tentang tenaga diperbaharui, pertama sekali kita tengok matahari selain daripada air dan juga angin. Akan tetapi kesan kepada pembinaan *solar farm*, ladang solar secara besar-besaran ini terutama di sebelah Kedah, banyak di Kedah. Orang kampung sekitar itu mengalami kesan cuaca yang teruk.

Ini kerana sambil kita menyerap solar dari matahari, ia mengeluarkan haba yang tinggi di persekitaran itu. Jadi, saya harap dalam merancang dan meluluskan ladang solar ini, kementerian dan kerajaan dapat mempertimbangkan kesan sampingan kepada penduduk sekitar. Ini kerana kita khuatir yang dapat *benefits*, keuntungan pada pihak lain tetapi orang sekitar itu dapat kesannya. Sama juga dengan empangan hidro dan sebagainya yang kesannya kepada sekitarnya tetapi mereka tidak dapat faedah daripada perkara tersebut.

Satu perkara lagi yang kita boleh lihat ialah tentang kereta elektrik. Ini kerana kereta elektrik itu cekap, bersih tetapi adakah kita ada insentif yang cukup untuk menarik minat lebih ramai untuk menggunakan kereta elektrik? Ini kerana rata-rata kita dapati kereta elektrik itu mahal. Kalau ia cukup menarik saya rasa semua orang pakai. Akan tetapi ia menjadi sesuatu yang sukar dicapai oleh orang-orang biasa.

Kita dengan gahnya mengatakan bahawa kereta elektrik itu adalah *carbon free*, dengan izin, tetapi padalannya untuk mengecas kereta tersebut, kita menggunakan tenaga elektrik, menggunakan arang batu dan juga gas. Itu adalah sebahagian daripada karbon yang dikeluarkan, yang telah direkodkan sebagai bahasa Inggerisnya *carbon footprint* kepada kereta elektrik tersebut. Jadi, tidak wajar kita mengatakan kereta elektrik tersebut adalah *carbon free*, ataupun tidak ada karbon yang ditinggalkan.

Satu perkara lagi tentang ini. Kita tengok kalau kita jalan di Kuala Lumpur ada papan tanda Bandar Kuala Lumpur, bandar *low carbon city*, dengan izin. Jadi saya hendak tanya, apakah yang telah dibuat? Ini kerana saya dapati sepanjang setahun ini dengan adanya label tersebut, sama sahaja. Apakah yang *low carbon city*? Keretanya sama banyak. Kalau hari Ahad itu kurang sedikit *jams*. Saya datang sini pun berjam, sama juga. Jadi, apakah yang telah kerajaan buat untuk merealisasikan gimik *low carbon city* tersebut? Kalau tidak, ia akan menjadi hanya gimik semata-mata tanpa ada kesan kepada kita.

Apabila kita baca tentang strategi di bawah *low carbon city* ini, dengan izin, kita dapati bahawa ada satu elemen pembangunan komuniti rendah karbon. Saya ingin bertanya kepada kementerian, apakah inisiatif yang telah dibuat oleh kementerian bersama dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur? Apakah tindakan yang diambil untuk menghasilkan komuniti yang rendah karbon ini? Adakah kesedaran diberikan kepada orang ramai supaya mengurangkan pembuangan sampah, mengurangkan penggunaan plastik ataupun mengitar semula plastik-plastik yang digunakan?

Ini kerana program yang sebelum ini, penyisihan sampah di peringkat punca pun saya rasa masih gagal. Dahulu di negeri Selangor ada program tersebut tetapi sekarang saya rasa sudah senyap sunyi. Kita boleh baling sampah itu sekali dengan apa-apa sahaja dalam satu- beg. Sepatutnya kalau kita hendak adakan program tersebut, kesedaran di peringkat pengguna sendiri perlu diberikan agar usaha untuk menyisihkan sampah di peringkat punca itu dapat dilaksanakan. Kita menghasilkan komuniti yang *low carbon*. Jadi, saya rasa itu sahaja. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Memandangkan masa sudah hampir pukul 5.30 petang tetapi saya lihat ada dua orang pembahas di sini, selepas ini saya hendak beri peluang kepada kedua-dua ini.

Memandangkan Yang Berhormat Menteri sudah dalam Dewan ini, jadi saya jemput Yang Berhormat Tuan Abun Sui Anyit untuk berbahas.

5.28 ptg.

Tuan Abun Sui Anyit: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan rang undang-undang yang ada di hadapan kita pada hari ini yang berkaitan dengan Akta Tenaga Boleh Baharu 2011. Ya, kita di dalam negara ini sekarang memerlukan tenaga boleh baharu. Umpamanya stesen solar, angin bahkan hidro elektrik.

Jadi, berkaitan dengan rang undang-undang ini saya ingin bertanya kerana Yang Berhormat Menteri di dalam pindaan ini, dalam seksyen 1 mengatakan "*Menteri boleh melalui perintah yang disiarkan dalam warta, menggantung kuat kuasa keseluruhan atau mana-mana peruntukan akta ini di bahagian-bahagian yang berlainan di Malaysia.*"

Dengan kuasa yang ada ini nanti, apakah perkara-perkara yang boleh dikuatkuasakan ataupun yang boleh dihentikan oleh seorang Menteri ini berkaitan dengan tenaga boleh baharu ini?

■1730

Kita di dalam negara Malaysia ini, kita bersyukur kerana mempunyai matahari atau pun kedudukan kita di dalam Garisan Khatulistiwa di mana matahari itu sangat panas atau pun sesuai untuk tenaga solar. Jadi, apakah kerajaan sudah memaksimumkan penggunaan tenaga solar ini untuk penduduk di Malaysia? Jadi, berapa peratuskah stesen solar ini digunakan di Malaysia?

Saya juga ingin bertanya, berapa peratus tenaga elektrik yang boleh diperbaharui ini di Malaysia sekarang? Kalau kita melihat apa yang berlaku di dalam negara di mana nampaknya undang-undang atau pun rang undang-undang ini hanya kemungkinan diamalkan di Semenanjung kerana tak lama lagi bidang kuasa elektrik akan diserahkan pada Sabah dan sekarang ini di Sarawak, Sarawak Energy Berhad adalah pemberi ataupun penyedia tenaga elektrik di Sarawak.

Saya ingin bertanya, adakah prestasi kalau diberikan kepada negeri berbanding dengan yang dikawal oleh nasional atau pun Persekutuan. Apakah dengan penyerahan pada Sabah satu hari nanti dan Sarawak ini ada perbezaan atau pun prestasi atau pun mungkin ada persaingan sihat di kalangan penyedia-penyedia tenaga ini di negara kita? Justeru itu, saya berharap dengan adanya pindaan ini akan membantu kementerian ataupun kerajaan untuk mengawal ataupun menyediakan tenaga boleh baharu ini yang lebih berkesan lagi, yang boleh membantu rakyat terutamanya mereka yang di pedalaman kerana kadang-kadang di pedalaman ini, untuk menyampaikan atau pun untuk menyediakan perkhidmatan ini memerlukan kos yang besar.

Justeru itu, tenaga solar inilah yang sangat penting atau pun tenaga boleh baharu ini sangat penting. Walau bagaimanapun, terdapat juga konflik apabila kita ingin berusaha untuk menyediakan tenaga boleh baharu ini terutamanya berkaitan dengan tenaga empangan hidroelektrik di mana banyak kawasan atau pun tanah-tanah rakyat yang akan ditenggelamkan. Jadi, adakah mekanisme yang terbaik supaya- adakah semata-mata kerana kita ingin kononnya menyediakan tenaga yang banyak, elektrik yang banyak tetapi dalam pada masa yang sama, kita mengorbankan pihak lain sehingga mereka kehilangan harta mereka iaitu tanah mereka ditenggelami oleh takungan air yang begitu besar.

Jadi, inilah kesan yang boleh kita jangka kalau kita sangat bergantung pada perkara seperti empangan yang meliputi kawasan yang luas.

Justeru itu, saya tidak ada masalah untuk menyokong rang undang-undang ini kerana ia memberi kuasa kepada Menteri dan saya berharap Menteri akan menggunakan kuasa yang diperuntukkan ini dengan sebaik mungkin untuk kemajuan negara, untuk

kemajuan penyumbangan atau pun sumbangan tenaga elektrik boleh baharu di negara kita yang semakin lama semakin diperlukan dan semakin lama semakin banyak keperluan yang perlu kita sediakan untuk rakyat. Malah kepada kilang-kilang yang terbaru di mana apabila kita hendak mengadakan kereta elektrik seperti *Tesla* yang akan melabur di dalam negara kita memerlukan tenaga elektrik.

Justeru itu, saya sangat percaya dengan adanya kuasa Menteri untuk menyediakan tenaga elektrik yang banyak kepada industri-industri yang berasaskan elektrik ini, maka ini juga akan membantu ekonomi dan sudah tentulah membawa kebaikan kepada rakyat.

Justeru itu, saya menyokong Rang Undang-undang Tenaga Boleh Baharu (Pindaan) 2023 ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Abun.

Sekarang ini saya jemput pembahas terakhir kita pada petang ini iaitu Yang Berhormat Senator Datuk Bobbey Ah Fang Bin Suan.

5.35 ptg.

Datuk Bobbey Ah Fang Bin Suan: Terima kasih setingginya kepada Tuan Yang di-Pertua atas peluang untuk saya turut serta dalam perbahasan ini khusus berkenaan dengan pindaan Rang Undang-undang Tenaga Boleh Baharu (Pindaan) 2023. Rang undang-undang ini sangat penting kerana pindaan ini sendiri merupakan satu keperluan bagi memberi laluan kepada kerajaan Wilayah Sabah untuk mentadbir dan menyelia pembangunan perkembangan tenaga elektrik di Sabah.

Isu bekalan tenaga elektrik di Sabah sebenarnya sudah mencapai tahap yang agak kritikal. Pada bulan Mei yang lepas sahaja, hampir semua bandar utama di Sabah seperti yang telah dinyatakan oleh rakan saya tadi, Datuk Noraini, telah mengalami gangguan elektrik yang serius. Ini disebabkan oleh bekalan elektrik yang tidak mencukupi dan ditambah pula dengan permintaan yang tinggi disebabkan oleh cuaca panas yang berterusan baru-baru ini. Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ingin menghuraikan masalah-masalah ini seperti yang telah dihuraikan oleh rakan saya tadi, namun wilayah Sabah ini sedang apa yang saya katakan tadi, mengalami krisis bekalan elektrik yang agak serius.

Pun begitu, Kerajaan Negeri Sabah sendiri tetapi komited untuk memastikan hak asasi rakyat Sabah bagi mendapatkan bekalan tenaga yang stabil terus terpelihara. Hal ini ditambah lagi dengan dukungan daripada Kerajaan Persekutuan bagi memudahkan urusan untuk Kerajaan Negeri Sabah menguruskan tenaga dengan lebih cekap dan mandiri. Malah dengan wujudnya pindaan ini, kuasa kawal selia elektrik di Sabah akan berada di bawah tanggungjawab Kerajaan Negeri Sabah bermula awal bulan Januari tahun hadapan.

Jadi kesimpulannya, saya ingin melampirkan perbahasan ini dengan tiga cadangan yang harus disegerakan bagi memudahkan solusi kepada isu *electricity* di Sabah. Pertama,

kelulusan daripada Kabinet Persekutuan untuk memohon danewartakan Artikel 95C Perlembagaan Persekutuan untuk menggantung Akta Bekalan Elektrik (Syarikat Pengganti) 1990 [Akta 448], Akta Tenaga Boleh Baharu 2011 [Akta 725] dan Akta Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Elektrik Lestari 2011 [Akta 726] haruslah disegerakan pengaplikasiannya untuk menjayakan perkhidmatan pengurusan tenaga yang lebih cekap dan berkesan.

Kedua, Pelan Pembangunan Penjanaan Elektrik Sabah 2023–2027 bagi menyediakan penyelesaian segera kepada kekurangan kapasiti penjanaan kuasa yang kritikal semasa di Sabah. Saya menggesa Kerajaan Persekutuan memainkan peranan untuk memudahkan dan meneruskan proses bagi memastikan projek yang telah dirancang di bawah Pelan Pembangunan Penjanaan Elektrik Sabah siap tepat pada masanya dan terakhir, kita dimaklumkan bahawa beberapa peruntukan seperti geran berjumlah RM2.3 bilion di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 lagi yang pelaksanaan projek pengukuhan sistem penghantaran dan pengagihan bekalan elektrik di Sabah dilaksanakan oleh Pasukan Projek Khas Bekalan Elektrik Sabah atau *Sabah Special Project Planning and Delivery Unit* (SAPADU) dan Sabah Electricity Sdn. Berhad.

Kerajaan Persekutuan mesti memastikan peruntukan pembiayaan melalui geran ini berjalan lancar kerana ia merupakan projek kemudahan awam yang mesti disiapkan menjelang tahun 2028 agar kuasa daripada dua buah stesen hidroelektrik baharu dapat disalurkan kepada penggunaan melalui grid Sabah ini.

Akhir kata, bekalan tenaga elektrik yang stabil itu hak asasi manusia. Pada ketika ini bukan sahaja penggunaan domestik tetapi penggunaan industri juga sangat memerlukan bagi memastikan produktiviti industri di wilayah Sabah sentiasa terjaga dan berkualiti. Fokusnya, tiga indikator iaitu keterjaminan tenaga- *energy security*, mampu milik- *affordability*, dan kelestarian alam sekitar- *environmental sustainability* haruslah menjadi asas bagi mencapai matlamat ini. Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja dan saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Bobbey. Yang Berhormat Menteri, isu ini memang menggugat di negeri Sabah, dan saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana hadir untuk mendengar dengan sendiri.

Jadi Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, esok ada lagi 8 orang yang telah mendaftar untuk hendak berbahas. Kita sambunglah esok pagi.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan pada hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Khamis, 22 Jun 2023.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 5.42 petang]